

Bil. 61

**Selasa
24 November 1998**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 1999. <u>Jawatankuasa:</u> <u>Jadual-</u>	(Ruangan 15)
Maksud B.26 dan B.27	(Ruangan 15)
USUL:	
Anggaran Pembangunan 1999. <u>Jawatankuasa:</u>	(Ruangan 15)
Maksud P.26 dan P.27	(Ruangan 15)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kewangan I, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P.)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

“ Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

- “ Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato' Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhammad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato' Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Punga, P.B.S. (Kapit)

Yang Berhormat Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)

- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)

Yang Berhormat Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)

Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)

- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan, P.S.D., J.S.D., K.M.N.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Nora'ini binti Hetam Ramlah binti Mohd. Yusuff Miskiah binti Hassan
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat:	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh
--------------------	---	--

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 24 November 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)

*mempengerusikan Mesyuarat]***JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN****PENAGIH DADAH – JUMLAH TANGKAPAN**

1. Tuan Md. Isa bin Sabu [Kangar] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kes tangkapan dadah sepanjang tahun 1998 berbanding tahun 1997. Bagaimana pula dengan bilangan penagih.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan kes tangkapan bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 pada sepanjang tempoh Januari hingga Ogos 1998 ialah sebanyak 10,146 orang. Bilangan ini didapati meningkat 15.5% jika dibandingkan dengan tangkapan bagi tempoh yang sama bagi tahun 1997 iaitu 8,782 orang.

Manakala bilangan kes tangkapan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 pula pada sepanjang tempoh Januari hingga Ogos 1998 ialah sebanyak 1,256 orang dan bilangan ini juga didapati telah meningkat 31.7% jika dibandingkan dengan jumlah tangkapan di bawah akta yang sama pada tahun 1997 iaitu 954 orang.

- (b) Bilangan penagih dadah yang dikesan oleh Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (NADI) dari bulan Januari hingga Jun 1998 ialah sebanyak 14,507 orang. Perangkaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 21.6% jika dibandingkan dengan tempoh masa yang sama bagi tahun 1997 iaitu 11,933 orang.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah peningkatan tangkapan ini berasaskan kepada pindaan yang telah dibuat di mana kita telah memasukkan amphetamine ataupun pil khayal dan juga syabu sebagai dadah di negara kita ini.

Saya ingin tahu, sejauh manakah pengurangan dari segi tangkapan yang melibatkan pil khayal ataupun amphetamine dan juga syabu terutamanya di negeri Sabah?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, peningkatan tangkapan yang telah saya maklumkan kepada Dewan tadi, salah satu faktornya ialah penguatkuasaan telah pun ditingkatkan dan Jabatan Narkotik telah pun ditubuhkan di bawah Polis Diraja Malaysia. Pada masa dahulu hanya sebuah cawangan, kita panggil Cawangan Anti Dadah (CAD) tetapi sekarang telah diupgrade, ditingkatkan jadi satu jabatan, maknanya kekuatan penguatkuasa dari segi pihak Polis Diraja Malaysia telah pun ditingkatkan dan kekuatan

bilangan kakitangan telah pun bertambah, strategi pun telah dikaji dengan sebaik-baiknya, itu salah faktor telah menjadikan peningkatan tangkapan.

Selain dari itu juga, saya bersetuju dengan pindaan akta agar syabu dan pil khayal juga dapat kita bendung, ini juga jadi satu faktor yang telah meningkatkan tangkapan.

Bagi negeri Sabah, masalah syabu ini masih ada tetapi telah di bawah kawalan ataupun under control, dengan izin. Pada keseluruhannya, pil khayal secara bandingan telah pun berkurangan kalau dibandingkan dengan tahun lalu, tetapi pihak berkuasa tidak menganggap ini satu perkara yang boleh mereka relax, dengan izin, dan mereka menganggap ini masih merupakan satu masalah yang serius di mana penguatkuasaan akan diteruskan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan sedar bahawa usaha-usaha pemulihan dan pencegahan yang dilaksanakan sekarang menemui kegagalan dan perlu kerajaan mencari suatu penyelesaian yang lebih berkesan dan apakah sudah ada dan kerajaan sedang memikirkan untuk mencari penyelesaian tersebut?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar tentang masalah dan juga pemulihan ini, oleh kerana itu kerajaan terutamanya Majlis Dadah Kebangsaan telah pun ada strategi di mana kita ada tiga langkah utama iaitu kita kena hebatkan usaha pencegahan dari segi semua orang umum dan kita hendak mulakan pencegahan itu di sekolah iaitu kita hendak semua murid-murid sekolah bermula dari peringkat prasekolah, sebelum masuk darjah satu sudah kena ada sedikit sebanyak pengetahuan asas bagaimana mengelakkan diri dari dadah dan terus sampai ke pusat pengajian tinggi.

Kita pun telah menetapkan satu visi untuk pencegahan dadah di sekolah iaitu menjelang tahun 2012 kita hendak melihat semua sekolah di semua peringkat akan bebas dari dadah.

Kemudian pemulihan dan rawatan juga dikaji dan dikemaskini supaya sistem pemulihan ini kita perlukan kerjasama dari masyarakat, bukan tergantung hanya kepada kerajaan. Nampaknya bila kerajaan berusaha dapat memulihkan seseorang itu apabila mereka keluar, mereka tidak diterima oleh masyarakat dengan baik dan mereka itu tertekan semula jiwa mereka dan dia masuk campur semula dengan penagih dan mereka akan jatuh balik ke dalam kategori itu.

Akhirnya, penguatkuasaan secara bersepadu, semua itu kita sekaligus, saya yakin usaha-usaha ini akan lebih berkesan.

AEROBRIDGES DI KLIA TIDAK BERFUNGSI – LANGKAH MENGATASI

1. **Dr. Yap Yit Thong [Lumut]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan alasan kenapa banyak aerojambatan di Lapangan Terbang Kuala Lumpur selalu tidak berfungsi dengan baik dan jenis tindakan yang telah diambil untuk mengatasi perkara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, aerojambatan (aerobridges) yang dipasang di KLIA adalah di antara yang terbaik dalam pasaran. Dari segi teknikal aerobridges ini telah dapat berfungsi dengan memuaskan.

Masalah yang dihadapi di KLIA mengenai sistem aerobridge pada permulaan operasi lapangan terbang adalah berpunca dari kurang kemahiran dan masalah penyesuaian kakitangan-kakitangan dengan sistem baru berkenaan. Menyedari kelemahan-kelemahan ini, program latihan khas dan amali tambahan telah pun diadakan bagi mereka.

Kini tahap perkhidmatan telah pun dapat dipertingkatkan lagi dengan memuaskan. Sekian.

[Soalan No. 3 – Y.B. Tuan Amihamzah bin Ahmad [Lipis] tidak hadir]

[Soalan No. 4 – Y.B. Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani] tidak hadir]

KAWALAN MATA WANG – KEBAIKAN DAN KELEMAHAN

5. **Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]** minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa kerajaan telah mengikat kadar ringgit bagi setiap dollar:

- (a) apakah kelebihan dan kelemahan dasar ini; dan
- (b) kedudukan rizab antarabangsa.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini sekali gus dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai yang dijadualkan untuk dijawab pada 30 November; Ahli Yang Berhormat dari Mersing yang dijadualkan untuk dijawab pada 2 Disember; Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani yang dijadualkan untuk dijawab pada 3 Disember dan Ahli Yang Berhormat dari Rompin yang dijadualkan untuk dijawab pada 7 Disember, memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diperkenalkan oleh kerajaan baru ini telah mendatangkan manfaat seperti berikut:-

- (i) kadar pertukaran mata wang yang ditetapkan pada RM1 bersamaan dengan US\$0.2632 memberi kepastian kepada pasaran pertukaran mata wang asing. Kadar pertukaran ringgit yang stabil akan memudahkan perdagangan luar negara dan mengelakkan risiko berkaitan dengan turun-naik kadar pertukaran mata wang. Semua ini memberi manfaat kepada para pedagang dan para pelabur;
- (ii) deposit dalam akaun luar negeri telah meningkat daripada RM9.1 bilion pada akhir bulan Ogos 1998 kepada RM14.3 bilion pada 15 Oktober. Berikutan penghantaran deposit yang dahulunya disimpan di luar negara. Dalam bulan September, orang ramai telah menyimpan kembali sebanyak RM1.5 bilion mata wang kertas di dalam sistem perbankan dan RM0.6 bilion dalam bulan Oktober;
- (iii) imbangan perdagangan telah mencatat lebih yang besar sebanyak RM38.7 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini berbanding dengan defisit sebanyak RM1.5 bilion dalam tempoh yang sama tahun lalu. Ini disebabkan oleh eksport berkembang dengan lebih pesat sebanyak 36.9% berbanding dengan import 11%. Berasaskan perkembangan positif dalam imbangan perdagangan, akaun semasa imbangan pembayaran dijangka mencatatkan lebih sekurang-kurangnya RM20.1 bilion dalam tahun 1998 berbanding dengan negatif RM14.2 bilion pada tahun 1997;
- (iv) dengan penggalakan langkah ini, kerajaan dapat melaksanakan dasar-dasar yang lebih positif untuk kebaikan ekonomi negara seperti menurunkan kadar faedah, menyuntik lebih mudah tunai ke dalam sistem perbankan serta memperbaiki proses perantaraan untuk membantu pemulihan ekonomi negara. Hasil kadar pemberian pinjaman asas (BLR) bagi bank perdagangan telah turun dari 12% pada bulan Mac kepada 8.08% pada masa ini. Jumlah dana di dalam sistem perbankan juga telah meningkat dengan pengkelasan semula hutang tak berbayar,

hutang tak berbayar telah berkurangan daripada RM66.8 bilion kepada RM40.8 bilion pada akhir bulan;

- (v) sentimen pasaran saham telah bertambah baik di BSKL. Kesemua indeks harga mencatatkan prestasi yang semakin baik sejak pelaksanaan langkah-langkah kawalan modal secara terpilih. Pada 20 November 1998 Indeks Komposit Kuala Lumpur dan Indeks Papan Kedua masing-masing telah meningkat sebanyak 52.3% dan 75.4% semenjak akhir bulan Ogos. Rizab luar negeri Bank Negara Malaysia pula turut meningkat sebanyak US\$3.2 bilion dari akhir bulan Ogos kepada US\$23.5 bilion pada 30 Oktober 1998 mencukupi bagi membiayai selama 4.4 bulan import tertangguh;
- (vi) peraturan kawalan mata wang tidak menjejaskan pelaburan asing langsung (FDI). Dalam sembilan bulan pertama tahun ini Malaysia telah meluluskan pelaburan dari Amerika Syarikat bernilai RM5.9 bilion iaitu jauh lebih tinggi daripada yang diluluskan untuk tahun 1997 sebanyak RM2.3 bilion. Bagi negara Belanda, jumlah yang diluluskan bernilai RM572 juta berbanding dengan RM33.5 juta pada tahun yang lepas, manakala bagi United Kingdom bernilai RM396 juta berbanding dengan RM206 juta tahun lepas dan Australia bernilai RM111 juta berbanding dengan RM90 juta tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, peraturan kawalan mata wang secara terpilih akan dikekalkan selagi tiada ketelusan dalam sistem kewangan antarabangsa. Setakat ini tiada usaha dilihat bagi membolehkan pembaharuan dibuat di dalam sistem kewangan antarabangsa. Oleh itu, Malaysia hanya akan kembali semula kepada pergerakan aliran modal yang bebas bila terdapat kestabilan yang nyata di dalam pasaran pertukaran mata wang dan pasaran kewangan antarabangsa.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Walaupun pengenaan kawalan tukaran asing ini nampak berkesan seperti apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi, tetapi ramai yang berpendapat bahawa dengan adanya kawalan tukaran asing ini membantutkan lebih banyak pelaburan asing ke negara ini, kalau mungkin tidak adanya kawalan tukaran asing ini lebih banyak pelaburan yang akan masuk ke negara kita ini.

Yang menjadi persoalan apakah bentuk kawalan seterusnya ataupun tindakan yang akan diambil oleh kerajaan apabila kedudukan Ringgit semakin kukuh dan kini pun kita lihat Ringgit kita semakin kukuh, maka sepatutnya tukaran Dolar Amerika dengan Ringgit ini sudah sepatutnya ditukar daripada keadaan sekarang, bilakah agaknya kerajaan akan bertindak untuk berbuat demikian?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya FDI yang telah dilaburkan di dalam Malaysia ini ialah RM3 bilion, ini memang untuk tahun ini, ini memang satu angka yang amat menggalakkan dan saya tidak percaya kenyataan yang mengatakan FDI telah menurun dan mungkin lebih banyak yang akan melabur di dalam negara kita ini. Ini memanglah ada kenyataan yang mempunyai tujuan yang tersembunyi.

Walaupun Ringgit pada masa sekarang telah naik tetapi ada kemungkinan juga ia boleh turun, jadi kalau kita mengubah atau menetapkan Ringgit kita dengan kadar pertukaran yang berlainan dengan Dolar Amerika itu, mungkin ini akan menjejaskan tujuan utama kita iaitu kita hendak mempunyai satu kadar pertukaran yang stabil untuk membolehkan pelabur kita sama ada yang mengimport ataupun mengeksport dengan satu kadar yang stabil dan kerajaan tidak mempunyai keazaman untuk menukar-nukarkan kadar pertukaran seperti yang telah ditetapkan pada RM3.80 dengan US\$1.

Tuan Wong Kam Hoong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya merasa amat gembira negara kita mencatatkan kelebihan dagangan (trade surplus), peningkatannya berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Tetapi akaun semasa kita, rizab akaun semasa negara kita tidak mencatatkan peningkatan yang selari dengan kelebihan dagangan negara kita. Soalan saya, mengapakah keadaan ini wujud? Sekian, terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan ini, sila ulang.

Tuan Wong Kam Hoong: Minta maaf. Kelebihan dagangan – trade surplus negara kita pada tempoh tahun ini sampai bulan September meningkat berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Tetapi rizab di akaun semasa (current account reserve) tidak mencatatkan kelebihan atau peningkatan yang selari dengan kelebihan dagangan negara kita, sebabnya?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak jangka ini tidak selari. Saya tidak berapa faham dengan current account reserve, tapi kalau mengikut angka yang saya perolehi itu iaitu akhir September ini lebihan imbangan perdagangan ialah RM38.7 bilion berbanding dengan RM1.5 bilion defisit pada masa yang sama tahun yang lepas. Jadi ini telah membolehkan kita, kalau kita tolak untuk bayaran perkhidmatan dan akaun bayaran perkhidmatan iaitu dari segi insuran, freight charges dan sebagainya dan oleh kerana kita masih mempunyai defisit lagi, jadi walau bagaimanapun kita masih mendapat lebihan untuk akaun semasa iaitu RM20 bilion bagi tahun ini berbanding dengan tahun yang lepas iaitu RM14.2 bilion.

PENGELUARAN LESEN PENJAJA DI WILAYAH PERSEKUTUAN OLEH DBKL – KEGAWATAN EKONOMI

6. **Dr. Lee Chong Meng [Bukit Bintang]** minta Perdana Menteri menyatakan tentang pengeluaran lesen penjaja di Wilayah Persekutuan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Memandangkan masalah kegawatan ekonomi dan banyak graduan ataupun keluarga yang tidak mempunyai pekerjaan apakah pengeluaran lesen-lesen ini akan dilakukan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, sejak bulan Januari 1996, kerajaan telah mengambil keputusan untuk membekukan buat sementara lesen penjaja statik. Keputusan tersebut dibuat bagi membolehkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menyusun semula penjaja statik yang menjalankan kegiatan mereka di atas bahu-bahu jalan yang boleh mengganggu kelicinan lalu-lintas.

Sejak Disember 1997, sebanyak 34,362 lesen penjaja di sekitar Wilayah Persekutuan yang mana 9,500 penjaja adalah penjaja statik. Setakat ini jumlah lebih dari 2,800 penjaja statik telah ditempatkan semula atau dibatalkan lesen mereka kerana tidak menjalankan perniagaan atau melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja dan Gerai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1989.

Pada tahun 1997 sahaja sejumlah 880 penjaja telah terlibat dengan proses ini. Proses untuk menempatkan semula mereka akan diteruskan sehingga selesai sebelum kerajaan menimbangkan untuk membatalkan keputusan pembekuan pengeluaran lesen penjaja statik. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah mengenal pasti 17 tempat untuk pembinaan pusat-pusat penjaja bagi memenuhi keperluan penempatan semula penjaja statik ini. Selain daripada itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah memastikan pihak-pihak swasta menyediakan sejumlah ruang dalam bangunan-bangunan yang dibina bagi penempatan penjaja ini. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Di sekitar Bandar Kuala Lumpur terdapat banyak gerai yang diniagakan oleh pendatang-pendatang asing. Yang saya hendak tahu adakah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedar tentang hal ini dan jika gerai-gerai itu kepunyaan warganegara, adakah tindakan akan diambil jika disewakan kepada pendatang asing ini?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada lesen dikeluarkan untuk pendatang asing. Dan jika kita ketahui ataupun tahu bahawa lesen mereka disewa kepada pendatang asing, maka ia akan ditarik balik dengan serta-merta dan kita juga telah berbincang dengan Persatuan Penjaja-penjaja Kecil Wilayah Persekutuan dan Malaysia, untuk mereka juga kenal pasti siapakah ahli mereka yang menyewa lesen mereka kepada pendatang asing sebab kita dengar banyak orang kompelin tentang sewaan kepada pendatang asing, tapi bila kita minta persatuan-persatuan ini untuk mengemukakan ahli-ahli mereka yang telah menjual ataupun menyewa, maka tidak ada.

Kemudian juga apabila kita buat raid ataupun kita buat serbuan ke tempat-tempat yang kita anggap sebagai tempat ada penjaja-penjaja asing, maka apabila disoal penyewa yang ada di situ menyatakan bahawa ini pekerja dia, dia bukan sewa kepada pendatang asing ataupun kalau kita dapati ada pendatang di situ, dia kata ini hanya untuk sementara dia sewa dan sebagainya. Jadi tidaklah semudah ini untuk menangkap mereka kecuali pemegang lesen itu sendiri yang mahu bekerjasama dengan kita untuk menyelesaikan masalah ini. Selagi mereka juga berdolak-dalik dan menghalang - tidak mahu bekerjasama maka masalah pendatang asing yang berniaga di tempat itu akan terus berlaku sebab kita sendiri bila tanya, dia kata, tidak. Terima kasih.

Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih, soalan tambahan. Oleh kerana Bukit Bintang adalah kawasan pusat bandaraya di Kuala Lumpur, saya bangkit isu tentang penjajaan. Kita tahu bahawa rakyat Malaysia suka makan makanan di tepi jalan atau di gerai-gerai penjaja kerana inilah amalan atau tradisi kita. Jadi, saya dimaklumkan bahawa di awal tahun 1997, bekas Menteri Kewangan pun pernah memperuntukkan sebanyak RM20 juta untuk membina 4 pusat penjaja di Wilayah Persekutuan. Dan saya pun dimaklumkan bahawa pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah pun kenal pasti 20 tapak untuk membina pusat penjaja. Sampai sekarang ini tidak ada tindakan yang diambil. Jadi untuk mempertingkatkan tahap penjajaan di Malaysia, saya berpendapat bahawa pembinaan berpusat penjaja perlulah dijalankan.

Satu lagi, apakah kriteria-kriteria untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengeluarkan lesen-lesen penjaja kerana saya difahamkan bahawa pada masa kini penjaja yang tidak berlesen didenda dengan hukuman RM300 sekeping saman, jadi ini akan menjadi satu masalah untuk penjaja kerana mereka menghadapi masalah tentang kegawatan ekonomi. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah terangkan isu ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, memang ada 17 tempat penjaja yang telah kita sediakan yang sedang dibuat, iaitu fasa pertama, Taman Sri Wangsa, Taman Usahawan, Danau Kota, Taman Desa Aman, Kampung Sungai Baru. Tempat-tempat ini telah kita lantik konsultannya dan kita akan mulakan secepat yang mungkin. Ada lagi fasa dua, 7 lagi. Daripada 17 itu ada 6 lagi. Dan kerajaan telah menyediakan lebih kurang RM30 juta di dalam Rancangan Malaysia Ke-7 untuk membina pusat-pusat penjaja. Jadi kita akan tempatkan mereka di tempat-tempat ini dan juga di dalam bangunan-bangunan yang mana 2% daripada floor space bangunan-bangunan disediakan untuk penjaja.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, mengenai dengan kegawatan ekonomi dan penjaja disaman, kita kena ingat juga Yang Berhormat, bahawa dalam apa-apa pekerjaan, apa-apa perkara yang kita hendak mulakan kenalah ikut peraturan. Kalau kita hendak kerja, kita kena pergi interview. Kalau kita nak buat apa pun, kita kena ada peraturannya.

Takkan kita nak menjaja, bila kita rasa kita hendak jual kopi ke, kuih ke, kita buka kedai di tepi jalan, kita jual. Mesti ada peraturan, mesti ikut peraturannya sama ada dia tidak mengganggu lalu-lintas, tidak menyebabkan kekotoran, dia tidak ada penyakit yang berjangkit dan sebagainya. Bukan bermakna bahawa penjaja ini tidak ada peraturan. Dia mesti juga ada peraturan dan mesti ada juga had-hadnya. Bukan bermakna ada kegawatan ekonomi, kita boleh mula ikut suka hati kita saja. Apabila kita mula ikut suka kita dengan tidak teratur, maka akan timbul balik masalah di Kuala Lumpur ini.

Jadi, jangan kita ambil kesempatan kegawatan ekonomi ini untuk memulakan perniagaan yang akan mengganggu-gugat lalu-lintas, kekotoran dan sebagainya. Kalau ini semua dapat kita atasi sudah tentu kita tidak akan menyaman ataupun memberi apa-apa kesusahan kepada penjaja. Kita faham bahawa penjaja adalah warna-warni Kuala Lumpur juga dan penjaja juga adalah satu cara hidup kita untuk kita mendapat makanan tetapi peraturan dan syarat-syarat mestilah dipatuhi.

PERKHIDMATAN TELEFON UNTUK RAKYAT DI LUAR BANDAR

7. **Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim [Sabak Bernam]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah rancangan kementerian dalam memenuhi dan melaksanakan kemudahan perkhidmatan telefon untuk rakyat di luar bandar.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkhidmatan telefon luar bandar adalah merupakan perkhidmatan penting yang diberi perhatian oleh kementerian ini. Syarikat-syarikat telekomunikasi di negara ini diperlukan membekal perkhidmatan mereka ke luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga kini sejumlah 18,632 telefon awam telah dipasang di kawasan luar bandar. Selain daripada itu, sejumlah 1.8 juta talian dengan izin 'fixed lines' telah dipasang di luar bandar. Angka ini merupakan 42% daripada jumlah keseluruhan iaitu 4.3 juta talian yang dipasang di seluruh negara.

Perkhidmatan telefon bimbit juga terus dipertingkatkan oleh syarikat-syarikat telefon cellular dari masa ke semasa bagi meningkatkan kawasan liputan perkhidmatan masing-masing ke kawasan luar bandar. Dalam usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan penyediaan telefon di luar bandar, Program Tanggungjawab Perkhidmatan Sejagat (Universal Service Obligation), dengan izin, akan diperkenalkan mulai tahun 1999 dan program ini akan dibiayai melalui satu tabung khusus dengan sumbangan daripada semua syarikat telekomunikasi. Dan melalui program ini penyediaan perkhidmatan telefon luar bandar akan dapat disediakan dengan lebih luas, cepat dan teratur.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kerajaan memberikan satu program yang spesifik untuk melaksanakan perkhidmatan telefon awam di luar bandar di Sarawak kerana saya difahamkan di seluruh negeri Sarawak mempunyai lebih kurang 5,000 buah rumah panjang dan beribu-ribu kampung. Saya sentiasa menerima aduan dari rakyat luar bandar di atas kesulitan mereka untuk memohon telefon awam. Contohnya di sebuah rumah panjang yang mempunyai penduduk mungkin 50 keluarga, terlalu sulit bagi mereka untuk meminta walaupun sebuah telefon awam. Adakah Kementerian Pembangunan Luar Bandar memberi perhatian khas untuk perkara ini. Sekian.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, untuk membekalkan perkhidmatan telekomunikasi ke kawasan pedalaman seperti kawasan pedalaman di Semenanjung, Sarawak ataupun Sabah adalah merupakan satu projek ataupun program yang memerlukan perbelanjaan yang begitu besar sekali.

Walau bagaimanapun, kerajaan memang memberikan perhatian yang cukup serius tentang perkara ini dan Telekom Malaysia Berhad pada setiap tahun memang juga mempunyai program-program spesifik untuk membekalkan perkhidmatan telekomunikasi ke luar bandar. Misalan kata telefon awam yang telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Sibul, pada tahun 1996 di seluruh negara bagi setiap 10,000 penduduk di kawasan luar bandar, mereka cuma dapat dibekalkan 22.6 buah telefon awam sahaja tetapi kita memang ada rancangan sampai tahun 2000 di mana angka ini akan dipertingkatkan daripada 22.6 buah kepada 38.5 buah. Dan untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Telekom Malaysia Berhad telah menyediakan satu peruntukan yang cukup besar khusus untuk mempertingkatkan perkhidmatan telefon di luar bandar iaitu dekat RM2 bilion khusus untuk kawasan luar bandar sahaja. Ini merupakan satu peruntukan yang cukup besar oleh kerana seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum ini merupakan satu business yang mengalami kerugian yang besar. Walau bagaimanapun, kerajaan memandang perkara ini sebagai satu social obligation kerajaan dan juga syarikat-syarikat telekomunikasi. Maka oleh kerana itu sungguhpun mengalami kerugian besar di kawasan luar bandar, kita masih memberikan peruntukan yang cukup besar untuk mempertingkatkan perkhidmatan.

Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, lama sudah saya ini bangun, *[Ketawa]* tetapi tiada arah - uzur, orang tidak nampak kita hendak lawan pun tidak boleh. *[Ketawa]* Jadi hari ini saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Telekom, Komunikasi dan Multimedia tolong jawab dengan betullah. Yang pertama bulan Julai tahun lepas kita sudah bersidang, Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jaminan kepada saya bahawasanya telefon di luar bandar khususnya kawasan Parlimen Tanah Merah ini termasuk Dong Chetak, Dong Bukit Panau dan Dong Gual Ipoh. Yang Berhormat Timbalan Menteri buat jaminan bulan Julai tahun lepas akan siap, sebaik sahaja pemasangan alat di Bukit Bakar itu siap tetapi hari ini alat di Bukit Bakar sudah pun siap tetapi telefon di Gual Ipoh masih lagi tiada, tinggal tiang sahaja yang tercacak. Bila saya pergi ke Pejabat Telekom dia kata kena bayar RM250.00, saya keluar peruntukan saya bayar RM250.00, bila bayar RM250.00 sampai ke hari ini pun tidak ada. Soalannya saya hendak tahunya Kementerian Telekom, Komunikasi dan Multimedia adakah buat hubungan dengan syarikat secara elok ataupun bagaimana caranya. Sebab bila kita pergi ke Pejabat Telekom, Telekom jawab tiada peruntukan, alat pun tiada, dia kata. Jadi saya mintalah penjelasan secara detail sebab baru-baru ini Yang Berhormat Dato' K. Kumaran pergi ke Ladang Kerla orang bersungut kepada dia juga. Jadi, saya pun berasa malu juga, nasib baiklah Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu tidak pergi, kalau Yang Berhormat Dato' Seri S. Samy Vellu pergi dia pun kena. *[Ketawa]* Jadi, minta memberi penjelasan secara detail kalau tidak boleh buat beritahu kata tidak boleh buat. Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Dikir Barat. *[Ketawa]*

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya memang sudah memberikan perhatian yang khusus dan segala jaminan yang saya buat di Dewan yang mulia ini, saya akan menunaikan segala jaminan yang saya buat. Maka masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat di Tanah Merah ini saya memberikan jaminan sekali lagi, projek ini dahulu memang sudah berjalan, saya akan menunaikan jaminan ini supaya masalah Yang Berhormat dapat diselesaikan. Sekian, terima kasih.

SMK TUTOH/APOH, BARAM - MENGATASI MASALAH BANJIR

8. **Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram]** minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan SMK Tutoh/Apoh, Baram kerap kali dilanda banjir tiap-tiap tahun, apakah tindakan yang diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah ini dan adakah kementerian bercadang untuk membina bangunan sekolah baru di kawasan yang tinggi.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah banjir yang sering melanda SMK Tutoh/Apoh, Baram. Antara tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil ialah:

- (i) mengagihkan peruntukan untuk kerja-kerja pembaikan persiapan banjir berdasarkan kepada permohonan daripada sekolah mengikut peruntukan yang ada;
- (ii) pemantauan yang kerap dilakukan oleh pengetua sekolah berkenaan; dan
- (iii) Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak sedang merancang untuk membina bangunan gantian di kawasan yang lebih tinggi di bawah peruntukan ubahsuai naik taraf.

Tuan Jacob Dungau Sagan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana mempunyai rancangan untuk memindahkan bangunan sekolah tersebut ke tempat yang tinggi. Memandangkan fenomena La-Nina dianggap akan melanda kawasan kita dalam satu atau dua bulan yang akan datang ini, apakah tindakan yang telah ataupun akan diambil oleh kerajaan bagi mengelak kemalangan yang mungkin berlaku di sekolah tersebut?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sudah mengarahkan setiap jabatan pendidikan negeri untuk membuat contingency plan, dengan izin, untuk menghadapi masalah-masalah banjir di seluruh negara, ini termasuklah Sarawak. Dalam konteks ini kita sudah ada contingency plan, dengan izin, untuk menentukan bahawa pelajar-pelajar tidak akan terjejas di dalam proses pengambilan peperiksaan SPM, STPM dan sebagainya. Menjelang tahun hadapan apabila sekolah bermula, Kementerian Pendidikan akan mengarah setiap jabatan pendidikan negeri untuk memberitahu semua pengetua dan guru besar sekiranya ada banjir di setiap sekolah yang tertentu, kita boleh membuat persiapan alternatif supaya masa persekolahan pelajar-pelajar itu tidak akan terjejas.

SUKOM 98 BERHAD. – PELUANG MEMASAR/MEMPROMOSI HASIL KRAFTANGAN PIHAK PEKEBUN KECIL OLEH RISDA

9. **Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan kenapa Sukom Ninety Eight Berhad, tidak langsung memberi apa-apa jawapan kepada RISDA tentang harapan bagi diberi peluang melibatkan diri memasarkan dan mempromosi hasil kraftangan pihak pekebun-pekebun kecil berbentuk bunga-bunga dan kreativiti lain semasa Sukom 98, sungguhpun menteri sendiri memberi sokongan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pihak Sukom Ninety Eight Berhad sememangnya dimaklumkan tentang promosi hasil kraftangan pekebun-pekebun kecil berupa bunga telur sebagai cenderamata iringan kepada pemenang-pemenang pingat. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Pembukaan dan Penutupan memutuskan agar cenderahati iringan ini adalah bunga telur berwarna perak dari bahan biasa dan bukannya dari bahan daun getah kering. Keputusan ini telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Eksekutif Majlis Sukan Komanwel.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila kita melawat Sukom baru-baru ini, memanglah meriah, memanglah tempat itu mendapat tarikan begitu ramai tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kita ada gerai-gerai *ad hoc* yang kita tubuhkan – yang kita naikkan untuk Sukom ini. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk menasihati Sukom Ninety Eight Berhad ataupun Lembaga

Kompleks Sukan ini supaya mereka mengadakan tempat jualan yang tetap, tersusun dan lebih selesa supaya bukan setakat kita ada sukan sahaja tetapi apabila kita ada apa-apa tarikan atau apa-apa show di situ, maka mereka ini boleh berniaga dan kita tidak terpaksa memasuk khemah-khemah atau gerai-gerai, jadi nampak tidak elok tempat itu. Bangunan yang sebegitu indah – berbilion-bilion ringgit tetapi dicemari dengan gerai-gerai yang tidak teratur dan tersusun. Adakah kementerian bercadang supaya diadakan macam gerai-gerai kraftangan atau gerai-gerai barang keluaran Malaysia untuk kita jual kepada pengunjung-pengunjung sama ada di luar ataupun dalam negeri?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Sukom Ninety Eight Berhad tidak lagi memainkan apa-apa peranan di dalam menjalankan atau mentadbirkan facilities sukan yang ada di Bukit Jalil. Perbadanan Stadium yang sekarang diberi tanggungjawab untuk menentukan semua aktiviti yang diadakan di sekeliling Stadium Nasional kita itu berjalan dengan baik. Jadi, nasihat Ahli Yang Berhormat tadi akan saya sampaikan kepada pihak Perbadanan Stadium. Saya rasa sudah semestinya mereka sedar tentang adanya anasir-anasir negatif yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dan saya rasa bahawa jikalau diwujudkan gerai-gerai di sekeliling kompleks sukan, sudah semestinyalah nanti ada hasil-hasil kraftangan buatan Malaysia.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ucap syabas kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan. Yang saya bangkitkan dalam soalan asal saya tadi bahawa apabila ada sesuatu temasya antarabangsa ataupun perhimpunan yang besar di negara kita ini, sudah menjadi biasa kita hendak mem'promote'kan local products lebih-lebih daripada luar bandar – orang-orang yang betul-betul tidak ada tempat hendak menonjolkan products mereka. Persoalan yang saya bangkitkan itu ialah apakah salah, walaupun sudah dibuat keputusan pihak yang bertanggungjawab hendak mengambil sesiapa pun, apakah salahnya beri jawapan, ini langsung tidak diberikan jawapan! Ini sudah melambangkan sesuatu – saya tidak menyalahkan kementerian. Saya sudah berjumpa dengan Menteri yang berkenaan dan Menteri yang berkenaan menyokong. Saya hendak menyatakan di sini, kenapa pihak yang diberi konsesi ini bersikap begitu sombong dan bongkak, tidak menghiraukan pandangan [*Tepuk*] pihak-pihak products orang-orang kampung. Kenapa tidak beri jawapan? Jawapannya kita terima.

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, saya memang faham rintihan rasa hati Ahli Yang Berhormat. Kalaulah kita di kementerian ada kuasa dan ada lagi sukan antarabangsa, insya-Allah, kita akan jawab terus-menerus kepada Ahli Yang Berhormat tetapi saya rasa bahawa sebabnya Ahli Yang Berhormat tidak mendapat jawapan, mungkin kerana pada masa itu, pihak Sukom Ninety Eight Berhad terlalu sibuk untuk menguruskannya tetapi saya rasa bahawa mereka tahu tentang rasa hati Ahli Yang Berhormat dan saya rasa perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin mengucapkan syabas juga kepada Ahli Yang Berhormat selaku Pengerusi RISDA oleh kerana saya nampak di mana sahaja Ahli Yang Berhormat pergi sentiasa mempromosikan hasil kraftangan RISDA [*Tepuk*]. Saya betul-betul menaruh harapan agar semua pengerusi badan-badan kerajaan yang lain harus mengambil contoh yang baik [*Sorak*] oleh Ahli Yang Berhormat sehinggakan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sendiri pun tidak dapat tidak mesti tempa daripada RISDA untuk mesyuarat AIPO baru-baru ini.

Walau bagaimanapun Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan di sini bahawa saya difahamkan walaupun secara rasminya hasil kraftangan daripada RISDA tidak digunakan untuk pemberian hadiah, tetapi mereka yang diberi sewaan untuk gerai-gerai itu telah pun menjual barang-barang daripada RISDA. So, all is not lost, dengan izin.

**MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA –
JUMLAH RIZAB/SIMPANAN DIGUNAKAN**

10. **Tuan Tan Kok Wai [Cheras]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah rizab dan apa jua bentuk simpanan baik oleh kerajaan dan korporat, agensi dan perbankan dan sejauh mana wang itu telah digunakan untuk memulihkan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, rizab luar negara Bank Negara Malaysia telah meningkat sebanyak US\$3.2 bilion dari bulan Ogos kepada US\$23.5 bilion pada 30 Oktober 1998 mencukupi bagi membiayai selama 44 bulan import tertangguh, manakala deposit dalam sistem perbankan berjumlah RM421.3 bilion pada akhir 9 bulan pertama tahun ini di mana simpanan oleh individu-individu berjumlah 45%, sektor swasta 43.8%, kerajaan 8.8% dan lain-lain pendeposit berjumlah 2.4%. Simpanan ini membolehkan sistem perbankan menyalurkan pinjaman untuk aktiviti-aktiviti pemulihan ekonomi sehingga akhir bulan September 1998. Sistem perbankan telah mengeluarkan sebanyak RM419.7 bilion atau pertumbuhan tahunan sebanyak 4.5%. Namun demikian, pertumbuhan kredit yang tinggi diperlukan bagi menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi sedangkan pihak bank masih mengambil sikap terlalu berhati-hati dalam mengeluarkan pinjaman.

Bank Negara Malaysia pada 9 September 1998 telah mengumumkan bahawa pertumbuhan kredit sebanyak 8% perlu dicapai pada akhir tahun 1998. Bagi maksud ini dianggarkan sejumlah RM450 bilion pinjaman harus dikeluarkan oleh sistem perbankan pada akhir tahun ini bagi menjanakan kegiatan-kegiatan yang akan membantu pemulihan ekonomi negara.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Dalam konteks memulihkan ekonomi negara semenjak bulan September 1998, pelabur asing yang membeli saham di Bursa Saham Malaysia tidak boleh menjual saham mereka sehingga September 1999.

Persoalan saya mengikut analisa iaitu capital flight will happen, dengan izin apabila berlaku bulan September 1999, adakah Dana Negara yang ada pada kita sekarang mencukupi untuk menjaga ekonomi negara apabila pelabur asing ini menjual saham mereka dan membawa keluar sumber wang daripada negara ini. Terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan yang susah hendak dijawab, tetapi segala langkah telah diambil untuk kita menghadapi pemindahan dana seperti yang dijangkakan akan berlaku pada masa itu.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, khazanah ataupun wang negara digunakan sekarang ini untuk menyelamatkan di antaranya PERWAJA, MRCA, BBMB, Konsortium Perkapalan dan sebagainya. Persoalannya, kita Ahli Parlimen Dewan Rakyat ingin tahu bahawa kerajaan menyelamatkan agensi-agensi seperti itu adalah kerana benar-benar rugi kerana kejatuhan ekonomi dan sebagainya ataupun penyelewengan yang berlaku, misalnya dalam BBMB dan sebagainya. Apakah kerajaan tidak bersedia untuk memberi penjelasan bahawa yang diselamatkan itu kerana kerugian dalam perniagaan dan bukan ada unsur-unsur penyelewengan atau nepotisme untuk menyelamatkan syarikat-syarikat besar ini yang menggunakan wang kerajaan ataupun wang daripada yang dikumpulkan dalam apa yang dipanggil sekarang tabung kewangan untuk membiayai syarikat-syarikat yang menghadapi masalah.

Jadi penjelasan ini, Ahli Parlimen paling kurangnya perlu tahu syarikat yang kita hendak selamatkan itu. Apakah pihak kementerian ada rancangan untuk memberi penjelasan kepada kita paling kurang syarikat-syarikat yang cuba diselamatkan oleh kerajaan?

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kenyataan umum secara ini adalah tidak begitu tepat oleh kerana sebarang kerugian ataupun langkah-langkah penyelamat itu yang diambil oleh kerajaan telah kita jelaskan dalam Dewan yang mulia ini dan memang segala usaha telah diambil untuk kita membantu supaya syarikat-syarikat ataupun syarikat swasta itu dapat kita selamatkan. Sekiranya kalau terdapat penyelewengan yang berlaku memang pihak yang berkuasa akan mengambil tindakan yang sewajarnya mengikut undang-undang yang terdapat di dalam negara kita.

KEGAWATAN EKONOMI – SEBAB-SEBAB KOPERASI TERJEJAS TERUK

11. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan memandangkan 51 daripada 3,000 koperasi di negara ini terjejas teruk akibat kegawatan ekonomi, apakah sebab-sebab utama 51 buah koperasi ini telah terjejas dan apakah tindakan menyelamat yang diambil.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengenal pasti sebanyak 59 buah koperasi yang telah terjejas akibat kegawatan ekonomi. Koperasi-koperasi berkenaan terjejas kerana:

- (a) kerugian yang dialami berikutan kejatuhan teruk harga saham yang dibeli melalui pinjaman daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan; dan
- (b) kenaikan kadar faedah pinjaman yang menyebabkan pertambahan jumlah bayaran ansuran bulanan sehingga menjejaskan aliran tunai koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, koperasi-koperasi yang terlibat telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah penting yang di antaranya mengadakan rundingan dengan bank-bank dan institusi-institusi kewangan mengenai penyusunan semula bayaran balik pinjaman, memperkemas pengurusan kewangan dan mengamalkan perbelanjaan berhemat.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tambahan. Daripada 59 koperasi yang menghadapi masalah kewangan sekarang, adakah di antaranya mungkin digulungkan? Adakah kemungkinan ini berlaku memandangkan, saya difahamkan di antara 59 ini ada yang sangat teruk yang tidak dapat membayar balik wang ansuran kepada bank-bank yang terlibat.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, daripada 59 buah koperasi tersebut, 41 buah koperasi mampu membuat bayaran balik kepada institusi pinjaman. 9 buah koperasi pula mampu membuat bayaran balik sekiranya dibuat penjadualan semula dan baki 9 buah lagi disifatkan dalam keadaan tenat. 9 buah koperasi ini yang bergiat di negeri Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Pahang dan Johor mempunyai baki pinjaman bank atau institusi kewangan sebanyak RM13.7 juta pada 30 Jun 1998. Kedudukan mereka telah dibawa kepada perhatian Kementerian Kewangan dan juga perhatian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rasional kerajaan membenarkan koperasi meminjam daripada bank untuk melabur dalam bidang saham. Tidakkah ini merupakan risiko yang amat tinggi dan bercanggah dengan konsep asal koperasi? Sekian, terima kasih.

Dr. Goh Cheng Teik: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, biasanya koperasi dibenarkan membeli saham dengan wang kelebihan koperasi sendiri tetapi sekiranya ingin meminjam daripada bank dan institusi kewangan perlu

memohon kebenaran Ketua Pendaftar. Saya menerima baik teguran Ahli Yang Berhormat dan sebenarnya selepas berlaku kejadian ini kementerian telah menghantar surat pekeliling kepada semua koperasi dan meminta mereka hanya memakai wang lebihan untuk membeli saham.

POTENSI SEKTOR-SEKTOR PERTANIAN – LANGKAH-LANGKAH

11. Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang] minta Menteri Pertanian menyatakan butir-butir mengenai sektor-sektor pertanian yang berpotensi mendatangkan hasil lumayan di pasaran antarabangsa seperti kelapa sawit. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian dalam memajukan lagi sektor-sektor tersebut.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah mengenal pasti beberapa sektor yang mempunyai potensi untuk dimajukan di masa hadapan. Sektor-sektor ini termasuk produk botanica, seperti herba, rempah-ratus, tanaman perubatan dan tanaman aromatic, sago, rosel, bunga-bunga, ikan hiasan, ternakan rusa, produk bioteknologi dan sebagainya. Walaupun produk-produk ini tidak setanding dengan kelapa sawit dari segi saiz pengeluaran, kebanyakannya merupakan produk pertanian yang mempunyai nilai tinggi dan mampu menambahkan pendapatan negara di masa hadapan.

Untuk menggalakkan kemajuan produk ini langkah-langkah seperti berikut sedang diambil oleh Kementerian Pertanian:

- (i) untuk memperbaiki infrastruktur untuk menyokong usaha R&D;
- (ii) meningkatkan kegiatan penyelidikan di institusi-institusi penyelidikan dan universiti terhadap produk-produk yang dikenal pasti;
- (iii) membangunkan sumber manusia khususnya dalam bidang baru seperti bioteknologi;
- (iv) meneruskan insentif sedia ada untuk mendorong kemajuan pelbagai sektor;
- (v) menggalakkan sektor swasta untuk menceburi sektor baru sama ada secara persendirian atau melalui usaha sama;
- (vi) merangka akta perlindungan variety tumbuhan untuk melindungi, mencipta variety tumbuhan baru demi mendorong pelaburan dalam sektor tanaman; dan
- (vii) mengadakan risikan pasaran untuk menentukan prospek pasaran produk-produk berkenaan.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri Pertanian yang sentiasa peka dan prihatin di atas perkembangan Kementerian Pertanian, tetapi ekoran daripada soalan asal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sepang tadi, ada menyentuh dengan kedudukan kepala sawit dan mungkin perkara ini adalah melibatkan tiga kementerian, Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya minta pandangan Yang Berhormat, sekarang ini negara kita mengeluarkan getah dan kelapa sawit, bitumen eksport dulu tetapi sekarang ini getah jatuh nombor tiga, soalnya apakah pandangan Yang Berhormat dari segi sektor Kementerian Pertanian kedudukan Malaysia menarik diri daripada INRO baru-baru ini dari segi untuk mengawal harga getah di negara kita.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat dari Kuala Pilah, soalan ini menyatakan apakah sektor-sektor yang boleh dikeluarkan oleh pihak pertanian seperti kelapa sawit, yang mana pengeluarannya boleh dikeluarkan secara komoditi. Jadi menyentuh soalan Yang Berhormat itu, minta maafilah bukan di bawah kementerian saya, itu Kementerian Perusahaan Utama.

[Soalan No. 13 - Y.B. Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran) tidak hadir]

**KENDERAAN IMPORT YANG DIRAMPAS
DAN MASIH BELUM MENJELASKAN CUKAI - JUMLAH**

14. **Tuan Yunus Rahmat [Jelebu]** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja hingga Ogos 1998, jumlah kenderaan import yang dirampas dan yang masih belum dijelaskan cukai; dan
 - (b) masalah yang dikenal pasti dalam urusan kutipan cukai oleh kastam sehingga negara mengalami kerugian yang besar serta anggaran kerugian yang dialami merangkumi semua sektor.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pungutan hasil oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja bagi tempoh Januari hingga Ogos 1998 ialah sebanyak RM11.2 bilion. Manakala jumlah kenderaan yang telah dirampas dan masih belum dijelaskan cukainya bagi tempoh yang sama seperti berikut. Pada tahun 1998 hingga Ogos bilangan kenderaan yang telah dirampas ialah 668 buah. Nilai yang sebenarnya berjumlah RM28.2 bilion. Cukai yang patut dikenakan ialah RM10.3 bilion. Di antara masalah yang dihadapi oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dalam usaha memungut cukai adalah seperti berikut:

- (i) terdapat syarikat-syarikat pengilangan yang menghadapi masalah kewangan terpaksa menutup kilang mereka dan berikutan ini pengarah-pengarah syarikat menghilangkan diri untuk mengelakkan daripada membayar cukai;
- (ii) mengikut peraturan semasa syarikat-syarikat pengilangan yang mempunyai nilai jualan melebihi RM100,000 perlu mendapatkan lesen cukai jualan. Walau bagaimanapun, terdapat syarikat tidak berbuat demikian, bertujuan mengelakkan daripada membayar cukai sepatutnya;
- (iii) terdapat syarikat-syarikat yang gagal mengemukakan penyata cukai jualan ataupun cukai perkhidmatan ataupun mengemukakan penyata cukai tetapi tidak membuat bayaran;
- (iv) buat masa ini syarikat diberi kelonggaran membayar cukai secara ansuran, walau bagaimanapun terdapat syarikat telah tidak mematuhi jadual pembayaran yang ditetapkan. Dalam hal ini tindakan mahkamah akan diambil ke atas syarikat-syarikat yang gagal membuat bayaran. Anggaran kerugian yang dialami oleh kerajaan akibat daripada masalah-masalah tersebut sehingga bulan Oktober tahun ini adalah sebanyak RM207 bilion.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin: Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk soal jawab telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 dan 15 hingga 19 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1999
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 1999****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1999 dan Anggaran Pembangunan 1999 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Keenam]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) mempelengerusikan Jawatankuasa]

Maksud B.26 dan B.27 [Jadual] -

Maksud P.26 dan P.27 [Anggaran Pembangunan, 1999] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.26 dan B.27 dan Kepala Pembangunan P.26 dan P.27 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Senai.

11.06 pagi

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 020700 - Pendidikan Guru iaitu Maksud Bekalan 26 - Kementerian Pendidikan.

Tuan Pengerusi, kekurangan tenaga pengajar yang dihadapi oleh sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil di Johor masih menjadi sesuatu isu yang hebat dibangkitkan dan perlu diselesaikan. Walaupun Kementerian Pendidikan telah mengagihkan sebahagian besar bekalan guru di sekolah rendah Cina ke negeri Johor pertengahan tahun 1998, kini sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil di Johor memerlukan pertambahan guru seramai 700 orang pada awal tahun 1999.

Biasanya, bekalan guru yang akan datang adalah pada bulan Julai ini bermakna, sekolah-sekolah Cina dan Tamil di Johor perlu mencari seramai 700 orang guru sandaran untuk mengatasi masalah kekurangan guru pada awal tahun depan. Perkara ini memang bukan senang diatasi, pengalaman menunjukkan bahawa cuma seramai 300 hingga 400 jawatan kosong sahaja dapat diisi oleh guru sandaran tidak terlatih, maka ramai murid akan menjadi mangsa akibat daripada masalah ini. Saya difahamkan bahawa jumlah guru bahasa Cina lepasan maktab perguruan yang akan mula berkhidmat mulai bulan Julai 1999, adalah 200 lebih sahaja dan berapa daripada mereka ini akan dihantar ke negeri Johor.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan yang sekali lagi membenarkan Jabatan Pendidikan Negeri mengambil guru-guru kontrak di sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil namun demikian, saya juga difahamkan bahawa setakat ini belum ada langkah-langkah yang konkrit oleh Jabatan Pendidikan Negeri terhadap pengambilan guru-guru kontrak kerana pihak yang berkenaan memang tahu akan implikasi kewangan.

Tuan Pengerusi, setiap tahun lebih kurang 6,000 orang pelajar lepasan sijil peperiksaan bersama sekolah-sekolah menengah persendirian Cina keluar daripada 60 buah sekolah menengah persendirian Cina dalam negara kita. Sijil peperiksaan bersama

sekolah-sekolah menengah pensendirian Cina yang dianjurkan oleh Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia memang sudah mendapatkan pengiktirafan secara umum oleh ratusan pengajian tinggi dari negara Eropah, Australia, Amerika Syarikat, United Kingdom dan New Zealand dan juga banyak kolej tempatan termasuk Universiti TNB yang juga membuka pintu kepada pelajar-pelajar lepasan ini.

Beberapa tahun ke belakang ini galakan juga diberikan kepada golongan pelajar ini untuk memasuki universiti-universiti Singapura. Oleh yang demikian, kira-kira 4,000 orang pelajar lepasan sijil peperiksaan bersama ini setiap tahun akan melanjutkan pendidikan tinggi mereka di negara-negara yang saya sebutkan tadi. Memandangkan masalah kekurangan tenaga pengajar yang dihadapi di sekolah-sekolah rendah Cina akan berterusan, di Dewan yang mulia ini saya ingin mencadangkan supaya satu kajian boleh dibuat oleh Kementerian Pendidikan supaya Kementerian Pendidikan akan membenarkan golongan pelajar ini mengikut kursus perguruan di maktab-maktab perguruan dan dilatih sebagai guru terlatih untuk mengisi jawatan kosong ini.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada pendidikan rendah. Ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, kini terdapat 19 buah SRJK(C) di daerah Johor Bahru dan muridnya hampir 35,000 orang. Di antaranya 14 buah SRJK(C) melebihi 1,000 orang murid; 8 buah melebihi 2,000 orang murid; dan 2 buah melebihi 4,000 orang. Memang benar bagi ramai ibu bapa yang berpindah dari luar daerah Johor Bahru sukar mendapatkan SRJK(C) yang sanggup menerima anak mereka. Pejabat Pendidikan daerah Johor Bahru pening kepala mengatasi masalah penempatan murid di sekolah-sekolah rendah Cina tersebut.

Saya ingin memberikan satu contoh SRJK(C) Oh Tze di Sekudai terpaksa menerima seramai 4,200 murid walaupun kawasan sekolahnya 2.5 ekar sahaja. Banyak lagi SRJK(C) yang mempunyai kemasukan melebihi 2,000 orang di kawasan sekolah yang dikira amat kecil menampung lebih 50 orang murid di dalam satu bilik darjah adalah senario biasa di sekolah-sekolah tersebut. Saya bangkitkan perkara ini kerana saya khawatir tentang kesannya terhadap pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah tersebut. Masyarakat kaum Tionghua tempatan sudah banyak membantu kerajaan dengan mengambil inisiatif memungut derma dan menambahkan bangunan sekolah. Walau bagaimanapun, keluasan kawasan sekolah menjadi batasan penambahan bangunan sekolah di sekolah-sekolah yang saya sebutkan.

Tuan Pengerusi, SRJK(C) selama ini sudah dan akan terus memberi sumbangan yang tidak kurang daripada sekolah-sekolah aliran lain terhadap pembentukan generasi muda dan insan yang berguna kelak. Saya merayu kepada Kementerian Pendidikan agar bersikap lebih liberal lagi tentang permohonan pembinaan SRJK(C) yang menghadapi kekurangan bilangan murid dari kawasan terpencil ke kawasan yang memerlukannya. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada satu pertemuan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan wakil daripada Gabungan Pertubuhan-pertubuhan Kaum Tionghua dalam negara kita kelmarin. Dalam pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan wakil-wakil pertubuhan itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi jaminan bahawa pihak kerajaan akan memberi pertimbangan yang wajar dalam meluluskan pembinaan sekolah jenis kebangsaan Cina di kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Komitmen ini disambut baik dan diberi penghargaan tinggi oleh masyarakat kaum Tionghua.

Tuan Pengerusi, adalah didapati lebih daripada 85% golongan ibu bapa masyarakat Tionghua menghantar anak-anak mereka ke SRJK(C) untuk menerima pendidikan. Mereka ini amat mengharapkan bahawa anak-anak mereka akan dapat menyemarakkan nilai-nilai murni dan tradisi kaum Tionghua melalui pendidikan bahasa ibunda mereka. Sejak kebelakangan ini masalah kesesakan di SRJK(C) amat merunsingkan

masyarakat Tionghua. Jaminan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kelmarin sudah pasti telah melegakan dan mententeramkan hati mereka. Masyarakat Tionghua....

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, masa dia sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Lim Si Cheng: Okay. Masyarakat Tionghua menyanjung tinggi...

Tuan Lim Hock Seng: Satu minit.

Tuan Lim Si Cheng:dan menyampaikan hasrat penghargaan yang tidak terhingga terhadap sikap terbuka dan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang berwawasan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Marang.

11.15 pagi.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 060000 – Pengurusan Pendidikan Tinggi. Berhubung dengan perkara ini kita dapati setelah semangat penswastaaan dan pengkorporatan berjangkit kepada aspek pendidikan dan pelajaran, kerajaan nampaknya lebih menuju ke arah mengelakkan diri secara langsung dan sedikit demi sedikit daripada tanggungjawab pendidikan dan pelajaran dalam aspek tidak mahu melibatkan kewangan yang banyak daripada pihak kerajaan, walaupun perkara pendidikan dan pelajaran ini merupakan perkara umum yang menjadi tanggungjawab besar kepada kerajaan lebih daripada pihak yang lain.

Kita tidak menafikan bahawa perlu juga digalakkan kepada pihak korporat atau swasta melibatkan diri dalam pendidikan dan pelajaran, tetapi kerajaan tidak boleh memperkecilkan tugas dan tanggungjawabnya dalam perkara ini. Selepas perkara ini berlaku banyak di kalangan pelajar miskin dan termiskin yang berjaya sepatutnya boleh pergi ke pusat pengajian tinggi, gagal kerana sebab-sebab kewangan. Walaupun ada janji-janji bantuan melalui berbagai-bagai pihak, biasiswa, pinjaman dan sebagainya, tetapi perkara ini memakan masa dan kadang-kadang memerlukan pelajar itu mengenali orang-orang yang tertentu yang boleh menolong mereka. Hal-hal yang seperti ini boleh memakan masa dan menyebabkan ketinggalan dan ramai juga di kalangan mereka yang tidak dapat meneruskan ke pusat pengajian tinggi walaupun mempunyai kejayaan yang memungkinkan mereka ke pusat pengajian tinggi.

Dalam perkara ini saya mengharapkan supaya pihak kerajaan mengkaji semula tentang peranannya dan membanyakkan lagi kemudahan bagi membantu pelajar-pelajar miskin dan termiskin dan memudahkan jalan bagi mereka untuk mendapat bantuan bagi melanjutkan pelajaran ke pusat pengajian tinggi.

Satu perkara lagi ialah kejatuhan nilai Ringgit, kepada pelajar-pelajar di luar negara, ini juga menjadi masalah. Ada ura-ura pihak kerajaan juga hendak mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negara. Kita perlu menyedari bahawa dalam beberapa kepakaran dalam bidang ilmu pengetahuan, kita perlu juga menghantar pelajar-pelajar ke luar negara. Walaupun melibatkan kewangan yang banyak, kerajaan tidak boleh memikirkan dari segi perbelanjaan kewangan semata-mata, tetapi hendaklah juga memikirkan dari segi nilai ilmu pengetahuan dan manfaat kepada negara melahirkan golongan kepakaran dan pelajar di semua peringkat.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 090000 – Pendidikan Islam dan Moral. Tuan Pengerusi, kita melihat gejala sosial yang berlaku di dalam negara yang begitu serius, menunjukkan di sana ada kelemahan-kelemahan di dalam merealisasikan pendidikan Islam

dan moral di sekolah-sekolah. Walaupun di sana ada mata-mata pelajaran yang berkait dengan pendidikan Islam, yang berkait dengan moral, tetapi bagaimanakah mata pelajaran ini dapat ditanamkan di dalam jiwa pelajar-pelajar supaya bukan sahaja menjadi pelajaran, tetapi menjadi pendidikan dengan makna ilmu yang diberi dan ditanam di dalam jiwa, di dalam hati yang mengubah sikap seseorang yang menerima ilmu tersebut. Saya menyedari bahawa perkara ini bukan satu perkara yang mudah, bukan satu perkara yang senang, ia memerlukan masa.

Apa yang saya mahu supaya kerajaan tidak boleh berada di takuk yang sama sahaja dengan tidak membuat apa-apa perubahan dan tidak membuat kajian dengan cara yang mendalam bagaimanakah hendak mengatasi masalah moral dan akhlak ini melalui pendidikan Islam dan moral. Ini menunjukkan bahawa ketidakberkesanan yang berlaku dan menunjukkan di sana ada kelemahan, ada perkara yang tidak kena. Oleh kerana itu, maka pihak kerajaan hendaklah mengkaji melalui pakar-pakarnya, di mana tempat tidak kena dan di mana kelemahan-kelemahannya.

Yang kedua, sambutan yang hangat kepada pengajian Islam. Kita perlu menyedari bahawa dalam masyarakat hari ini terdapat kalangan mereka yang peka kepada perlunya pendidikan agama. Oleh kerana itu, banyak sekolah agama tidak dapat menampung permohonan-permohonan daripada rakyat. Oleh kerana itu, maka kerajaan hendaklah membanyakkan lagi pembukaan sekolah-sekolah agama dan pusat-pusat pengajian sehingga ke peringkat yang tinggi khususnya dalam bidang pengajian Islam. Perkara yang ketiga, saya ingin menyentuh Butiran 160000 – Dewan Bahasa dan Pustaka. Kita perlu menyedari bahawa penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka ialah untuk mengayakan bahasa kita, perbendaharaan bahasa dan untuk menggalakkan lagi kedaulatan Bahasa Kebangsaan. Apa yang berlaku akhir-akhir ini kita dapati ramai di kalangan pemimpin-pemimpin negara kita walaupun duduk dalam negara kita sendiri tetapi masih menunjukkan kebanggaan dengan membuat kenyataan-kenyataan tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan. Mereka menggunakan Bahasa Inggeris walaupun orang yang ada di hadapannya adalah rakyat negara ini. Ini menunjukkan kerendahan jiwa dan kerendahan moral dari segi semangat untuk mendaulatkan bahasa kita sendiri. Perkara ini hendaklah menjadi peringatan kepada kerajaan. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Gelang Patah.

11.22 pagi.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Maksud B.26 – Kementerian Pendidikan. Saya ingin sentuh Butiran 020000 – Pendidikan Pra-Sekolah Rendah dan Menengah dan Butiran 060000 – Pendidikan Tinggi.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap cadangan Belanjawan Tahun 1999 yang memperuntukkan jumlah wang yang banyak kepada bidang pendidikan. Antara lain sebanyak RM13.5 bilion disediakan untuk meningkatkan prasarana dan kemudahan sokongan serta pembangunan kurikulum. Sekolah-sekolah rendah dan menengah serta kampus-kampus universiti yang baru juga akan dibina. Ini menunjukkan bahawa pihak kerajaan Barisan Nasional tetap mengambil berat tentang pendidikan walaupun dalam masa kegawatan ekonomi ini. Sememangnya pelaburan dalam bidang pendidikan merupakan satu pelaburan yang bijak bagi menjamin pembangunan negara yang berterusan. Di samping itu, daya saing negara kita dalam perlumbaan antarabangsa juga berkait rapat dengan pelaburan dalam bidang pendidikan. Cita-cita kita untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan juga memerlukan pelaburan dalam bidang pendidikan yang terancang.

Selain daripada bertujuan membekalkan sumber manusia terlatih dan terdidik yang mencukupi untuk pembangunan negara, baik dari segi jangka pendek mahupun dari

segi jangka panjang, usaha pendidikan di negara ini kini telah mempunyai satu agenda tambahan. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah menyatakan harapan agar rakyat Malaysia dapat memenangi hadiah nobel (Nobel prize) menjelang tahun 2020. Ini merupakan satu cabaran baru kepada usaha pendidikan di negara ini. Adalah wajar bagi Kementerian Pendidikan merumuskan strategi-strategi yang sesuai bagi merealisasikan harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu. Pada pendapat saya, harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu juga merupakan cita-cita bersama seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Pengerusi, salah satu strategi yang patut diambil ialah kita mesti memberi lebih perhatian kepada kegiatan penyelidikan dan pembangunan dalam apa jua bidang. Untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, kita mesti menjadi pembekal ilmu pengetahuan dan bukannya cuma menjadi pengguna ilmu pengetahuan. Ini memerlukan kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang meluas. Untuk membolehkan Malaysia terus memainkan peranan yang aktif dan disegani dalam projek mega Koridor Raya Multimedia, kita mesti mempunyai program penyelidikan dan pembangunan yang strategik dalam bidang teknologi maklumat. Untuk memenangi hadiah nobel, usaha penyelidikan dan pembangunan mesti dilipatgandakan. Abad akan datang merupakan satu abad yang menuntut komitmen yang besar terhadap aktiviti penyelidikan dan pembangunan, baik daripada pihak kerajaan mahupun daripada pihak swasta.

Tuan Pengerusi, selain daripada memperuntukkan jumlah wang yang besar untuk program-program penyelidikan dan pembangunan, kita juga perlu membuat perubahan tertentu kepada proses pendidikan kita. Usaha pendidikan kita harus memberi penekanan yang sewajarnya untuk melahirkan individu-individu yang berminat dan berkeupayaan dari segi intelek untuk menceburi dunia penyelidikan dan pembangunan. Sungguhpun bukan setiap pelajar berminat atau mampu menjadi ahli sains, inisiatif perlu diambil untuk mendedahkan para pelajar sekolah menengah dan pelajar pada peringkat yang lebih tinggi kepada kepentingan kegiatan penyelidikan dan pembangunan. Sikap ingin meneroka ilmu pengetahuan pada tahap yang lebih tinggi juga perlu dipupuk di kalangan pelajar sejak awal lagi.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini, saya berpendapat pelaksanaan skim pensijilan terbuka Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) adalah satu langkah yang amat bermakna di bawah skim baru yang akan dilaksanakan mulai tahun 2000. Selain daripada 6 mata pelajaran wajib, calon-calon dibenarkan mengambil mata-mata pelajaran yang lain mengikut minat dan kemampuan masing-masing. Ini bermakna para calon digalakkan untuk menjejarkan ilmu pengetahuan yang diminati dan bukannya diarahkan untuk mengambil kombinasi mata pelajaran yang ditetapkan terlebih dahulu.

Tuan Pengerusi, satu sistem peperiksaan yang dapat membantu para pelajar menghayati apakah yang dimaksudkan dengan proses pemerolehan dan pengajaran ilmu pengetahuan adalah penting bagi melahirkan ahli-ahli penyelidikan yang cemerlang satu hari nanti. Apabila para pelajar dapat menjadikan pengajaran ilmu pengetahuan sebagai satu hobi, mereka akan lebih berminat untuk melibatkan diri dalam aktiviti penyelidikan yang tentu akan memberikan mereka peluang yang lebih banyak untuk menemui ilmu yang lebih mendalam dan lebih sophisticated.

Tuan Pengerusi, saya amat bersetuju dengan saranan Yang Berhormat dari Senai tentang masalah kekurangan guru-guru di sekolah jenis kebangsaan Cina. Saya berharap pihak Kementerian Pendidikan akan ambil tindakan yang lebih berkesan untuk menyelesaikan masalah-masalah kekurangan guru-guru di sekolah jenis kebangsaan Cina yang mana menghadapi masalah kekurangan 216 orang guru pada tahun depan.

Di samping itu saya ingin mengambil peluang keemasan di sini mencadangkan kepada pihak Kementerian Pendidikan meninjau kenapakah terdapat penurunan prestasi kejayaan dalam mata pelajaran bahasa Malaysia di kalangan murid-murid sekolah jenis

kebangsaan Cina pada kali ini di peperiksaan UPSR. Adakah ia kerana murid-murid sekolah di sekolah jenis kebangsaan Cina diberikan pelajaran bahasa Malaysia di sekolah oleh guru-guru yang cuma mahir atau fasih dalam bahasa Malaysia sahaja dan tidak mempunyai kelayakan dalam bahasa Cina.

Jika kita dapat mengadakan guru-guru yang tahu bahasa Malaysia dan bahasa Cina untuk mengajar murid-murid sekolah rendah, ia akan dapat memberikan satu pembelajaran yang lebih baik kepada mereka yang akan dapat mencapai kejayaan yang lebih baik kerana misalnya, seorang guru yang cuma berkelayakan dalam bahasa Malaysia mengajar murid sekolah di darjah satu, bila dia sebut 'orang,' dia kena panggil seorang murid sekolah ke hadapan dan tunjukkan kepada mereka, ini adalah 'orang.' Bila cakap 'orang,' dia kena tunjuk dia. Bila dia pegang kepala murid itu, kemungkinan murid-murid darjah satu fikir 'orang' itu adalah kepala. Tetapi kalau guru itu dia tahu bahasa Cina, dia boleh sebut 'orang' iaitu 'gen'- 'gen' means in bahasa Mandarin, bahasa Cina 'gen'- orang. Dia tahu tulis dalam papan (black board), 'gen', murid-murid sudah tahu ini adalah 'orang.' Ini adalah satu masalah yang dihadapi murid-murid sekolah, terutama mereka di darjah satu. Saya harap pihak Kementerian Pendidikan..... Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ini ada yang bangun, Tumpat bangun.

Tuan Chang See Ten: Terima kasih.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi: Tumpat bangun ya. Hendak minta penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Pada Yang Berhormat, apa yang saya difahamkan bahawa dalam pendidikan bahasa ini adalah mestilah kita bermula daripada rumah. Begitu juga masalah pendidikan akhlak. Saya difahamkan bahawa di kalangan kaum Cina tidak begitu menggalakkan anak-anak mereka bercakap dalam bahasa Kebangsaan di rumah, tidak diajar, cuma diharapkan kepada sekolah semata-mata. Bagi pandangan saya ini adalah sangat tidak mencukupi Tuan Pengerusi, terima kasih. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, saya ingin beritahu kepada Yang Berhormat bahawa memang dalam keluarga kaum Cina masih ada ibu bapa yang tidak berapa fasih, mereka ada yang tidak pernah masuk sekolah pun ada. Jadi, bagaimana mereka hendak ajar anak-anak mereka dalam bahasa Malaysia. Memang di kalangan masyarakat Cina memang ada lagi dan suasana di rumah memang mereka bercakap dalam bahasa dialek mereka atau bahasa Mandarin. Kebanyakan mereka dalam bahasa dialek mereka. Sebab itu bila mereka hantar anak-anak mereka ke prasekolah kalau di bandar-bandar, memang mereka hantar di luar bandar pun ada tetapi lebih di bandar-bandar.

Jadi, mereka hantar ke prasekolah, mereka dapat belajar bahasa Malaysia tetapi dalam Dewan ini, saya cuma minta kerana ada nampak penurunan prestasi kejayaan dalam bahasa Malaysia kali ini sama ada adakah masalah kerana guru yang tahu cuma bahasa Malaysia sahaja, yang layak dalam bahasa Malaysia sahaja yang ajar mereka adalah satu sebab yang mereka menghadapi kesukaran dalam pelajaran ini atau lain. Saya cuma minta satu kajian daripada Kementerian Pendidikan.

Di samping itu saya ingin mengambil peluang pada hari ini supaya pengagihan peruntukan kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina harap dapat ditambahkan supaya mereka tidak menghadapi masalah kekurangan peruntukan dan akhir sekali saya harap pihak Kementerian Pendidikan perlu memastikan bahawa guru-guru besar atau

penolong-penolong kanan yang menguruskan sekolah jenis kebangsaan Cina, harap mereka mesti mempunyai kelayakan dalam bahasa Cina supaya akan melincinkan pentadbiran dalam sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bukit Mertajam.

11.37 pg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya. Saya ingin memberi penjelasan daripada Program 020300 – Pendidikan Rendah dan Butiran 00102 – Rendah Akademik. Di samping usaha kerajaan membina sekolah-sekolah rendah kebangsaan di kawasan-kawasan perumahan baru, hasrat ibu bapa terhadap pilihan sekolah rendah untuk anak-anak mereka pun perlu diberi pertimbangan. Sering didapati di kawasan-kawasan dengan pertumbuhan penduduk yang pesat, ramai ibu bapa inginkan anak-anak mereka memasuki sekolah jenis kebangsaan Cina supaya dapat peluang mempelajari dan menguasai bahasa Cina dengan lebih awal lagi.

Sekolah jenis kebangsaan Cina dalam kawasan-kawasan ini telah menjadi terlalu penuh, sampai tidak dapat menerima pendaftaran murid baru bagi darjah satu. Saya ingin merayu kepada Kementerian Pendidikan supaya mempertimbangkan pembangunan sekolah jenis kebangsaan Cina baru untuk menampung bilangan murid yang kian bertambah di kawasan-kawasan yang perlu. Contohnya, di kawasan Parlimen Bukit Mertajam, saya berharap kerajaan boleh mempertimbangkan pembinaan sekolah jenis kebangsaan Cina di Taman Kota Permai, Taman Sejahtera dan Alma yang merupakan tiga kawasan perumahan yang ada penduduk-penduduk yang kian bertambah. Saya meminta bantuan peruntukan kementerian untuk rancangan pembangunan sekolah jenis kebangsaan Cina Peng Bin, Bukit Tengah, Bukit Mertajam yang akan memulakan kerja pembinaan menjelang tahun depan. Juga diharapkan projek pembangunan sekolah jenis kebangsaan Cina di perkampungan-perkampungan baru iaitu Berapit, Machang Bubuk, Permatang Tinggi dan Juru dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Dengan adanya zaman teknologi maklumat program sekolah bestari Kementerian Pendidikan perlu dijalankan dengan lebih cepat lagi dan sungguh-sungguh. Selain daripada sekolah-sekolah rendah yang terpilih oleh kementerian sebagai sekolah ujian atau pilot school, dengan program tersebut, saya berharap kementerian akan memberi peruntukan khas bagi melengkapkan sekurang-kurangnya sebuah sekolah kebangsaan, sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina dan sebuah sekolah jenis kebangsaan Tamil dalam setiap kawasan Parlimen untuk menjadi sekolah bestari. Saya memang bangga dengan usaha MCA yang menajakan projek sekolah bestari bagi 114 buah sekolah jenis kebangsaan Cina iaitu sebuah sekolah untuk setiap kawasan wakil rakyat daripada parti MCA. Baru-baru ini usaha Presiden MCA mendapatkan penajaan bagi 50 buah sekolah lagi disambut baik.

Projek ini telah mendapat sambutan baik daripada SJKC-SJKC seluruh Malaysia. Inilah komitmen MCA terhadap pendidikan terutama sekali pendidikan komputer bagi golongan muda untuk menghadapi cabaran zaman IT.

Maksud B.26 Program 020400 Pendidikan Menengah dan Butiran 00201-Menengah Akademik. Dengan pengumuman keputusan UPSR sahaja ibubapa-ibubapa mula bimbang terhadap sekolah menengah manakah anak-anak mereka akan ditempatkan untuk mengikuti pendidikan menengah. Masalah-masalah ini menjadi lebih rumit lagi bagi murid-murid yang mendapat keputusan-keputusan UPSR di pinggir lingkungan keputusan yang melayakkan murid memasuki sekolah-sekolah menengah terkawal, atau controlled secondary school, dengan izin, di antara mereka terdapat sekolah-sekolah menengah jenis

kebangsaan yang mempunyai track record keputusan peperiksaan PMR, SPM, STPM yang cemerlang.

Di kawasan Bukit Mertajam pula sekolah-sekolah menengah terkawal adalah SMJK Jit Sin, Bukit Mertajam, Sekolah Tinggi Bukit Mertajam, dan Sekolah Menengah Convent. Oleh kerana ramai murid ingin memasuki sekolah-sekolah tersebut maka kelayakan aggregate UPSR menjadi sangat mencabar. Ramai dari Seberang Perai yang memohon, hanya bilangan yang terhad dapat diterima. Bagi SMJK Jit Sin, Bukit Mertajam dan SMJK Chung Ling Butterworth iaitu dua buah sekolah menengah jenis kebangsaan Cina, persaingan untuk masuk adalah lebih hebat lagi kerana ramai murid lepasan SJKC-SJKC yang ingin melanjutkan pendidikan mereka di sekolah-sekolah menengah tersebut.

Oleh kerana Seberang Perai Tengah merupakan satu kawasan dengan pertumbuhan bilangan penduduk dan murid yang pesat, saya ingin mengesyorkan bahawa selain daripada sekolah-sekolah menengah kebangsaan yang dibina dan dirancang, sebuah sekolah menengah jenis kebangsaan baru perlu dibina di Seberang Perai Tengah dan satu lagi di Seberang Perai Selatan untuk menampung bilangan murid yang kian bertambah dan seterusnya mengurangkan persaingan masuk dan tekanan atas sekolah-sekolah menengah terkawal yang sedia ada.

Sistem peperiksaan sijil terbuka SPM yang diumumkan perlu dikaji dengan lebih teliti sebagai kriteria memasuki IPT. Saya inginkan jawapan kepada soalan-soalan berikut daripada Kementerian Pendidikan iaitu:

- (i) Berasaskan sijil terbuka SPM apakah kriteria masuk IPT yang baru.
- (ii) Adakah sijil terbuka SPM ini akan menggalakkan mediocrity dan tidak menggalakkan kecemerlangan di kalangan pelajar-pelajar apabila mereka hanya mengambil sekurang-kurangnya enam mata pelajaran sahaja.
- (iii) Bagaimanakah sistem peperiksaan baru ini dapat membezakan pelajar-pelajar yang cemerlang daripada yang baik sahaja dan daripada yang lemah jika sikap takut kalah atau 'kiasu' mentaliti menjadikan kebanyakan pelajar hanya mengambil enam mata pelajaran atau bilangan yang minimum sahaja untuk memastikan keputusan yang baik. Dikatakanlah oleh kebanyakan ibu bapa sahaja, kalau ambil enam sahaja, pastikan semua A, tetapi enam A itu tidak boleh tunjukkan bahawa pelajar itu adalah pelajar 'A'.

Butiran 060000 Pendidikan Tinggi. Potensial Nobel Laureate *The Star*, 11 November, dikatakan Dato' Dr. Mohinder Singh, Pengurus Eksekutif bagi Customs Confederation of Scientific and Technological Association of Malaysia, bahawa negara kita mempunyai lebih kurang 12 orang penyelidik yang mungkin dapat merealisasikan harapan Malaysia menghasilkan seorang penerima anugerah Nobel pada tahun 2020. Penyelidik-penyelidik yang berbakat dan berharapan itu menjalankan penyelidikan dalam basic sciences, atau fundamental researches, bidang-bidang yang dikatakan mempunyai peluang yang lebih baik berbanding dengan bidang-bidang sains gunaan. Oleh itu saya berharap IPT-IPT Malaysia dengan sokongan sektor industri dan kerajaan dapat menjalankan lebih banyak penyelidikan dalam bidang basic sciences dan fundamental researches Pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan pembangunan dalam subjek-subjek seperti physics, kimia, biology, bio-kimia, genetics, micro-biology, kejuruteraan genetik, dan lain-lain perlu digalakkan, baik di peringkat ijazah sarjana muda, mahupun pada peringkat ijazah sarjana dan lanjutan lagi. Kakitangan-kakitangan IPT-IPT perlu diberi galakan yang sesuai seperti peruntukan penyelidikan, kemudahan penyelidikan, kemudahan menjalankan penyelidikan bersama dengan pakar-pakar sedunia dalam bidang-bidang tertentu, kemudahan penerbitan hasil penyelidikan, dan kenaikan pangkat dan gaji berasaskan prestasi penyelidikan dan pengajaran bukan hanya semata-mata berasaskan pentadbiran dan pengurusan sahaja.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Kementerian Pendidikan yang telah meluluskan pendaftaran yang kekal untuk 60 buah sekolah menengah persendirian Cina di Malaysia. Dengan itu jelaslah dibuktikan komitmen kerajaan menyokong sistem pendidikan sekolah menengah persendirian Cina, saya harap kerajaan dapat memberikan pertimbangan yang wajar terhadap kelayakan peperiksaan sekolah menengah persendirian Cina bagi tujuan kemasukan ke universiti-universiti atau IPT-IPT tempatan yang lain termasuk ke maktab-maktab latihan perguruan. Saya yakin jika langkah ini dapat diambil, maka Kementerian Pendidikan akan dapat selesaikan sebahagian masalah tiada bilangan pelatih guru SJKC atau guru bahasa Cina bagi sekolah menengah dalam Malaysia.

IPT-IPT Singapura menawarkan tempat-tempat di universiti serta biasiswa atau pinjaman kepada pelajar-pelajar lepasan sekolah menengah persendirian Cina Malaysia. Perbuatan ini tidak baik bagi negara kita dari segi latihan sumber manusia untuk pembangunan negara masa depan. Jika pelajar-pelajar itu dapat diterima oleh NUS atau universiti lain di Singapura, saya rasa kemungkinan besar mereka pun dapat diterima oleh IPT Malaysia. Oleh itu saya merayu kepada kerajaan, supaya mempertimbangkan, iktirafkan sijil peperiksaan sekolah menengah persendirian Cina supaya golongan belia yang berbakat dapat diterima oleh IPT tempatan dengan harapan selepas mereka tamat pengajian, mereka akan berkhidmat dengan Malaysia.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Tan Chong Keng: Ya, sedikit sahaja. Saya tidak bersetuju dengan amalan universiti tempatan yang menawarkan kursus-kursus kejuruteraan tempoh tiga tahun sahaja bagi pelajar lepasan SPM kerana kebanyakan pelajar itu tidak dapat mengikuti kerja kursus dengan baik akibat kelemahan asas matematik dan sains, walaupun mereka diberi kelas matrikulasi sebelum mula kursus kejuruteraan. Saya berharap tempoh kursus itu boleh dipanjangkan balik kepada empat tahun ataupun satu tahun pendedahan kepada pengalaman praktikal diberi kepada pelatih-pelatih dalam kursus kejuruteraan supaya akhirnya kursus kejuruteraan itu menjadi empat tahun pula untuk memberikan satu pendedahan dan pengalaman yang lebih baik kepada semua pelajar yang belajar kejuruteraan.

Dalam zaman Internet dan cyber space IPT-IPT boleh mengadakan rangkaian perhubungan yang lebih luas dengan universiti-universiti terkenal sedunia supaya dapat menawarkan sumber-sumber rujukan yang lebih luas, kursus-kursus berkembar jarak jauh bercorak universiti terbuka, komunikasi dan kerjasama antara universiti yang lebih kerap dan pilihan credit yang saling memindah dan saling iktiraf dan lain-lain kelebihan. Contohnya dari teleconferencing dan Internet telah membolehkan banyak seminar antarabangsa dijalankan dengan menjimatkan kos perjalanan peserta-peserta dan mempertingkatkan keberkesanan dan produktiviti seminar. Saya ingin mencadangkan supaya IPT-IPT tempatan ...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Dr. Tan Chong Keng: Satu point yang penting iaitu...

Tuan Pengerusi: Sila habiskan Yang Berhormat.

Dr. Tan Chong Keng: iaitu perhubungan yang penting perhubungan antarabangsa di antara IPT-IPT tempatan dengan universiti-universiti terkenal sedunia seperti MIT, Harvard University, Cambridge, Oxford dan universiti seperti Qing Hua di China dan Beijing di China. Kita harap dengan adanya perhubungan yang baik, kita buka jalan untuk lebih banyak pelajar untuk mengambil pelajaran-pelajaran daripada semua universiti dan kita pun berharap dengan adanya perhubungan baik dengan universiti-universiti di China dan dengan mengiktirafkan beberapa buah universiti yang bertaraf daripada Republic of China, kita akan menggalakkan perhubungan-perhubungan dua hala yang lebih baik antara negara kita dengan Republic of China untuk membuka jalan

perhubungan perdagangan dua hala untuk menguntungkan negara Malaysia di masa hadapan. Itu sahaja, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Bintulu.

11.53 pagi

Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk Butiran 020000 – Pendidikan PraSekolah Rendah dan Menengah.

Saya ingin menyentuh masalah kekurangan rumah guru di banyak sekolah rendah dalam kawasan luar bandar Sarawak. Guru-guru disuruh berkongsi rumah guru sesama sendiri menjadikan ia bertambah sesak kerana ia tidak lagi untuk didiami ramai orang.

Selain daripada itu banyak rumah guru luar bandar tidak disenggara dengan betul, dibanyak sekolah keadaan rumah guru memang tidak memuaskan dan jauh berbeza dengan rumah guru dalam bandar, bertambah buruk lagi ia tidak dibekalkan dengan elektrik, air bersih dan sistem pengangkutan. Ini tidak membantu menarik minat dan memberi insentif kepada guru untuk mengajar di kawasan luar bandar.

Keadaan yang berlarutan ini menjadikan guru-guru sukar dan penuh kepayahan, ini menjejaskan moral dan keberkesanan mereka. Setengah-setengah guru tiada pilihan lain kecuali membina rumah sendiri dengan wang simpanan sendiri dan tugas menjaga di kawasan luar bandar bukan mudah apatah lagi kawasan pedalaman Sarawak yang banyak kesukaran dan cabaran.

Saya tidak faham mengapa negara kita yang telah membangun setakat ini tetapi sekolah-sekolah luar bandar masih begitu mundur apabila dibandingkan dengan mereka yang berada di bandar-bandar terutama dari segi kemudahan asas.

Satu hal mengenai pembinaan rumah guru atau asrama pelajar ataupun bilik darjah dan bangunan-bangunan lain di kawasan luar bandar Sarawak yang mana pihak kementerian harus memberi perhatian ialah kos pembinaan di luar bandar khususnya kos pengangkutan. Memandangkan jalan raya atau laluan air sangat berkurangan sering terjadi bahan-bahan binaan terpaksa diangkat menggunakan bot panjang yang ditarik oleh enjin motor sangkut yang memakan masa beberapa jam dengan memudik sungai kecil dan tohor.

Saya pernah melawat sebuah sekolah rendah di tepi laut di Sungai Selat. Adalah sukar digambarkan bahawa sebuah rumah guru jenis banglo satu tingkat boleh menelan belanja lebih RM40,000 tetapi bahan binaan terpaksa di bawa dari Bintulu dengan menyusur pantai dengan menggunakan bot panjang dan ini menambahkan lagi kos pembinaan bangunan tersebut.

Biasanya apabila kita bercakap mengenai pembinaan asrama ataupun blok bangunan bilik darjah, kita bercakap mengenai bangunan sahaja tetapi yang sebenarnya ada lebih banyak lagi dari itu. Ia juga meliputi kemudahan lain seperti tangki air, tandas yang dibina sama ada berdekatan asrama ataupun jauh dari asrama supaya pelajar yang kecil tidak perlu berjalan jauh pada waktu malam yang menimbulkan perasaan takut kepada mereka, ataupun lorong 'path way' yang 'linking up', dengan izin, blok bilik darjah, dewan dan sebagainya perlu dibina juga. Semua kekurangan ini kerap terjadi di sekolah luar bandar dan ini sangat perlu khususnya untuk sekolah-sekolah luar bandar di mana kompaunnya selalu berlumpur.

Saya sebut di sini sebagai contoh Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Selat yang mana keadaan bertambah buruk dan amat memerlukan kemudahan seperti ini dan tangki air yang kementerian bekalkan tidak mencukupi ketika musim kemarau keadaan bertambah buruk. Begitu juga bilik air dan tandas dibina jauh dari asrama dan sentiasa menimbulkan kesusahan kepada pelajar, bilik air baru dan tandas baru hendaklah dibina berhampiran dengan blok asrama.

Saya difahamkan juga bahawa baru-baru ini asrama sekolah luar bandar hanya membekalkan makanan untuk lima hari dalam seminggu kepada para pelajar dan baki dua hari lagi pelajar tinggal tambah makanan. Ini bermakna para pelajar tidak boleh tinggal di asrama pada hujung minggu dan terpaksa balik ke rumah.

Memandangkan ramai pelajar datang dari jauh terpaksa mudik ke sungai dengan perahu atau bot panjang yang memakan masa setengah hari perjalanan pergi dan balik ke sekolah, tambahan pula perjalanan terpaksa memakan belanja yang mahal kerana harga petrol di luar bandar ialah lebih kurang RM8 setiap gelen. Ibu bapa atau penjaga terpaksa datang sendiri ke sekolah untuk membawa balik anak mereka dan kemudian menghantar semula ke asrama, ini sungguh membebankan ibu bapa. Kadangkala apabila air sungai surut perjalanan dengan bot bertambah sukar atau apabila hujan turun setiap penumpang terpaksa basah bermandi hujan selama beberapa jam.

Saya harap kementerian boleh bertolak-ansur dalam soal ini supaya para pelajar yang terpaksa terus tinggal di asrama pada hujung minggu boleh dibekalkan dengan makanan seperti biasa.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi ialah kekurangan bilik darjah di Sekolah Rendah Kebangsaan Sibiew, Bintulu di mana murid-murid sekolah telah bertambah begitu cepat tetapi bilik darjah tidak mencukupi dan ini juga menimbulkan kesesakan yang serius dalam sekolah itu, dan saya berharap masalah ini boleh diatasi secepat mungkin.

Saya difahamkan juga sebuah sekolah cawangan SRB Chung Hua Bintulu akan dibina dan saya berharap peruntukan yang cukup akan disediakan dan pembinaan sekolah ini akan bermula secepat mungkin. Saya ingin juga mengemukakan masalah ketidakadaan guru untuk mengajar bahasa Mandarin di sekolah-sekolah menengah di Sarawak dan juga di Bintulu. Saya berharap kementerian akan mengatasi masalah ini dengan kajian dari pelbagai aspek supaya masalah ini dapat diatasi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Santubong.

12.00 tgh.

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim [Santubong]: Tuan Pengerusi, saya akan menyentuh hanya beberapa perkara. Yang pertama, iaitu di bawah Butiran 020000 - Pendidikan Pra-Sekolah Rendah dan Menengah dan juga bersama dengan P.26 Butiran 03500 di bawah Ubahsuai dan Naik Taraf. Jadi seperti kawan-kawan yang lain saya juga memang ingin hendak tahu mengenai pelaksanaan sekolah bestari di mana saya rasa konsep sekolah bestari ini telah mendapat banyak publisiti dan oleh yang demikian saya rasa ini juga telah memberi banyak tekanan kepada sekolah-sekolah yang telah dipilih khasnya untuk menjadi perintis di bawah sekolah bestari dan saya kebetulan menduduki atau telah dipilih sebagai penaung di bawah sebuah sekolah yang telah dipilih di mana setakat ini, tiap-tiap kali mesyuarat PIBG memang ada diketengahkan masalah mengenai pelaksanaan sekolah bestari. Sebab sekolah bestari ini akan dilaksanakan pada 4 Januari 1999 iaitu hanya beberapa bulan lagi dan lebih-lebih lagi dengan keadaan cuaca yang tidak menentu pada penghujung tahun.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat] mempengerusikan Jawatankuasa]

Jadi mereka hendak bertanya dari segi kelengkapan atau persiapan bagi menyediakan sekolah bestari di mana bagi sekolah bestari, kita difahamkan bahawa kesemua kelas akan menggunakan komputer tetapi setakat ini tidak sebuah komputer pun ada diagihkan. Lepas itu tiada makmal komputer, tiada bilik sumber dan bermacam-macam lagi masalah. Masalahnya nanti adalah masalah pelaksanaan. Jadi oleh yang demikian, saya ingin hendak mengetahui daripada pihak kementerian kalau dapat

diberitahulah kepada kami semua supaya kami nanti bolehlah juga menyampaikan berita-berita dari segi pelaksanaan sekolah bestari.

Memang kami selaku wakil rakyat khasnya saya selaku penaung kepada sekolah yang telah dipilih memanglah mengucapkan jutaan terima kasih sebab sekolah tersebut telah dipilih tetapi pada masa yang sama kami juga risau mengenai pelaksanaan sekolah itu nanti khasnya, 4 Januari 1999.

Perkara kedua ialah saya ingin memohon jasa baik kementerian agar dapat membina semula beberapa sekolah rendah yang sangat daif. Pada masa yang kebelakangan ini hanya dijalankan pembaikan atau minor repair tetapi sekolah itu dengan keadaan yang berusia 40 tahun dan bila di 'repair', kadang-kadang nampak tidak berapa elok dipandang mata. Sekolah itu lebih-lebih lagi, saya rasa kepada murid-murid, kita datang sekali-sekala melihat keadaan sekolah memanglah saya ingin merayu kepada kementerian dapatlah dibuat kajian, pergilah ke sekolah dan melihat sendiri agar sekolah itu dapat dibuat baru, jangan di 'repair' sebab repair ini macam patch work, dengan izin, kita tampung sana, tampung sini dan kebanyakannya dibuat secara gotong-royong juga. Jadi tahulah akan kerja gotong-royong ini.

Jadi sekolah-sekolah yang saya maksudkan berada di tepi laut, lebih-lebih lagi dengan angin laut dan dengan ombak kadang-kadang, saya sangat berharap kalau membuat sekolah baru, eloklah tinggi, blok yang tinggi, jangan yang mendatar. Sekarang ini sekolah ini mendatar dan sekolah yang saya ingin kalau dapat kementerian mengkaji dan menilai supaya dibuat baru iaitu SRK Santubong dan juga SRK Buntal. Kalau pergi ke kawasan itu memanglah pihak kementerian akan mengetahui keadaannya.

Saya juga ingin memohon pembinaan kelas tambahan bagi SRK Senari. Pada masa ini, sekolah ini hanya ada tiga buah kelas. Jadi Kampung Senari untuk makluman kementerian, telah dipilih untuk menjadi deep seaport, pelabuhan laut dalam. Jadi pembangunannya insya-Allah, saya rasa akan pesat membangun dan yang pertama akan diperlukan ialah kemudahan sekolah. Jadi oleh yang demikian saya harapkan kementerian dapat menambah tiga buah kelas kepada empat buah kelas dan seterusnya di mana saya telah difahamkan oleh guru besar bahawa sekolah ini telah membuat sasaran bahawa dalam tahun 2000 akan mengambil pelajar tahun satu. Jadi diharap kementerian dapat melihat dengan secepat mungkin mengenai perkara ini.

Mengenai SMK Santubong, saya pernah memohon di dalam Dewan yang mulia ini agar sekolah itu dibekalkan dengan makmal sains sebab kita hendak mewujudkan masyarakat perindustrian tetapi sekolah menengah itu tidak dilengkapi dengan makmal sains. Saya rasa, saya telah memohon dua, tiga tahun sudah. Jadi apakah perkembangan seterusnya?

Walaupun banyak permintaan tetapi saya ingin merakamkan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak kementerian sebab tahun lepas dan tahun ini saya menyaksikan banyak pembinaan sekolah-sekolah lama dibina semula seperti SRK Pajar Sejintak, tetapi alangkah malangnya dua, tiga hari yang lepas dipukul ribut taufan yang kuat, terpelanting pula bumbung sekolah itu walaupun sekolah itu baru lagi dan saya juga mengucapkan jutaan terima kasih sebab SRK Kobil juga telah didirikan di mana mula-mula saya ingat saya tidak sempat hendak melihat pembinaan sekolah itu dan sebuah sekolah menengah berasrama penuh SMK Bako juga telah didirikan dan insya-Allah akan mengambil pelajar pertamanya pada sesi persekolahan akan datang.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh P.26 Butiran 00204 - Matrikulasi. Saya membaca baru-baru ini, Tuan Pengerusi, *Berita Minggu* pada 22 November, di mana di dalam berita ini dikatakan bahawa tahun depan kementerian akan menambah penuntut iaitu 22,000 penuntut akan diambil mengikuti program matrikulasi yang mana 12,000

daripadanya akan dikendalikan oleh kementerian berkenaan manakala 6,000 oleh MARA dan baki 4,000 lagi melalui institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Saya sangat mengalu-alukan kepada kementerian akan berita ini dan mengucapkan syabas kepada kementerian kerana memberi lebih banyak peluang kepada penuntut-penuntut yang berpotensi. Walaupun ada beberapa masalah yang dihadapi khas oleh penuntut dan ibu bapa semasa melaksanakan sistem francais iaitu dengan melibatkan IPTS khasnya di UM pada tahun ini dan saya berharap banyaklah masalah itu tidak akan berulang lagi dan saya juga mengucapkan syabas sebab dengan pengumuman itu matlamat kementerian untuk menyediakan sumber manusia untuk keperluan dan kemajuan negara dengan memberi peluang pendidikan kepada semua warganegara Malaysia akan tercapai.

Jadi saya ingin bertanya dengan kementerian setakat ini apakah pencapaian serta prestasi penuntut matrikulasi khasnya yang ditempatkan di IPTS, sebab kadang-kadang kita melaung-laungkan mengenai target kita tahun depan tetapi yang ada pada tahun ini kita kena tengok juga. Kita perlu kaji kalaulah ada masalah-masalah dan kalau ada masalah apakah tindakan dan cara-cara kita hendak mengatasi masalah-masalah tersebut supaya insya-Allah kalau saranan bagi tahun depan ini tidaklah melalui masalah-masalah yang sama seperti yang dilalui pada penuntut tahun ini. Memanglah saya mengalu-alukan tindakan kementerian untuk menambah lagi penuntut, untuk menambahkan sumber manusia dan satu dana atau satu sumber aset kepada negara Malaysia.

Jadi dengan beberapa perkara tersebut saya sangat-sangatlah berharap kementerian akan memberi sejelas-jelasnya penjelasan selepas ini supaya kita sama-sama akan memastikan bahawa objektif kementerian akan tercapai. Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Parit Sulong.

12.10 tgh.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada B.26, Butiran 020200 iaitu Pendidikan Pra-Sekolah, dan juga 020300 - Pendidikan Rendah dan 020400 - Pendidikan Menengah.

Dalam hal ini saya merujuk kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hujung minggu mengenai kelompok-kelompok manusia yang meracuni pemikiran generasi muda hingga ke peringkat yang paling rendah sekali, saya yakin ini adalah menerusi pendidikan-pendidikan prasekolah ataupun tadika. Di sini saya ingin mendapat tahu daripada kerajaan berapakah jumlah tadika yang didaftarkan dengan kementerian ataupun yang diuruskan oleh agensi-agensinya dan tadika yang diuruskan oleh parti-parti politik.

Saya yakin bahawa usaha-usaha untuk meracuni anak-anak di peringkat yang paling muda, lukis gambar orang ini patut dipancung kepala, lukis lambang dan kata lambang ini tidak boleh pakai, yang ini lambang tidak boleh bawa masuk ke akhirat. Ini adalah usaha-usaha mensabotaj satu proses pembangunan generasi dan satu proses pembangunan negara itu sendiri. Jadi, perkara ini saya lihat amat serius. Saya minta pihak kerajaan menangani hal ini dengan serius juga supaya tidak diwujudkan generasi-generasi muda yang harus diberi peluang untuk diberi kesejahteraan tetapi sebaliknya diberi pendedahan untuk bermusuhan dan untuk pertentangan.

Tuan Pengerusi, apa yang berlaku di Indonesia mungkin adalah kesan daripada polarisasi insan, polarisasi umat pada peringkat yang paling kecil ataupun pada peringkat remaja. Jadi, anak-anak yang ada di prasekolah dan kalau sekarang ini kerajaan mendapati ada institusi pendidikan prasekolah yang kontra dengan pandangan kerajaan dan juga bertentangan dengan proses pembinaan generasi sejahtera, saya minta perkara ini diatasi dengan segera. Saya tidak mahu melihat negara ini sekali lagi berhadapan dengan masalah

polarisasi, sama ada polarisasi kaum, penentangan, polarisasi agama sebagaimana yang sedang meledak di Indonesia masa ini. Ini tidak harus kita izinkan.

Tuan Pengerusi, pada pilihan raya yang lalu, pilihan raya umum 1995, saya dapati anak-anak sekolah menengah telah didorong dan telah pun diberi motivasi oleh guru-guru mereka untuk menentang kerajaan, mereka terlibat dengan pemasangan poster, mereka terlibat dengan meneriakkan slogan-slogan antikerajaan, mereka terlibat dengan perkataan "kalau tidak menyokong sesuatu parti, kamu tidak akan masuk ke syurga", ini berlaku hingga di kawasan saya yang memang terkenal sebagai kubu Barisan Nasional, apatah lagi di kawasan-kawasan yang marginal atau kawasan-kawasan yang agak terpinggir kekuatan Barisan Nasional pada ketika ini. Saya minta pihak Kementerian Pendidikan bertegas dengan guru-guru yang memang sama ada di luar darjah atau di dalam darjah terlibat menyebarkan dakyah-dakyah politik penentangan dalam negara ini. Telah banyak disampaikan kepada pihak kementerian kalau sekarang ini diambil survey, saya tahu Timbalan Menteri Pendidikan dia minta senarai, bila kita cakap, dia minta senarai. Sistem persekolahan mempunyai sistem pernaziran, kalau saya sekolah dahulu zaman kolonial - guru pasukan. Guru pasukan bukan sahaja memantau perkembangan dan perjalanan kurikulum mata pelajaran, guru pasukan juga harus memantau psikologi pendidik-pendidik itu sendiri sama ada pendidik itu adalah pendidik yang menanamkan jiwa penentangan, jiwa pemberontakan, jiwa pembencian atau jiwa pemusuhan di kalangan rakyat yang multibangsa dalam negara ini.

Jadi saya harap Timbalan Menteri Pendidikan sebagai susulan kepada apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya minta kalau ada perkara-perkara ini berlaku, dedahkan mereka dan perbaiki mereka supaya generasi-generasi muda pada masa akan datang tidak akan menjadi generasi yang rosak pegangan kemasyarakatannya.

Yang keduanya, saya mengucapkan di sini, berjuta-juta terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana prihatin dengan suara yang dilaungkan oleh wakil-wakil rakyat di dalam Dewan yang mulia ini sepanjang perjalanan perbincangan kita selama ini iaitu mengenai buku teks. Terbukti benar apa yang disuarakan oleh Ahli-ahli Parlimen bahawa masalah skim buku teks yang dikenakan di mana, satu sistem ibu bapa berpendapatan RM750 ke atas terpaksa diminta membayar sendiri buku-buku teks untuk anak-anak khususnya di luar bandar atau orang yang berpendapatan rendah adalah satu perkara yang menyeluruh. Jadi, apabila dinaikkan kelayakan sehingga RM1,500, saya rasa perkara ini adalah munasabah tetapi kalau boleh laksanakanlah segera. Lagipun penggal sekolah akan dibuka pada akhir bulan Disember ini.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara adalah mengenai.....

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak payahlah habiskan masa sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kalau tidak, Yang Berhormat sila teruskan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tidak beri jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Teruskan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, soal yang ketiga adalah mengenai 060500 Akreditasi.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Nampaknya Yang Berhormat dari Parit Sulong ini ada emosional sikit hari ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Emosional apa, dia yang tidak tentu pasal.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, orang seperti ini kena kawal, ini mungkin hasil sekolah tadika, taska, saya pun tidak tahulah.

Mengenai akreditasi, badan akreditasi kita tubuhkan lebih kurang dua tahun yang lalu. Sekarang ini terdapat banyak institusi pengajian tinggi swasta dan juga institusi-institusi pengajian yang dijalankan oleh agensi kerajaan di luar daripada Kementerian Pendidikan, contohnya di dalam MARA sendiri kita melaksanakan banyak sistem pendidikan daripada vokasional rendah hingga ke vokasional tinggi, daripada Giat MARA kepada Institut Kemahiran MARA, Institut Kemahiran Tinggi MARA, Institut Perdagangan MARA, Akademi Infotek MARA, contohnya dan banyak lagi kursus yang dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia. Yang menjadi persoalan di sini, mengapakah antara agensi kerajaan timbul kesulitan mengenai pengiktirafan sesuatu sijil, sesuatu diploma dan sebagainya. Kalau mereka terkeluar daripada agensi pendidikan, mengapakah pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kelihatan agak perlahan untuk memberi due recognition, dengan izin atau pengiktirafan yang sewajarnya terhadap sijil, diploma yang dikeluarkan oleh agensi-agensi kerajaan yang bukan di bawah Kementerian Pendidikan. Ini membabitkan kekecewaan di kalangan penuntut-penuntut vokasional dan juga teknikal yang dianjurkan terkeluar daripada sistem Kementerian Pendidikan.

Contohnya, pada awal tahun 1998 ini apabila pengambilan pelajar-pelajar masuk ke universiti dilaksanakan, maka timbullah satu 'ribut dalam cawan' di kalangan graduan-graduan daripada Akademi Infotek MARA di dalam bidang teknologi maklumat. Sesetengah universiti bagi pengiktirafan tahun satu, sesetengah universiti beri pengiktirafan tahun dua, ada yang langsung tidak mahu iktiraf, bermakna tidak ada satu konsistensi, tidak ada satu piawai di dalam mengiktiraf kursus-kursus yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan sendiri. Kalau ini hakikatnya bagaimanakah kursus-kursus yang dilaksanakan oleh institut pendidikan tinggi swasta (IPTS). Berapakah jenis kursus yang dilaksanakan oleh institut pengajian tinggi swasta dan sehingga kini berapa banyakkah kursus ini yang telah diiktiraf ataupun tidak diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Negara. Berapa banyakkah permohonan untuk pengiktirafan yang dijalankan sekarang ini, berapa banyak institusi pengajian swasta yang telah pun memohon untuk mendapatkan akreditasi dan berapa banyakkah yang telah diluluskan, berapa lamakah proses untuk meluluskan sesuatu permohonan untuk mendapatkan akreditasi atau pengiktirafan.

Saya bimbang dengan wujudnya banyak IPTS hari ini kalau proses akreditasi memakan masa, maka graduan-graduan daripada IPTS sekarang, kalau dia hendak menunggu tiga tahun mungkin the cost of opportunity lost adalah besar. Ini di kalangan graduan yang menuntut di IPTS ataupun agensi-agensi kerajaan yang terkeluar daripada Kementerian Pendidikan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali adalah mengenai 310100 Komputer Dalam Pendidikan. Saya kurang faham apakah program Komputer Dalam Pendidikan ini. Adakah ini sebagai satu daripada program sekolah bestari ataupun pengajaran komputer, kecelikan komputer (computer literacy) akan menjadi salah satu kurikulum yang dimestikan di dalam sesuatu pendidikan, di peringkat manakah mereka akan bermula, adakah dari peringkat rendah atau dari peringkat menengah. Kalau dari peringkat rendah, berapa komprehensifkah program ini akan dilaksanakan, adakah hanya dipilih sekolah-sekolah di dalam bandar dan di pinggir bandar, terkeluar sekolah-sekolah di luar bandar, sekolah yang di hujung kampung, bagaimanakah kerajaan hendak melaksanakan sistem pendidikan komputer di dalam pendidikan ini.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan soalan ini oleh kerana saya merasa memang timbul ketidakadilan di dalam menangani masalah sekolah-sekolah di luar bandar,

langsung tidak adil di dalam proses kerajaan menangani masalah sekolah-sekolah di luar bandar. Apa yang diminta, hendak extend padang pun lima tahun tidak lulus lagi, contohnya. Apatah lagi hendak mendapatkan komputer, bagaimana kita hendak melaksanakan sistem pendidikan komputer dalam pendidikan ini, siapa yang hendak memberi komputer kepada anak-anak di luar bandar. Tolonglah pandang sedikit, saya selalu bercakap di dalam ucapan dasar saya kata, orang luar bandar adalah sumber kekuatan Barisan Nasional. Jangan kita hanya merangka satu program tetapi dari segi pelaksanaannya tidak komprehensif, tidak menyeluruh. Kalau hanya 'choose and pick' atau 'pick and choose', pilih dan laksana atau laksana dan pilih, saya rasa tidak usah buat sekarang ataupun kalau hendak dilaksana, laksana daripada peripheral dahulu, daripada luar bandar dahulu, baru di enclosed ke dalam bandar atau merebak ke dalam bandar. Saya tidak mahu melihat bahawa sesuatu program yang dilaksanakan oleh kerajaan akan mencetuskan jurang perbezaan sosial ekonomi yang lebih luas di alaf mendatang. Ini tidak patut, ini tidak wajar.

Oleh kerana di dalam pelaksanaan sekolah bestari dahulu, kita sudah tahu hanya 90 buah sekolah contohnya, dipilih, tidak menyeluruh. 90 buah sekolah saya tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri - minta maaf, berapa sekolah luar bandar, tidak ada statistik. Berapa sekolah luar bandar, berapa sekolah daripada Sipitang, berapa sekolah daripada Kinabatangan, berapa sekolah daripada Chaah, Sri Medan, berapa sekolah? Berapa sekolah daripada Batang Lupar, berapa sekolah daripada Belaga, daripada Limbang, Lawar, contohnya. Berapa sekolah daripada Hulu Perak? Saya hendak tahu. Kalau tidak, sistem-sistem atau program-program ini hanya menghasilkan jurang masyarakat yang lebih luas di abad mendatang. Ini serius, mungkin kita lihat on paper, ha tak apalah...

Tuan Pengerusi [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Satu minit lagi, Tuan Pengerusi. Ini masalah kemasyarakatan bumiputera, masalah keunggulan, masalah dominan Melayu, masalah ketuanan Melayu. Saya nak cakap ini. Saya bimbang program komputer dalam pendidikan, kalau tidak dilaksanakan dengan betul hanya akan mencetuskan jurang perbezaan masyarakat yang lebih melebar dan lebih dalam implikasinya. Jadi saya harap Dato' Timbalan Menteri yang juga daripada Constituency Parlimen Luar Bandar Jempol dan Ulu Jempol, saya harap perkara ini diberi satu tumpuan yang serius. Saya tidak mahu satu program-program mengenai teknologi dilaksanakan khususnya yang membabitkan pembinaan generasi. Sebagaimana saya cakap, contribute atau menyumbang kepada melebarkan dan mendalamkan jurang kemasyarakatan di antara masyarakat yang multibangsa di dalam negara. Tuan Pengerusi, itulah harapan saya dan saya ucapkan terima kasih kerana toleransi memberi masa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Seremban.

12.23 tgh.

Dato' Hon Choon Kim [Seremban]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh B.26 Butiran 020900 - Pengurusan Buku Teks. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah menaikkan had maksimum kelayakan pinjaman buku teks bagi ibu bapa murid sekolah kebangsaan dan menengah agama daripada RM1,000 kepada RM1,500 sebulan. Langkah ini memang baik kerana ini akan membolehkan lebih banyak murid yang layak untuk mendapat pinjaman, dapat bantuan daripada pihak kerajaan.

Saya cuma nak tanya, mengapa kementerian tidak memberikan kemudahan ini kepada murid-murid yang belajar di sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga sekolah jenis kebangsaan Tamil? Sebab saya rasa kemiskinan tidak ada batasan, tidak kira sama ada dia belajar di sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil, miskin terus miskin. Jadi, apa salahnya kemudahan ini juga dapat diberikan kepada murid-murid yang

belajar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga Tamil. Saya rasa ini amat penting kerana kita telah merdeka 41 tahun, kalau masih beza-bezakan, bagaimana kita dapat wujudkan perpaduan di kalangan rakyat.

Kita tidak mahu murid-murid yang belajar di sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga jenis kebangsaan Tamil merasakan bahawa kerajaan memang mengambil langkah atau mempunyai sikap untuk membezakan mereka daripada sekolah kebangsaan. Jadi, ini saya rasa tidak patut kita laksanakan khususnya pada masa negara kita mengalami kegawatan ekonomi eloklah kita memberikan bantuan tidak kira sekolah mana, kecuali kalau dia layak gajinya, pendapatannya, telah mencapai atau memenuhi syarat daripada kerajaan, elok saya cadang memberikan pinjaman buku teks kepada murid-murid yang berkenaan.

Pada masa sekarang juga seseorang ibu bapa yang ingin meminjam buku teks terpaksa mengemukakan borang cukai pendapatan untuk membuktikan kepada guru besar, kalau tidak, dia tidak dilayan. Jadi, itupun satu perkara saya ingin minta kementerian untuk mengkaji semula sama ada perlu atau tidak untuk mereka mengemukakan borang cukai pendapatan. Kerana sesetengah ibu bapa misal katanya mereka self-employ dengan izin, atau bekerja sebagai penjaja, memang pendapatan mereka tidak sampai tahapnya untuk dikenakan cukai, maka mereka tidak dikehendaki mengisi borang cukai pendapatan. Oleh kerana mereka tidak dapat mengemukakan borang yang berkenaan maka ini akan menimbulkan banyak masalah. Biasanya mereka datang berjumpa dengan wakil rakyat untuk wakil rakyat membuat satu surat pengesahan bahawa mereka yang datang itu memang daripada golongan yang berpendapatan rendah. Jadi saya minta Yang Berhormat Dato' boleh buat kajian semula.

B.26 Butiran 011000 - Bantuan Modal. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Kementerian Dato' kerana telah menyediakan sebanyak RM15 juta kepada sekolah jenis bantuan modal. Bantuan kewangan ini adalah sangat perlu kerana sumber kewangan sekolah ini adalah bergantung kepada derma yang dikutip daripada ibu bapa atau daripada orang ramai atau daripada peruntukan, daripada wakil-wakil rakyat Barisan Nasional. Pada masa negara mengalami kegawatan ekonomi, derma-derma yang akan dikutip akan berkurangan. Maka peruntukan kepada sekolah bantuan modal harus ditambahkan lagi.

Tuan Pengerusi, saya juga beberapa kali sebut di Dewan yang mulia ini tentang masalah bantuan modal. Sebenarnya Yang Berhormat Dato' pun telah jawab pada sesi yang lalu bahawa, jika sekolah berkenaan kalau rela untuk mendermakan tanah itu, diserahkan tanah itu kepada kementerian, maka sekolah itu boleh dianggap sebagai bantuan penuh. Yang Berhormat Dato', ingin saya memberitahu, menarik perhatian Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, memang ini tidak benar. Walaupun Lembaga hendak serahkan tanah itu kepada pihak kementerian, permohonan itu tidak dapat diterima oleh Kementerian Pendidikan. Bukan sahaja macam ini, walaupun tanah itu, tapak sekolah itu, tanah itu dimiliki oleh pihak kerajaan negeri. Walaupun sedemikian, sekolah itu masih dianggap sebagai bantuan modal.

Jadi, saya ingin Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan mengapa tanah tidak dimiliki oleh swasta, dimiliki oleh kerajaan negeri masih dianggap sebagai bantuan modal? Saya boleh sebut banyak contoh, di kawasan saya, di kampung saya, Kampung Bharu Brogah, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Brogah, SRJK(C) Ulu Beranang, SRJK(C) Rahang, walaupun dulunya dianggap sebagai bantuan penuh tetapi akhir-akhir ini dapat surat diberitahu bahawa sekolah ini dianggap sebagai bantuan modal. Jadi saya minta penjelasan dengan se jelasnya kalau Yang Berhormat masih sebut, kalau lembaga rela menyerahkan tanah kepada kerajaan maka itu akan jadi bantuan modal, kalau ini memang begitu, saya memang alu-alukan dan ucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin sentuh beberapa sekolah kecil di mana bilangan murid tidak cukup, bangunan sekolah pun usang umpamanya di kawasan Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri di SRJK(C) Gopin di Bahau. Baru-baru ini saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada kementerian kerana dibenarkan sekolah ini dipindah ke Bandar Seremban tetapi masalahnya kerana sekarang Lembaga sekolah itu kena cari tanah, jadi apa salahnya Yang Berhormat Dato' kalau kita benarkan sekolah itu gunakan rizab-rizab tanah di taman-taman perumahan untuk dibina sekolah ini, sebab Lembaga kena cari tanah dengan cara untuk minta derma tanah atau membeli tanah. Kalau hendak beli tanah tidak cukup wang untuk memindahkan sekolah daripada Gopin ke Seremban.

Jadi saya minta Yang Berhormat juga dapat membantu supaya tanah-tanah rizab kerajaan untuk kegunaan sekolah, pendidikan boleh juga dipakai sebagai tapak untuk sekolah-sekolah bantuan modal yang dipindah dari pedalaman ke taman-taman perumahan.

Selain daripada itu saya juga minta sentuh tentang bilangan sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina memang bilangan murid telah bertambah meningkat begitu banyak, dari tempoh 1974 ke 1997 bilangan murid yang belajar di SRJK(C) telah bertambah sebanyak 66,411 orang murid - ikut satu laporan - dalam tempoh 23 tahun ini. Tetapi dalam tempoh yang sama bilangan SRJK(C) telah menurun berkurangan sebanyak 39 buah, cuba bayangkan bilangan murid tambah tetapi bilangan sekolah berkurangan. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Senai sebut bilangan murid di sesebuah sekolah sampai 4,000. Itu masalahnya. Jadi saya minta Yang Berhormat Dato' boleh memberi perhatian kepada perkara ini dan membenarkan membina lebih banyak sekolah di taman-taman perumahan yang baru di mana ibu bapa, murid-murid begitu ramai untuk menampung keperluan ibu bapa mereka supaya dapat menghantar anak-anak mereka ke sekolah ini.

Saya juga ingin sentuh sedikit tentang sekolah di Taman Tuanku Jaafar di kawasan saya, di Sekolah Seremban Jaya. Dahulu di kawasan itu masih tidak ada sekolah kebangsaan walaupun di Taman Tuanku Jaafar sekolah telah wujud tetapi malangnya sekolah itu masih belum dibuat lagi. Oleh kerana itu mereka terpaksa pinjam sekolah lain untuk mengadakan pelajaran. Jadi itulah satu masalah, pinjamkan sekolah. Walaupun sekolah wujud, guru besar ada, guru ada, murid ada, ini sekolah kebangsaan masih belum dibuat lagi. Di kawasan Taman Seremban Jaya bilangan penduduk begitu ramai sekolah tidak ada.

Saya minta Yang Berhormat Dato' boleh memberi perhatian dan di Sekolah Batang Benar. Sekolah Batang Benar, kawasan dahulunya sebuah kampung yang kecil tetapi memandangkan kerana KLIA begitu dekat, bilangan murid bertambah begitu pesat sebab ramai yang pindah ke kawasan Nilai jadi sekolah itu juga perlu bantuan dari kerajaan supaya dapat menambah bilangan kelas-kelas dan sebagainya. Jadi saya minta Yang Berhormat memberi perhatian. Saya menyokong, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Batang Sadong.

12.31 tgh.

Cik Sukinam Domo [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil peluang untuk turut serta membincangkan peruntukan di bawah Kementerian Pendidikan. Seperti yang kita maklum pendidikan ini memang menjadi favourite topic dalam Dewan ini dan di mana-mana sahaja, siapa sahaja akan membincang hal pendidikan kerana pendidikan ini menjadi asas kepada apa sahaja pembangunan sama ada pembangunan fizikal, insan, akhirat, dunia dan sebagainya.

Sebelum saya memberikan beberapa hujah tentang pendidikan saya ingin menyatakan sokongan saya kepada hujah Yang Berhormat Parit Sulong tadi tentang masyarakat luar bandar yang seolah-olah dipinggirkan. Saya pernah juga

menyuarakan hal itu dalam Dewan ini apabila saya menyentuh dahulu tentang sekolah bestari, smart school dan sebagainya dan saya mempersoalkan apa terjadi pada sekolah-sekolah luar bandar khususnya di Sarawak yang kita tahu 60% masih belum ada bekalan elektrik, masih begitu daif fizikalnya dan sebagainya dan kita kluatir sekolah-sekolah luar bandar, pelajar-pelajar dan masyarakat luar bandar akan terus ketinggalan dan terpinggir dan tidak dapat mengikuti arus pembangunan seperti masyarakat di bandar. Kita akui juga memang ada anak luar bandar yang bersekolah di sekolah-sekolah khas ini tetapi bilangannya amat kecil, sekolah asrama penuh yang dibekalkan dengan alat-alat canggih seperti komputer dan sebagainya tetapi bilangannya yang kecil. Bilangan yang besar masih jauh ketinggalan di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya ingin membincangkan seterusnya beberapa perkara dalam butiran-butiran yang tertentu di bawah peruntukan perbelanjaan mengurus dan peruntukan perbelanjaan pembangunan 1999 bagi Kementerian Pendidikan khususnya Butiran 020000 Pendidikan Pra-Sekolah Rendah dan Menengah, butiran berkenaan dengan asrama, pengurusan buku teks, pendidikan teknikal dan vokasional, kurikulum teknikal dan vokasional, pendidikan Islam dan moral, kurikulum pendidikan Islam dan moral, pendidikan rendah, pendidikan prasekolah, rumah-rumah di luar bandar, asrama dan yang lain-lain sekiranya ada masa.

Pertama prestasi peperiksaan awam. Minggu lepas kalau tidak silap, kita telah pun mendengar keputusan UPSR 1998. Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengumumkan bahawa prestasi pada tahun ini meningkat, kita amat gembira kerana ada peningkatan. Ini merupakan satu prestasi yang baik dan kita ucapkan tahniah kepada kementerian, kepada pihak sekolah, pada guru, pada pelajar, pada ibu bapa, kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan prestasi UPSR meningkat. Dalam pada itu kita ingin bertanya adakah peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan prestasi pelajar luar bandar atau hanya di bandar sahaja kerana analisis atau data yang saya perolehi menunjukkan bahawa prestasi pelajar luar bandar masih juga begitu bahkan menurun khususnya dalam mata pelajaran tertentu. Yang meningkat ini dibanding. Jadi bermakna 'gap' itu dengan izin masih sama, kita belum lagi dapat merapatkan jurang perbezaan prestasi anak bandar dengan anak luar bandar khususnya dalam mata pelajaran tertentu seperti Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris.

Saya ingin meminta boleh tidak kementerian membuat analisis terperinci tentang perbezaan prestasi sekolah bandar dan luar bandar dan mengikut mata pelajaran kerana dengan itu kita dapat membuat perancangan mungkin dengan lebih tepat, lebih khusus daripada kita hanya membuat perancangan berdasarkan prestasi keseluruhan sahaja kerana kita kluatir kalau Sarawaklah menjadi contoh saya rasa mungkin sekolah-sekolah luar bandar di Semenanjung ini baik prestasinya tetapi kami di Sarawak saya terpaksa menyuarakan juga amatlah menyedihkan. Prestasi pada amnya di Sarawak jauh daripada prestasi kebangsaan dan bagi mata pelajaran tertentu misalnya saya bagi contoh bagi Bahasa Inggeris bilangan atau peratus yang cemerlang yang mendapat A - Bahasa Inggeris daripada berpuluh ribu pelajar cuma beberapa ribu pelajar cuma 9.5% sahaja yang dapat A - Bahasa Inggeris, Matematik - 15.8%, Sains - 6% sahaja A.

Jadi, kalau inilah pelajar yang akan memasuki jurusan sains di sekolah menengah nanti, bermakna kita masih tidak akan dapat memenuhi kehendak kerajaan untuk meningkatkan bilangan pelajar sains di Institusi Pengajian Tinggi supaya kita dapat memenuhi keperluan semasa menekankan IT, bidang sains dan teknologi. Selain daripada itu saya ingin juga bertanya apakah langkah dan strategi kementerian untuk merapatkan jurang ini.

Yang kedua, saya ingin membincangkan tentang tenaga guru yang mengajar di luar bandar. Pernah saya suarakan beberapa kali dan saya difahamkan ada golongan veteran Ahli Parlimen di sini telah menyuarakannya empat ataupun tiga terms yang lalu.

Saya dapati ada dua golongan guru yang mengajar di luar bandar. Pertama, guru yang baru keluar maktab, masih green, dengan izin, kerana dasarnya apabila keluar maktab young teachers dihantar ke luar bandar – di pedalaman. Satu lagi ialah golongan veteran yang telah bertahun-tahun mengajar di luar bandar tidak pernah bertukar ke sekolah-sekolah lain atau di bandar, lama-lama guru ini jadi bosan, tidak motivated, complaisant, tidak ada daya saing dan akibatnya anak-anak kita di luar bandar yang menerima akibatnya sebab tenaga pengajar ini tidak akan mendapat kesannya – gaji tetap berjalan tetapi anak-anak kita mendapat kesannya.

Satu perkara lagi ialah tidak ada guru pakar, misalnya guru Matematik, Sains atau Bahasa Inggeris di luar bandar kerana kebanyakan guru-guru kita memang kita akui guru wanita dan kebanyakan guru wanita ini mengikut suami dan sebagainya di bandar. Jadi, guru yang mengajar mata pelajaran ini di sekolah rendah, asalkan ada PMR, kalau nasib baik SPM – Sains, Matematik, Bahasa Inggeris, mereka diarah mengajar, tidak kesahlah sama ada mereka dapat 8 Bahasa Inggeris asalkan ada Bahasa Inggeris disuruh mengajar Bahasa Inggeris. Jadi, saya juga ingin bertanya mungkin kita tidak dapat atasi masalah ini secara terdekat, guru baru masih juga perlu mengajar di luar bandar dan apabila beberapa tahun mereka balik ke bandar, jadi orang bandar juga yang mendapat benefitnya daripada guru yang berpengalaman. Saya ingin bertanya, adakah guru baru yang dihantar ke luar bandar dan pedalaman telah mengikuti kursus khas untuk berhadapan dengan alam persekitaran luar bandar dan pedalaman yang berbeza dari segi pedagoginya, psikologinya, emosinya, mentalnya. Adakah mereka sudah didedah, diberi latihan dalam semua aspek itu hanya dari segi biasa sahaja, sama seperti guru-guru lain asalkan dapat certificate ataupun diploma.

Ketiga, kemudahan fizikal sekolah luar bandar dan rumah guru. Ini juga saya rasa topik yang sering kali kita bincangkan semua pihak khususnya Ahli-ahli Parlimen luar bandar. Saya terpaksa utarakan lagi kerana masalah ini belum pun selesai nampaknya dan tidak akan selesai selagi kita tidak benar-benar prihatin, tidak benar-benar mengatur satu program yang drastik untuk mengatasinya. Misalnya bangunan sekolah dan bahkan rumah guru, semi permanent, dengan izin, diperbuat daripada kayu. Kayu itu pun, minta maaf, bukan kayu yang boleh bertahan lama, mungkin tiga atau empat tahun sudah rosak dan apabila begitu perlu pembaikan penyelenggaraan tetapi masalahnya peruntukan maintenance tidak ada dan rumah guru seperti pernah kita sebut dahulu, kandang ayamlah, kandang kambinglah masih juga terdapat. Cuba bayangkan macam kita sendiri – pernah saya utarakan dahulu kalau kita pergi ke luar bandar, mengajar di luar bandar dengan keadaan begitu, tanya pada diri kita sendiri, 'how long can we stand' – berapa lama kita boleh bertahan? Setahun, dua bulan, tiga bulan dalam keadaan begitu! And these people stay there for years, sekolah kecil khususnya di luar bandar – 3 buah kelas, 20 orang murid, for years tidak ada orang lain dilihatnya tiap-tiap hari guru itu, muka itu sahaja – tiada hiburan, tidak ada apa-apa – outlet to release frustration mereka, dengan izin. Saya rasa ini perlu kita sedari, saya harap pegawai-pegawai perlu prihatin. Bukan sahaja sympathy tetapi empathy. Kita perlu menyedari hal ini.

Misalnya, apabila kita balik ke rumah, tengok rumah kita kemas, rumah cantik, fikiran kita lapang tetapi kalau kita balik ke rumah tengok rumah teruk – atap bocor, bintang pun nampak, jadi saya rasa kita pun tidak senang dan apabila perasaan kita tidak senang, tugas pun tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Jadi, saya benar-benarlah berharap agar anak-anak kita di luar bandar tidak ketinggalan.

Keempat, prasekolah juga pernah saya katakan. Prasekolah amat penting sebagai persiapan kepada anak-anak sebelum masuk sekolah biasa. Persiapan ini dari segi sosial, mental, emosi dan sebagainya tetapi sekolah di luar bandar bilangan prasekolah amat sedikit – yang ada diuruskan oleh KEMAS dan beberapa buah kelas dahulu yang dibuka oleh Kementerian Pendidikan beberapa tahun yang lalu yang tidak pernah dikembangkan dan KEMAS pula tidak mampu mengadakan program prasekolah di semua kampung. Saya

harap perkara ini diteliti oleh kerajaan agar sesuatu boleh dilakukan untuk mengatasi masalah penyediaan atau persiapan awal budak-budak kita di luar bandar untuk memasuki alam persekolahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Cik Sukinam Domo: Ya. Akhirnya oleh kerana masa tidak mengizinkan saya sentuh mengenai sekolah vakasional. Saya difahamkan baru-baru ini kementerian akan memulakan semula program vokasional untuk pelajar-pelajar yang tidak academically incline, dengan izin, satu ketika dahulu ini pernah saya suarakan, kalau benar saya amat berterima kasih dan mengalu-alukannya kerana bukan semua kita dilahirkan akan menjadi PM, akan menjadi pensyarah universiti. Kita perlu juga tukang masak, tukang susun bata – kemahiran-kemahiran ini dan mereka perlu diberikan latihan.

Dan akhirnya Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Tuan Pengerusi, saya harap Pendidikan Moral itu tolonglah dikaji semula cara pendekatannya kerana sekarang ini Pendidikan Moral diajar macam mengajar kefahaman – baca, jawab soalan, baca, jawab soalan, tidak ada practical kerana adanya buku teks. Sepatutnya Pendidikan Moral tidak perlu buku teks sebab itu mungkin salah satu sebabnya mengapa pelajar tidak menghayati kerana mereka menganggap ini cuma akademik, bukan practical, bukan real life. Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak mengizinkan, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Arau.

12.47 tgh.

Tuan Haji Hashim bin Jasin [Arau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam perbahasan ini saya ingin menyentuh, yang pertama, Butiran 020200 – Pendidikan Prasekolah.

Seperti yang sama-sama kita lihat bahawa pendidikan prasekolah ini dianjurkan oleh KEMAS, ABIM, PAS dan mungkin oleh badan-badan dakwah yang lain dan kita lihat bahawa ada pendekatan-pendekatan moral dan akhlak yang diberi atau ditonjolkan dalam pendidikan prasekolah ini dan ada pendekatan-pendekatan sosial kemasyarakatan yang ditonjolkan. Oleh itu, saya mintalah, kalau Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi ada membuat tuduhan bahawa ada PASTI atau ada pendidikan prasekolah ini yang mana guru-gurunya menghasut pelajar supaya membenci pemimpin, saya boleh menafikan bahawa perkara itu tidak berlaku terutamanya di pihak PASTI anjuran parti PAS itu sendiri tidak ada usaha-usaha untuk membawa murid-murid prasekolah ini membenci pemimpin tetapi apa yang berlaku ialah kita tidak menafikan mungkin ada satu atau dua orang murid yang memijak-mijak gambar pemimpin yang kebetulan bapanya itu orang kuat PAS – selalu marah kepada pemimpin negara, maka anak ini terikut dengan itu. Bukan dasar pendidikan prasekolah itu mengajar anak-anak ini supaya benci pemimpin dan saya tidak nafikan ada satu, dua dan satu, dua ini dipanggil 'syas' – satu benda yang ganjil dan benda yang ganjil sebenarnya tidak boleh kita hukum. *[Membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab]*

Kita tidak nafikan juga ada di antara pelajar-pelajar tadika ini yang membenci janggut. Mereka menghina janggut kerana bapa mereka menghina janggut, sedangkan janggut dalam Islam ada kaitan dengan sunnah Nabi S.A.W. Saya ingin menyampaikan pertanyaan di sini, mana lebih besar salahnya antara menghina pemimpin ataupun memijak gambar pemimpin dengan menghina janggut Rasulullah S.A.W. Jadi, kalau sekiranya kita hendak melihat bahawasanya menghina pemimpin itu sebagai satu dosa, kenapa kita tidak lihat menghina janggut Rasulullah juga sebagai satu dosa yang lebih besar daripada dosa memijak gambar pemimpin dan sebagainya. Kami tidak melihat menghina janggut itu sebagai suatu pelajaran yang diajar oleh guru-guru Tadika KEMAS tetapi ia merupakan satu perkara yang ganjil yang berlaku akibat daripada anak ini meniru bapanya yang mungkin tidak faham dalam masalah janggut, dalam masalah seperti itu.

Perkara yang kedua, yang saya hendak bangkitkan di sini ialah bahawa kurikulum yang bercorak moral dan Islam perlu diberikan dalam pendidikan pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, hatta kepada universiti itu sendiri. Kalau tadi kita dengar ramai wakil rakyat yang bercakap dan meminta supaya disemak semula kurikulum dan dimasukkan pelajaran-pelajaran agama dan moral ini, saya menyokong mereka dan inilah yang sepatutnya dilaksanakan oleh kementerian. Sebagai contoh, dalam masa persembahan akhir tahun kanak-kanak PASTI dengan kanak-kanak Tadika KEMAS ini terdapat perbezaan. Dalam PASTI persembahan muridnya ialah pertandingan azan, nasyid, syarahan agama atas kadar pengetahuan ataupun kemampuan kanak-kanak itu, tetapi dalam Tadika KEMAS dipersembahkan tarian Hawaii, persembahkan perkara-perkara dan pakaian tidak menutup aurat. Walaupun kanak-kanak ini tidak dituntut supaya menutup aurat.....

Tuan Haji Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hanya hendak minta penjelasan. Tadi saya dengar ucapan Yang Berhormat, janganlah ambil contoh-contoh yang ganjil-ganjil ini, yang terasing. Tetapi Yang Berhormat tadi telah membuat satu tuduhan. Saya sendiri dua minggu yang lepas lima buah tadika saya rasmi, kita ada membuat pertandingan azan, pertandingan al-Quran. Di tempat saya tidak pernah lagi saya lihat ada pertandingan tarian Hawaii seperti Yang Berhormat nyatakan tadi. Jadi Yang Berhormat apabila buat statement itu janganlah menuduh, kalau yang ganjil-ganjil itu kita kena asingkan.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Terima kasih, atas perhatian yang diberikan oleh Yang Berhormat dari Tanjong Karang. Saya bercakap ini bukan sebagai satu tuduhan dan mungkin semasa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan yang lulus daripada Timur Tengah menguasai Majlis Agama Islam di Wilayah Persekutuan dahulu, persembahan yang diberi di hadapan dia itu adalah tarian Hawaii dan sekarang ini pun masih terdapat di Tadika KEMAS, negeri Perlis mungkin bukan keseluruhan, tetapi apa yang saya dapati masih lagi mempersembahkan tarian-tarian yang pakaian murid-murid itu adalah satu yang tidak sesuai. Kalau di tempat Yang Berhormat tidak ada perkara itu, alhamdulillah syukur, kerana sudah wujud kesedaran dan kita harap sama-sama kita memupuk supaya perkara-perkara yang tidak positif ini dapat kita hapuskan daripada pendidikan pra-sekolah.

Seterusnya saya ingin untuk menyentuh Butiran 090200 Pendidikan Moral dan Islam, 090300 Dakwah dan Kepimpinan dan yang berikut dengannya. Kita tidak dapat nafikan bahawa masalah moral pelajar-pelajar sekarang ini sudah meresap ke sekolah rendah, sekolah menengah dan peringkat yang lebih tinggi. Moral dan akhlak mereka makin hari makin menurun dan bilangan mereka juga makin hari makin bertambah. Jadi kita perlu berfikir dan kita perlu membuat sesuatu tindakan bagaimana kita boleh untuk melahirkan pelajar-pelajar yang dahulunya pernah kementerian sebut, di zaman wakil rakyat dari Permatang Pauh dahulu, bahawa kita ingin melahirkan pelajar-pelajar yang bertakwa, yang soleh, yang – banyak yang lagi. Semuanya memberi harapan kepada ibu bapa, kepada rakyat negara ini bahawa pendidikan kita akan menjurus ke arah sesuatu yang baik. Tetapi malangnya, apa yang berlaku ialah semakin merosot daripada sudut moral dan akhlaknya. Maka saya ingin mencadangkan di sini kepada kementerian supaya kita wujudkan pertamanya, bulan dakwah, kalau dahulu kita boleh buat ‘Bulan Bahasa’ dan kita penuhkan dengan aktiviti-aktiviti yang boleh membawa untuk meningkatkan Bahasa Kebangsaan. Maka sekarang kita lancarkan pula bulan dakwah yang mana kita penuhkan dengan aktiviti-aktiviti yang boleh membantu kerajaan dan kementerian itu sendiri untuk memupukkan nilai-nilai Islam, nilai-nilai moral yang tinggi di kalangan pelajar-pelajar kita. Tidak cukup seperti yang terdapat sekarang ini hanya baca buku,

hafaz dan terus jawab soalan tanpa wujud di sana usaha-usaha praktikal kepada pelajaran yang dipelajari kerana dalam Islam, Allah berfirman [*membaca sepotong ayat al-Quran*] bermaksud, mereka yang diturunkan kepadanya kitab, mereka bertilawah, tilawah dengan sebenar-benar tilawah, tilawah yang membawa makna baca dengan betul, faham apa yang dibaca dan amalkan apa yang difaham. Kita tidak cukup dengan membaca sahaja dengan betul, dengan faham apa yang kita baca tetapi kita abaikan aspek yang ketiga iaitu aspek pelaksanaan tuntutan yang terdapat dalam al-Quran itu.

Jadi saya harap kita anjurkan bulan dakwah, kita tubuhkan kumpulan-kumpulan nasyid dakwah, kita anjurkan bulan sembahyang kerana ramai di antara anak-anak kita walaupun dia mendapat pendidikan dan belajar di sekolah mengenai sembahyang, tetapi praktiknya kurang. Apabila kita anjurkan bulan sembahyang, boleh kita adakan kursus tentang pentingnya sembahyang dalam kehidupan manusia dan seterusnya kita dapat membetulkan mana-mana yang tidak tepat dan tidak betul yang dilakukan oleh pelajar-pelajar ini. Moga-moga dengannya akan tertanam semangat cintakan sembahyang dan dengan sembahyang itulah ubat yang sebenarnya yang ditunjukkan oleh Islam dalam al-Quran sendiri, [*membaca sepotong ayat al-Quran*]. Bahawa sesungguhnya sembahyang itu membantu seseorang dan mencegah ia daripada melakukan perkara keji dan perkara mungkar. Jadi kalau Allah sendiri yang menegaskan begitu, kenapa kita tidak ikut pendekatan dan panduan yang diberi oleh Allah bahawa kita tanamkan semangat suka sembahyang kepada pelajar-pelajar Islam dan pelajaran moral kepada yang bukan Islam. Semoga dengannya kita dapat hindarkan masyarakat kita daripada terjerumus dalam apa yang disebutkan sekarang ini, telah melahirkan kumpulan-kumpulan samseng dalam sekolah. Orang UMNO tidak suka, orang PAS pun tidak suka ada kumpulan samseng dalam sekolah ini. Mari kita bertindak sebagai satu tenaga yang bersama memerangi masalah ini dan caranya ialah tolonglah kerajaan menganjurkan bulan dakwah dan sekali lagi kita anjurkan bulan sembahyang kerana ini boleh membantu kita mengatasi gejala yang terkena kepada masyarakat kita sekarang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah suntuk ya.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Yang akhir, suntuk itu ada sedikit lagi. Iaitu pengurusan buku teks.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat masa tidak mengizinkan.

Tuan Haji Hashim bin Jasin: Tidak mengizinkan, saya duduk. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Baik. Majlis bersidang semula sebagai majlis mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Perbahasan di bawah Kementerian Pendidikan disambung semula. Teluk Intan.

2.31 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya nak ucap Butiran 020300; 020600; 020900 dan 100000.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini peperiksaan UPSR telah diumumkan. Kalau kita meneliti dengan..... saya nampak Timbalan Menteri dan sesiapa dari kementerian tidak ada di sini. Tuan Pengerusi, kementerian berkenaan tidak ada di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak apa, biasa Yang Berhormat, pegawai-pegawai ada. Sila teruskan.

Tuan M. Kulasegaran: Pegawai ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Oh! Menjadi wakil rakyatkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kalau Yang Berhormat hendak tunggu Menteri boleh berucap kemudianlah saya bagi lain orang, boleh?

Tuan M. Kulasegaran: Boleh-boleh, saya akan habis. Tuan Pengerusi, walaupun Menteri berkenaan tidak ada, saya ingin ambil kesempatan untuk memberi pandangan saya mengenai peperiksaan UPSR yang telah dikeluarkan keputusannya minggu dulu. Kalau kita meneliti mengenai keputusan tersebut, kita akan mengetahui bahawa lebih 466,000 murid telah duduk peperiksaan tersebut, akan tetapi hanya yang dapat minimum performasi level adalah 46.8%.

Ini bermakna lebih 50% tidak mendapat kelayakan minimum. Menunjukkan bahawa di Malaysia ada satu situasi di mana ramai murid tidak mendapat pendidikan yang perlu diwajibkan atau sekurang-kurangnya seperti yang dikatakan minimum performance level tidak ada. Apakah sebabnya ini berlaku, walaupun kita telah merdeka empat puluh satu tahun adakah situasi macam ini boleh dibiarkan dan berlarutan? Dalam perkara ini Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai sekolah-sekolah Tamil, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah mengatakan, saya baca, bila bertanya mengenai sekolah-sekolah Tamil dan performance mereka. Jawapan beliau seperti biasa, Menteri berkenaan berkata, dengan izin, "on the generally poor performance of Tamil school pupils, he said it was because the majority of school where in the rural areas."

Ini adalah satu alasan yang tidak munasabah dan tidak boleh diterima. Kita tahu di negara ini banyak sekolah adalah di kampung-kampung, di estet-estet, ini bukan satu alasan bahawa performasi murid-murid di sekolah-sekolah tersebut adalah boleh kurang dari yang diwajibkan. Kalau kita tengok apa yang telah dikatakan baru-baru ini mengenai sekolah-sekolah Tamil, saya telah berucap beberapa kali mengenai perkara ini dan di antaranya baru-baru ini di satu SRJK Tamil Serdang di mana selepas PTS, sekolah tersebut telah membelanjakan sebanyak RM15 ribu dalam tempoh 6 bulan performasi murid-murid di sekolah tersebut dan pencapaian mereka telah melipat ganda ke 160% improvement, dengan izin.

Ini dikatakan oleh seseorang dari sekolah itu yang bernama En. Sivanathan, dari SRJK Tamil dan beliau mengatakan bahawa kekurangan perhatian kerajaan adalah yang telah menyebabkan ramai di antara pelajar-pelajar di luar bandar terutama sekali dari sekolah-sekolah Tamil yang tidak mencapai matlamat belajar dengan apa yang mereka mendapat minimum untuk mencapai kelulusan di dalam peperiksaan. Kalau kita tengok di antara alasan-alasan yang diberi oleh sekolah tersebut, SRJK Tamil ini adalah kekurangan perhatian kerajaan, di mana kebanyakan kurikulum-kurikulum dan lain-lain perkara yang diperlukan oleh sekolah-sekolah Tamil tidak diberikan atau kerajaan tidak mengambil perhatian mengenai perkara ini, walaupun perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali.

Selain dari itu kekurangan guru-guru di luar bandar terutama di sekolah-sekolah Tamil telah dibawa perhatian di Parlimen ini beberapa kali dan alasan adalah seperti biasa bahawa ramai guru tidak ingin bekerja atau mengajar di sekolah-sekolah ini. Saya telah memohon beberapa kali, beberapa insentif atau lain-lain perlu diberi supaya guru-guru dapat pergi ke tempat-tempat luar bandar lebih-lebih lagi di sekolah-sekolah Tamil supaya mereka dapat memberi kerjasama dan pengajaran yang diperlukan oleh murid-murid.

Saya ingin memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan salah satu dari faktor ramai antara pelajar-pelajar Tamil yang terlibat dengan criminal activities di negara ini adalah disebabkan oleh Kementerian Pendidikan yang kurang memberi perhatian terhadap perkara ini. Walaupun masyarakat India hanya 10% sumbangan kita untuk kes-kes criminal adalah 33%, sumbangan ini disebabkan oleh Kementerian Pendidikan. Kegagalan mereka untuk mengambil perhatian yang sewajar [*Ketawa*] yang perlu kita tidak perlu gelak-gelak ini [*Ketawa*] itulah Menteri Pendidikan, kalau kita tengok Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 14(i), Penerangan daripada Menteri-menteri. Saya ingin ambil kesempatan ini nak tanya, baru-baru ini Menteri Pendidikan telah memberitahu kepada surat khabar dan kepada rakyat Malaysia bahawa beberapa polisi yang baru telah dibawa kepada buku-buku teks. Siapakah yang layak mendapat buku-buku teks kepada orang-orang yang berpendapatan di antara RM700 ke RM1,500. Yang kita tahu adalah yang kita dapat baca dari surat khabar yang lain-lain yang dikatakan di surat-surat khabar.

Tetapi ada peraturan yang tertentu (customary obligation) bahawa menteri-menteri lebih-lebih lagi bila Parlimen bersidang patut datang ke Dewan ini dan membuat ministerial statement. Ini perlu dipentingkan. Tengok hari ini, mana ada menteri. [*Menyampuk*] Selepas saya tanya baru Timbalan Menteri mari. [*Ketawa*] Kalau saya tanya mungkin dia tidak mari. Tetapi kita tahu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri selalu ada di sini, itu baik. [*Ketawa*] Bila kita ambil alih kerajaan, dia jadi Perdana Menteri. Jadi, ini mustahak.

Saya harap kerajaan akan ambil perhatian bahawa Peraturan 14(i) ini di mana kalau ingat tahun dahulu bila Timbalan Perdana Menteri kerap kali datang ke Parlimen untuk memberi beberapa penerangan mengenai isu financial yang terkini. Ini mustahak kerana bila Parlimen bersidang kita perlu memberitahu kepada wakil rakyat seperti semua yang ada di Dewan ini apakah situasi yang terbaru, apakah sebab satu polisi yang baru diambil. Bukan kepada surat khabar dan di luar Parlimen. Yang Berhormat Menteri Pendidikan perlu tahu. Dia perlu datang dan memberi penjelasan kepada Dewan yang mulia ini, kenapa beliau membuat satu keterangan sedemikian di luar Parlimen, lebih-lebih lagi bila Parlimen bersidang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa cukup, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Saya akan gulung. Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa cukup.

Tuan M. Kulasegaran: Saya akan gulung. Hendak cakap banyak pun tidak boleh sebab masa. Saya sayang walaupun ada beberapa orang kawan saya yang telah berkhidmat di Parlimen dua sesi, tiga sesi, tiga puluh sesi pun tidak cukuplah.

Jadi, selain dari itu saya ada satu sahaja mengenai asrama-asrama. Saya pohon satu penjelasan dari pihak kementerian, berapakah asrama yang telah diwujudkan di estet-estet dan berapakah penuntut-penuntut dari sekolah Tamil telah diberi keutamaan atau dibenarkan belajar di sekolah-sekolah berasrama, dan apakah tindakan yang akan diambil supaya sekurang-kurangnya satu asrama diwujudkan di kawasan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hulu Langat.

2.43 ptg.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian Maksud B.26, Butiran 160000 – Dewan Bahasa dan Pustaka yang nampaknya tahun hadapan akan diberikan peruntukan untuk pendidikan RM10 sahaja sebagai token dan perlu untuk membuat permohonan. Saya ingin membangkitkan perkara berkenaan DBP tentang perlunya DBP membuat kawalan terhadap penerbitan-penerbitan yang di luar dari penerbitan DBP sendiri. Untuk penerbitan dalaman, iaitu yang diterbitkan buku-buku ataupun makalah terbitan DBP memang baguslah, bahasanya bagus, susunan ayatnya bagus. Tetapi saya merujuk kepada beberapa perkara khususnya mengenai satu buku yang diterbitkan oleh penerbit luar bertajuk “Panduan Bahasa Melayu”.

Buku ini saya dapat daripada seorang menteri, iaitu Menteri Pembangunan Luar Bandar yang menghadiahkan kepada 162 kawasan Parlimen. Jadi, kerana minat, saya telah pun memiliki buku ini, tetapi setiap perenggan saya dapati ada kesilapan. Buku ini ditulis oleh seorang yang pernah memegang jawatan Penolong Pengarah Kanan Latihan dan Kemajuan Kakitangan di Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan Pengerusi, namanya sahaja ‘panduan’. Jadi, kalau kita buat panduan, tentulah perkara yang hendak kita ikut – macam panduan jalan raya, kita kena ikutlah macam mana berada di jalan raya. Kemudian, panduan tatasusila atau apa juga panduan. Tetapi dalam buku ini kalau ia berbentuk panduan, ianya harus juga betul, tidak boleh ada silap. Tetapi dalam buku ini, saya ambil contoh muka surat halaman 7, penulis nampaknya tidak dapat membezakan penggunaan ‘bila’ dengan ‘apabila’. Contohnya, ‘bila malam tiba’. Ia tidak boleh gunakan ‘bila malam tiba’. ‘Bila’ digunakan untuk bertanya. ‘Bila’ awak datang, ‘bila’ awak tidur, kalau malam. Ini satu contoh.

Tetapi setiap perenggan saya tengok ada kesilapan. Tidak dapat membezakan penggunaan kata bilangan, ‘ramai’ dan ‘banyak’. Tidak dapat membezakan ‘lain-lain hal’ dan ‘hal-hal lain’. Jadi, ini nampaknya perkara asas. Tetapi kalau panduan ini mengandungi unsur-unsur yang silap, Dewan Bahasa dan Pustaka kenalah diberi tugas baru mencakupi di luar tugasnya sekarang. Sebab bahasa ini juga adalah pustaka. Jadi, kalau Dewan hendak menjaga pustaka yang baik, dia hendaklah juga menentukan perkara-perkara yang diberi ini adalah baik. Jadi, di luar daripada Kementerian Pendidikan, nampaknya Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah semacam tersalah mengedar buku. Jadi, esok buku ini hendak dihantar ke seribu satu pusat sumber di seluruh negara dalam semua Parlimen dan anak-anak kita akan mendapat buku yang tersilap panduan.

Jadi, kalau boleh penyelidikan ini juga dikaji selepas pengeluaran bukunya. Juga kalau kita tengok sekarang pertuturan-pertuturan di TV ataupun di media elektronik, di radio, bagaimana penggunaan yang tidak betul, cacamerba. Apakah puncanya. Harusnya diadakan penyelidikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ataupun kementerian sendiri.

Saya berpindah kepada satu lagi Butiran 03200 – Penyelidikan dan Pembangunan – (Jangka Panjang) dan Butiran 03300 – Penyelidikan dan Pembangunan – (Jangka Pendek) universiti-universiti tempatan. Kita dapati beberapa universiti, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, Universiti Putra dan sebagainya, iaitu universiti-universiti tertua lima buah ini nampaknya tidak diperuntukkan beberapa peruntukan untuk tahun depan untuk penyelidikan dan pembangunan (research and development). Jadi, kalau semua tidak ada peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan, saya ingin bertanya apakah pilihan (alternative) yang diberikan kepada tenaga pensyarah ataupun penyelidik-penyelidik di universiti-universiti. Apakah mereka hendak buat dengan tidak ada peruntukan?

Kita tahu ada pensyarah-pensyarah yang sekarang ini waktu mengajar mereka cuma empat hingga enam jam sahaja seminggu. Saya baru mengadakan dialog dengan rakan-rakan di UKM baru-baru ini, mereka mengajar 4 jam seminggu. Ketua jabatannya

mengajar enam jam seminggu. Orang bekerja 16 jam sehari, tetapi pensyarah-pensyarah enam jam seminggu. Kemudian tidak ada peluang, tidak ada pilihan untuk membuat R&D. Apa agaknya mereka hendak buat. Kalau demikian, ada juga rakan-rakan yang terpaksa juga membuat penyelidikan dan pembangunan ini, apakah pilihan seperti yang saya tanya tadi, bagaimanakah hendak mendapatkan peruntukan atau apakah insentif-insentif lain yang kementerian dapat memberikan atau sebagai ganjaran kepada rakan-rakan demikian.

Begitu juga dengan kajian pendidikan di kementerian sendiri, Butiran 03800. Tahun 1996 hingga 1997 telah digunakan RM1.02 juta untuk tujuan itu, tetapi tahun depan tiada. Bagaimana pula dengan rakan-rakan di kementerian juga. Apa research, apa penyelidikan yang mereka hendak buat. Adakah mungkin penyelidikan dan pembangunan ini dibuat dengan air liur sahaja atau bagaimana. Harus dalam era pembangunan ini walaupun kita mengakui dalam kegawatan, penyelidikan dan pembangunan harus dilaksanakan juga untuk memajukan tanah air kita ini.

Saya juga tertarik mengenai penyelidikan ini di kementerian tentang peranan kementerian untuk melihat balik kejayaan dan pelaksanaan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang khabarnya sebanyak 27% atau 23% sahaja pelajar-pelajar bumiputera yang mengikuti pengajian di IPTS ini. Soalan saya adakah itu benar, dan jika benar atau tidak benar silalah beri penjelasan. Kalau benar, kenapa dan bagaimanakah kita mahu mengimbangi pengambilan pelajar-pelajar ini kerana institusi pengajian tinggi awam (IPTA) amat terhad kemampuannya untuk mengambil pelajar-pelajar ini. Bumiputera pula seperti yang kita tahu kebanyakannya datang dari luar bandar tidak pula mampu untuk pergi ke IPTS. Jadi, nampaknya kalau percambahan atau pertumbuhan IPTS ini berterusan dengan keadaan sekarang dan IPTA terhad untuk mengambil pelajar-pelajar, perimbangan ini, tentulah tidak dapat kita atasi pada bila-bila masa. Saya sangat prihatin untuk mengetahui daripada kementerian, bagaimanakah masalah ini dapat diatasi.

Dalam pada itu saya ucapkan syabas jugalah kepada kementerian kerana telah pun meminda akta pendidikan dengan membenarkan IPTS, kalau kita tidak ada IPTS hari ini kita akan menghadapi kesukaran dan kesulitan yang lebih besar kerana dengan kegawatan ekonomi, kita tidak mampu menghantar anak-anak kita ke luar negara. Jadi, walaupun tadi saya mempersoalkan tentang kewujudan IPTS ini, sebenarnya ada baiknya juga untuk menampung keperluan itu. Apa yang perlu sekarang ialah bagaimana kita memantau ataupun menyelia kewujudannya.

Saya beralih kepada Butiran 00902 – Asrama Desa. Asrama desa ini nampaknya tahun 1999 juga tidak ada peruntukan dan ini merupakan baru kedua tidak ada peruntukan. Soalnya adakah peruntukan ini dihentikan terus. Berapa banyak seperti yang ditanyakan oleh sahabat saya di depan tadi, berapa banyak sebenarnya asrama desa, kalau Yang Berhormat itu bertanyakan asrama desa di estet, saya bertanya di luar bandar secara menyeluruh, berapa banyak yang ada, berapakah keperluan asrama-asrama desa ini sebenarnya dan apakah kriteria yang dikatakan asrama desa dan bagaimana pemilihan masuk untuk pelajar-pelajar ini.

Saya mengambil contoh betapa perlunya asrama desa ini umpama di kawasan saya di Hulu Langat, di kawasan Pangsoon dalam Dewan Undangan Negeri Dusun Tua, hanya ada satu sekolah menengah sahaja untuk tujuh mukim. Pelajar-pelajar bergantung kepada pengangkutan bas untuk ke sekolah. Kalau hari berkenaan bas tidak datang, tayar bas pancit dan sebagainya mereka tidak akan pergi ke sekolah dan akhirnya di sekolah itu ada dua, tiga orang murid sahaja dengan seorang guru, ini semata-mata kerana pengangkutan dan jarak yang amat menyulitkan. Jadi, saya mencadangkan pada masa yang akan datang berilah peruntukan yang lebih besar lagi kepada usaha-usaha untuk membina asrama-asrama di kawasan-kawasan desa kerana kita mahu memastikan anak-anak desa juga mendapat peluang pendidikan yang sebaik mungkin.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, dengan adanya asrama itu sebenarnya kita memberi peluang pendidikan yang sama rata kepada pelajar-pelajar. Perkara yang terakhir ialah kerana kalau kita hanya sibuk mengambil pelajar-pelajar lepasan UPSR dengan kelulusan 5A atau 4A ke asrama-asrama penuh di bandar-bandar, persoalan yang hendak saya tanyakan kepada kementerian ialah ke manakah pelajar-pelajar luar bandar ini dengan mendapat keputusan 3A 2B atau 2A 2B 1C hendak kita salurkan. Jadi, saya memohon sangat supaya asrama-asrama desa ini dibina dengan lebih banyak, dengan itu saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batang Lupar.

2.55 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya dari pagi tadi mendengar rintihan daripada rakan-rakan Yang Berhormat yang mewakili kawasan luar bandar. Soalan yang banyak dibangkit ialah soalan sekolah dan keadaan asrama guru di luar bandar. Saya dengar dari Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Batang Sadong, Santubong dan banyak lagi. Jadi, saya juga daripada kawasan luar bandar, semenjak lapan tahun, sebuah sekolah sahaja di 'repair'. Itu pun 'repair' sahaja. Jadi, Tuan Pengerusi, saya memang berasa sedih sebagai wakil masyarakat luar bandar.

Jadi, di bawah Butiran 010000 Program 010200, saya ingin bertanya dengan pihak kementerian, bagaimanakah dasar kementerian semasa membuat lokasi kepada peruntukan untuk di bandar dan untuk di luar bandar kerana pengagihan peruntukan kewangan ini adalah penting untuk pembinaan kemudahan pendidikan di luar bandar. Kalau allocation ataupun peruntukan untuk di luar bandar itu lebih sedikit dengan sendirinya pelaksanaan itu nanti juga sedikit. Jadi, kalau kita tumpukan di dalam bandar sahaja, peruntukan kita dengan sendirinya pelaksanaan itu nanti akan mendapat banyak di dalam bandar dan tidak di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya baru balik, setiap hari Sabtu saya pergi ke luar bandar, selepas habis sekolah ini, hujung penggal akhir tahun ini, 14 haribulan saya pergi, 21 haribulan saya pergi, tiap-tiap minggu hari Sabtu. Kerja saya ialah memberi sijil dan sebagainya dan melihat sekolah-sekolah. Semua rungutan dan rintihan daripada luar bandar ialah tidak cukup kelas, tidak cukup tempat kuliah, dan bermacam-macam yang tidak cukup, guru yang merintih oleh kerana asrama tidak siap, tidak ada asrama dan sebagainya. Jadi, saya meminta pihak kementerian melihat semula peruntukan yang dibuat untuk sekolah di luar bandar supaya dipertingkatkan dan diperbanyakkan sedikit kerana di sanalah letaknya kekuatan bumiputera, orang Melayu dan sokongan parti kita. Saya daripada parti yang mendapat sokongan besar dari rakyat di luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin berpindah oleh kerana masa sedikit, kepada Program 020200 – Pendidikan Pra-Sekolah. Ini juga satu masalah. Pagi tadi pun ada kawan menyebut yang mengadakan persediaan untuk prasekolah ini ialah KEMAS dan KEMAS ini pula tidak begitu teratur, tidak begitu terkawal dan tidak mencukupi peruntukan dan sebagainya. Jadi, kadang-kadang pegawai KEMAS berjumpa kita meminta peruntukan untuk membina bangunan, untuk memberi persediaan dan kemudahan sumber dan sebagainya. Jadi, kini kita belum ada membuat satu peruntukan yang khusus untuk prasekolah. Tetapi kalau kita lihat di dalam bandar, orang menghantar anak mereka daripada umur empat tahun sampai ke umur enam tahun memberi persediaan kepada anak ini untuk memasuki zaman sekolah mereka darjah satu dan diberi latihan sekurang-kurangnya dua tahun sebelum itu. Dengan adanya latihan prasekolah ini, maka

anak-anak ini lebih kompetitif, lebih baik, lebih bersedia menghadapi zaman sekolah mereka.

Jadi, yang ada pada kita sekarang ialah tidak teratur, tetapi apa yang berlaku ialah polarisasi berada di dalam bandar. Maknanya kalau anak-anak orang ini tinggal di dalam kawasan bandar, mempunyai kemudahan ataupun pendapatan yang mencukupi mereka akan menghantarkan anak mereka ke prasekolah yang teratur, yang baik yang boleh memberi pendidikan untuk prasekolah itu dengan sebaik-baiknya supaya menyediakan anak ini masuk ke alam sekolah mereka di peringkat ke primary satu.

Jadi, kita balik semula ke masyarakat di luar bandar yang mana tidak ada kemudahan, melainkan KEMAS ada, tetapi KEMAS ini tidak berkemungkinan untuk mengadakan kelas-kelas prasekolah di seluruh kampung di luar bandar. Jadi, sekali lagi masyarakat kita di luar bandar jadi kebelakangan, menjadi 'less competitive, less able' untuk menghadapi masa bersekolah mereka dan selamanya masyarakat di luar bandar itu, mereka mendapati mereka sendiri kurang kompetitif dan kurang mendapat perhatian dan kurang mendapat penekanan. Jadi, saya berharap pihak kementerian melihat semula keperluan prasekolah ini, supaya anak-anak kita yang kebanyakannya ialah anak-anak kaum bumiputera yang tidak mendapat layanan dan kepentingan daripada kerajaan terutama sekali di bidang prasekolah.

Tuan Pengerusi, saya berpindah kepada Program 020700 - Pendidikan Guru. Guru sekarang dilatih dalam bidang pengajaran, tetapi segelintir daripada guru ini juga menjadi ketua sekolah-sekolah tertentu. Guru ini diperlukan mentadbirkan sekolah tersebut dan mengawal selia sekolah tersebut tetapi malangnya, sebagaimana yang telah diberitahu kebanyakan guru ini hanya pandai mengajar tetapi tidak pandai mentadbir. Apabila sampai ke peringkat mentadbir sekolah nanti guru itu mendapati mereka kurang cekap untuk mentadbir dan membuat program kepada guru-guru yang berada di sekolah. Kalau guru ini mentadbirkan sekolah yang kecil mungkin tidak menjadi masalah tetapi kalau sudah mentadbirkan sekolah yang sampai 1,000 atau 800 orang murid yang mana population gurunya sudah 20 orang sudahlah guru besar ini ataupun principal ini menjadi bercelaru, tidak berkemampuan lagi untuk mentadbir dan mengarah orang-orang di bawah arahnya. Jadi, dalam keadaan sedemikian, sekolah itu juga mendapat masalah oleh kerana pentadbiran guru itu kurang cekap, kurang teratur, jadi dengan itu saya ingin mencadangkan agar di kolej-kolej pengajian guru mestilah diajar juga macam mana mentadbirkan organisasi sekolah, mentadbirkan sekolah, macam mana merancang program di sekolah kerana asas mentadbir ini perlu juga diberitahu kepada guru-guru yang bakal menaiki heirarchy di sekolah-sekolah ataupun di jabatan itu nanti.

Tuan Pengerusi, saya bercakap secara cepat-cepat dari satu perkara ke satu perkara yang lain oleh kerana masa hanya sepuluh minit. Tuan Pengerusi, perkara yang amat penting sekali ialah soal agama dan moral. Pendidikan Islam untuk anak-anak yang Islam, pelajaran moral untuk anak-anak yang bukan Islam di sekolah. Tetapi pengajaran Islam ini kebanyakannya diajar oleh ustaz dan ustazah yang baru lepas daripada persekolahan dan mungkin mereka ini baru berumur 23, 24 ataupun 25 tahun. Walaupun mempunyai ijazah tetapi belum matang sangat menjadi pendidik dan memperkenalkan agama Islam itu bukanlah agama ritual sahaja, tetapi juga adalah agama sebagai agama yang boleh membentuk moral dan cara hidup manusia. Tetapi ini tidak dilaksanakan di banyak sekolah, anak-anak diajar bersembahyang, diajar mengucap, diajar membaca kalimah syahadah, tetapi jarang sekali, kalau tidak pun tidak sekali, moral di sebalik agama itu diajarkan. Jadi, saya sebagai 'role' saya sebagai wakil rakyat, tiap-tiap kali saya pergi ke kampung menasihatkan ibu bapa membawa anak-anak mereka menghadiri ceramah-ceramah agama menghadiri umpamanya ceramah Israk Mikraj dan sebagainya supaya anak-anak mempelajari apa sebenarnya agama Islam itu dan pengajaran di sebalik agama Islam itu dalam bahasa kita, bukan dalam bahasa Arab yang tidak mungkin dikenali oleh anak-anak kita. Jadi, guru-guru ini apabila dilantik ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, guru-guru ini mestilah dilantik dan dilatih untuk memperkenalkan agama Islam bukan sahaja sebagai agama ritual tetapi juga agama yang boleh mengajar moral dan cara hidup yang sempurna kepada insan yang digelar beragama Islam itu sendiri supaya mereka ini tidak tercicir sebagaimana mereka yang lain, sebagaimana yang kita tahu 70% anak Melayu telah terlibat dalam jenayah, dadah dan perkara yang tidak diinginkan, ada kemungkinan kita boleh memperbaiki keadaan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sibü

3.05 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibü]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk Program 020700 - Pendidikan Guru.

Tuan Pengerusi, saya puas hati mendengar apakah cadangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri satu dua hari yang lalu ialah kerajaan akan mengkaji kemungkinan melatih lebih banyak guru untuk sekolah rendah Cina di seluruh negara kita. Tuan Pengerusi, masalah kekurangan guru terlatih khususnya di SRB Cina seluruh negara sudah lama belum dapat diatasi. Apabila saya bertanya pegawai pendidikan jawapan yang saya terima ialah kekurangan candidate atau pemohon masuk kepada maktab perguruan. Tetapi saya menerima aduan dari pemohon yang menyatakan mereka banyak sulit untuk diterima oleh maktab perguruan oleh itu saya berharap Kementerian Pendidikan akan mewujudkan satu program yang spesifik untuk mengatasi masalah ini secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Program 021000 - Pengurusan Sukan, dan 021000 - Pendidikan Sukan. Dan Butiran 034000 - Program Pembangunan Sukan di Sekolah dan Pendidikan Tinggi. Butiran 03501 - Rendah dan 03502 Menengah.

Tuan Pengerusi, saya telah melawat beberapa sekolah SRK atau SMK di kawasan saya khususnya di luar bandar, kerana kawasan saya sebahagian ialah di luar bandar, kurang lebih mempunyai 100 buah rumah panjang dan beberapa ratus kampung, saya menyaksikan sendiri kemudahan sukan di sekolah terlalu kurang. Contohnya, saya pernah dijemput untuk merasmikan sukan tetapi padang sukan sekolah sentiasa kena banjir, nampaknya murid-murid, bukan running, dengan izin, padang sukan tidak ada tetapi nampak macam kolam untuk berenang. Walau bagaimanapun, mereka mempunyai semangat yang kuat, siapa tahu mungkin ada dua atau tiga orang di antara mereka nanti akan mewakili negara kita bertanding di bidang sukan antarabangsa.

Saya ingin merayu dengan ikhlas kepada kementerian beri agar memberi perhatian utama kepada kemudahan sukan sekolah khususnya di luar bandar di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk Butiran 04000 - Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Saya ingin tahu di sini bilakah kampus tetap akan dibina untuk UNIMAS di Sarawak. Saya difahamkan pembangunan atau progress UNIMAS di dalam masa tidak panjang dan masa yang cukup baik, iaitu masa telah tiba untuk mereka mempunyai satu kampus tetap supaya mereka boleh adakan program-program dengan lancar.

Akhir kata saya ingin merujuk kepada Butiran Geran Modal Kepada Sekolah. Saya telah menerima beberapa aduan khususnya daripada ahli-ahli lembaga pengurusan sekolah bantuan Cina khususnya di dalam keadaan krisis ekonomi kerana agak sukar untuk mereka meminta derma daripada pihak swasta. Oleh itu saya ingin merayu dengan ikhlas iaitu bolehkah Kementerian Pendidikan mengkaji semula khususnya di dalam masa krisis

ekonomi nasional sekarang penggunaan basis RM1 ke-RM1 oleh kerana sekarang kalau kita bina sebuah sekolah bantuan ongkosnya bukan RM50,000 ataupun RM100,000 tetapi memerlukan RM1 juta ataupun RM2 juta. Kadang-kadang kami minta capital grant dari Kementerian Pendidikan hasilnya tidak mencukupi. Oleh itu saya berharap penggunaan basis RM1 ke-RM1 akan digunakan balik. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Klang.

3.11 ptg.

Dr. Tan Yee Kew [Klang]: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Pembangunan 26 – Butiran 00100 – Pendidikan Rendah. Seperti yang kita sedar di Kuala Lumpur dan bandar-bandar utama terdapat banyak taman perumahan yang tidak mempunyai SRKC walaupun permintaan daripada ibu bapa untuk mendaftarkan anak-anak mereka di SRKC adalah begitu banyak. Ini telah menyebabkan kebanyakan SRKC di bandar-bandar tersebut menghadapi masalah kesesakan di dalam bilik darjah. Saya ingin tahu di bawah Butiran 00102 daripada perbelanjaan tahun 1999, berapa banyakkah jumlah yang diperuntukkan untuk membina bilik darjah tambahan di SRKC.

Merujuk kepada Butiran yang sama, saya juga ingin menyentuh tentang masalah kekurangan tapak SRKC Heng Hwa di kawasan saya iaitu di Klang. Sekolah ini adalah sekolah bantuan penuh, tetapi ia tidak mempunyai tapak sekolah dan bilik darjah sendiri. Ia masih menumpang di bangunan Sekolah Menengah Persendirian Heng Hwa sejak mula ditubuhkan. Sekolah ini kini berdaftar gred A dan mempunyai bilangan murid seramai 1,820 orang. Oleh kerana kesesakan tempat, banyak aktiviti kurikulum dan kokurikulum tergendala. Punca utamanya ialah kekurangan kemudahan-kemudahan asas seperti padang bola, gelanggang permainan dan sebagainya.

Selain daripada itu sekolah tersebut telah beberapa kali menerima notis daripada Sekolah Menengah Persendirian Heng Hwa bahawa mereka ingin mengambil balik bilik-bilik darjah yang telah disewakan kepada SRKC Heng Hwa. Pada tahun-tahun kebelakangan ini, pihak sekolah telah beberapa kali mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pendidikan supaya mendapatkan tapak baru untuk maksud pemindahan sekolah tetapi permohonan mereka tidak mendapatkan jawapan yang positif daripada kementerian.

Pada bulan Oktober tahun ini pihak sekolah bersama-sama dengan lembaga pengurus dan PIBGnya telah sekali lagi mengemukakan permohonan untuk mendapatkan tapak sekolah. Saya difahamkan tapak yang sesuai untuk tujuan pemindahan pun telah dikenal pasti oleh pihak sekolah. Saya amat berharap permohonan mereka akan mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada pihak kementerian. Saya rasa tidak ada apa-apa alasan supaya permohonan mereka ditolak memandangkan sekolah ini adalah sekolah bantuan penuh. Apakah akan terjadi kepada 1,820 orang murid sekiranya bilik-bilik darjah itu diambil balik oleh Sekolah Menengah Persendirian Heng Hwa? Memandangkan keadaan yang mendesak, kementerian sepatutnya mengambil tindakan segera supaya Kerajaan Barisan Nasional akan terus menikmati keyakinan dan sokongan daripada ibu bapa sekolah ini dan masyarakat Klang pada keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Maksud Pembangunan 27 – Butiran 00100 tentang Perpustakaan. Klang mempunyai hampir setengah juta orang penduduk dan dalam kawasan ini terdapat 72 buah sekolah rendah dan menengah tetapi perpustakaan awam yang terletak di bandar Klang amat kecil dan ramai penduduk dan murid-murid daripada Pelabuhan Klang tidak dapat menikmati kemudahannya sebab ia terletak jauh daripada Pelabuhan Klang.

Oleh itu kami daripada Klang menjadi begitu terharu apabila mengetahui bahawa suatu peruntukan bernilai RM4 juta telah disediakan untuk membina sebuah perpustakaan awam di Pelabuhan Klang di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Kini tempoh masa

untuk Rancangan Malaysia Ketujuh telah hampir tamat iaitu hanya tinggal dua tahun sahaja lagi. Jadi saya ingin tahu sama ada projek perpustakaan itu masih berjalan ataupun telah ditangguhkan. Kalau ia masih kekal, bilakah projek itu akan bermula dan kalau ia telah ditangguhkan, saya ingin tahu sebabnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020000 - Pendidikan Pra-Sekolah, Rendah dan Menengah. Kami telah banyak mendengar seruan daripada wakil rakyat dari pembangkang mahupun dari Barisan Nasional. Kebanyakan mereka mengadu berkenaan kecacatan dan kekurangan infrastruktur di sekolah-sekolah baik di bandar mahupun di kampung.

Tuan Pengerusi, saya ingin tahu bukannya kerajaan ada satu polisi di mana tiap-tiap perumahan baru di mana ada melebihi 1,000 buah rumah, pemaju perlu menyediakan satu tapak untuk sebuah sekolah rendah dan jikalau ada 1,500 unit rumah maka sebuah sekolah menengah perlu ada tapaknya.

Tuan Pengerusi, di kebanyakan taman-taman baru atau perumahan baru, kami boleh nampak ada sekolah kebangsaan baikpun sekolah rendah kebangsaan atau sekolah menengah kebangsaan tetapi sekolah rendah jenis kebangsaan baikpun Tamil ataupun Cina langsung tiada.

Hari ini kami baca dalam surat khabar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata kepada satu perwakilan dari kaum Cina bahawa kerajaan sedia atau ingin menimbang permohonan-permohonan untuk membina lebih lagi sekolah rendah jenis kebangsaan Cina.

Tuan Pengerusi, pendidikan adalah satu bidang yang penting untuk mendidik anak-anak kita tidak kiralah sama ada dari aliran Cina, Tamil atau Bahasa Kebangsaan dan kami nampak di sini kebanyakan sekolah-sekolah Cina ini dibina oleh masyarakat Cina di bahagian bangunannya dan tadi kami juga mendengar Ahli Yang Berhormat dari Sibü ada berkata "balik kepada asal, iaitu RM1 kepada RM1". Masih adakah dasar ini wujud di mana sekolah-sekolah bantuan modal jikalau hendak dibina kerajaan akan menyumbangkan RM1 kepada RM1 yang disumbangkan oleh masyarakat. Saya berharaplah dasar ini dapat dikekalkan di mana rakyat dan kerajaan bersama-sama bertanggungjawab untuk membina sekolah-sekolah.

Tuan Pengerusi, di Chye Lane Park iaitu Prai, di kawasan saya ada sebidang tanah di taman ini. Taman ini bukan taman baru. Taman ini telah wujud hampir 25 tahun dan ada sebidang tanah di tengah-tengah taman ini. Saya semak dalam susunan atur pembangunan, didapati bahawa tanah ini adalah reserve untuk sekolah menengah dan sekolah rendah tetapi sehingga ini ia dibiarkan menjadi semak sahaja, tiada diusahakan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu sama ada tanah ini dimiliki oleh Jabatan atau Kementerian Pendidikan. Jikalau ia dimiliki oleh Kementerian Pendidikan, ada apa-apa rancangan untuk membina atau memajukan tapak ini untuk dibina sekolah dan jikalau ada, bilakah ia akan dilaksanakan.

Tuan Pengerusi, juga satu masalah yang dihadapi oleh masyarakat Cina ialah di mana terdapat juga sekolah rendah jenis kebangsaan Cina yang kekurangan murid-murid untuk membaca. Bolehkah sekolah-sekolah seperti ini dipohon supaya dipinda kepada taman-taman baru atau seperti yang ada saya kata di Chye Lane Park di mana memerlukan sebuah sekolah. Jikalau boleh adakah kerajaan akan membuat satu kajian di mana sekolah-sekolah yang kekurangan murid-murid ini dapat dipinda kepada satu tempat di mana ia memerlukan sekolah seperti ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 070000 - Pendidikan Swasta. Saya juga ingin merayu di sini supaya kerajaan boleh menimbang pengiktirafan peperiksaan Unified yang dianjurkan

oleh Persatuan Jemaah Pengurus dan Guru-guru atau lebih dikenali sebagai Dong Jiao Zhong. Peperiksaan Unified ini telah diiktirafkan oleh banyak institusi pendidikan tinggi di beberapa negara asing termasuk negara-negara Eropah juga mengiktirafkan sijil ini dan mengapa kerajaan kita tidak boleh memberi pengiktirafan seperti ini supaya anak-anak sekolah kita apabila tamat di sekolah-sekolah ini boleh memasuki universiti atau kolej-kolej tempatan supaya menjimatkan perbelanjaan di luar negara. Mereka boleh belajar di negara kita dan apabila mereka tamat sekolah, mereka boleh memberi sumbangan yang lebih kepada negara kita dan bukan sahaja mereka pergi ke luar negara membazirkan wang ibu bapa mereka dan habis keluar dari sekolah bermastautin atau bekerja di negara orang.

Tuan Pengerusi, pada fikiran saya masa telah sampai untuk kerajaan mengadakan satu rancangan raksasa di mana sekolah-sekolah baik di kampung, baik di bandar perlu semuanya diambil berat dan ditingkatkan keselamatan mereka ini kerana terdapat juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional berkata sekolah-sekolah di kawasan mereka terdiri dari kayu papan dan juga kadang-kadang keadaan ini akan membahayakan kepada anak-anak kita.

Jadi, jikalau negara kita melaung-laungkan hendak menjadi satu negara yang maju pada masa yang akan datang maka satu percubaan perlu dijalankan dengan membelanjakan satu jumlah yang besar dalam bidang pendidikan ini. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

3.28 ptg.

Dr Ramli bin Taib [Kemaman]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara hendak bertanya kepada Timbalan Menteri mengenai pendidikan rendah, menengah di kawasan saya. Sebelum itu saya ingin merujuk kepada Butiran 00204 - Matrikulasi, yang diperuntukkan sebanyak RM300 juta.

Matrikulasi sebenarnya telah diwujudkan sejak sekian lama untuk membantu bumiputera untuk memasuki universiti-universiti tertentu untuk fakulti-fakulti tertentu. Saya salah seorang produk daripada sistem matrikulasi ini dan saya dapati bahawa sistem dahulunya adalah cukup baik dengan pensyarah-pensyarah yang begitu baik, suasana dan facility yang baik di universiti-universiti. Tetapi sejak akhir ini apabila matrikulasi ini difrancaiskan atau diberi hak kepada pihak swasta untuk melaksanakan program matrikulasi kita dapat rungutan-rungutan yang begitu tidak enak didengar iaitu mutu ataupun mutu pengajaran lecturers yang mengajar di francais yang disebutkan tadi dan juga facilities yang diberikan tidaklah setanding yang sepatutnya student dapat.

Jadi saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri adakah pihak universiti yang memberi francais memantau akan francais yang diberikan ini kerana kita dapati ada rungutan daripada universiti-universiti dan didapati bahawa penuntut-penuntut yang hasilnya daripada matrikulasi ini agak menurun daripada pendidikan mereka, padahal mereka ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang cemerlang sebelum memasuki matrikulasi. Saya berharap kepada kementerian agar memberi perhatian terhadap mutu pendidikan dan juga facilities yang ada di francais matrikulasi ini.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi ialah isu universiti di Pantai Timur. Dahulunya, apabila Universiti Petronas yang hendak dilaksanakan di negara kita sepatutnya universiti ini yang terbaik ia didirikan di negeri Terengganu kerana negeri Terengganulah tempatnya petroleum itu membangun tetapi kita agak kecewa kerana pada masa itu permintaan daripada negeri Terengganu tidak diterima dan akhirnya didirikan di negeri Perak.

Jadi kita hendak bertanya kepada kementerian, adakah tidak bercadang untuk membina universiti induk di kawasan Pantai Timur khususnya di negeri Terengganu. Kita

faham bahawa universiti kolej ada dibina tetapi kita berharap kepada kementerian untuk memberi perhatian kepada perkara ini.

Baru-baru ini Pengerusi MARA ada mengumumkan bahawa MARA akan membina universiti, saya berharap kementerian dapat memberi pertimbangan bahawa universiti ini boleh didirikan di negeri Terengganu.

Tuan Pengerusi, yang keduanya di bawah Butiran 10000 iaitu Pengendalian Peperiksaan. Baru-baru ini kita dapat keputusan (result) UPSR dan saya ingin mengambil perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu satu sekolah di kawasan saya iaitu Sekolah Kebangsaan Chabang iaitu daripada 26 pelajar yang mendapat keputusan, telah digantung keputusan mereka. Saya ingin bertanya bahawa apakah sebab kesemua keputusan peperiksaan 26 penuntut ini digantung, apa yang difahamkan bahawa ada sedikit disyaki (suspect) penyelewengan berlaku di dalam peperiksaan tetapi apa yang difahamkan oleh guru besar perkara ini tidak mungkin berlaku dan apabila ditanya kepada kementerian, mereka mengatakan akan menjalankan penelitian. Saya berharap kepada kementerian supaya menentu perkara ini dengan seberapa segera yang boleh, kerana kita dapati ada enam pelajar yang mendapat empat A dan kalaulah mereka ini digantung sehingga satu bulan maka mereka ini tidak dapat ke sekolah-sekolah asrama penuh, maka ini akan menjadi satu perkara yang begitu malang kepada students ini. Pihak ibu bapa telah menyuarakan perkara ini dan saya berharap kepada Timbalan Menteri supaya dapat menyelesaikan perkara ini dalam masa satu, dua hari ini.

Tuan Pengerusi, yang ketiga iaitu mengenai pendidikan prasekolah. Saya memang bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batang Lupal tadi bahawa prasekolah ini patut diberi perhatian yang lebih serius kerana kita tahu kita menghabiskan masa begitu banyak ataupun wang yang begitu banyak untuk membaiki anak-anak kita di pusat-pusat serenti, tetapi kita tidak memberi perhatian yang begitu serius apabila kita hendak membangunkan minda-minda mereka di peringkat lebih awal. Oleh itu prasekolah merupakan satu perkara yang amat penting dan sekarang ini prasekolah kita ada tiga agensi kerajaan yang mengendalikannya dan dahulunya kementerian ada memberitahu bahawa kita akan menyatupadukan pendidikan prasekolah ini di bawah satu kementerian. Jadi, saya hendak bertanya bilakah prasekolah ini akan diwujudkan di bawah satu kementerian dan kita hendak memastikan bahawa kurikulum prasekolah ini diwujudkan sebagai satu sistem yang bersepadu.

Tuan Pengerusi, yang keempat saya ingin bertanya iaitu di kawasan saya ada satu sekolah dahulunya dikendalikan oleh Petronas. Sekolah itu bernama Sekolah Rantau Petronas. Sekolah ini agak istimewa kerana diberi peruntukan oleh Petronas, kelasnya mempunyai air-condition, jadi kebanyakan student menggunakan komputer, ada kemudahan yang begitu sofistikated dan saya difahamkan bahawa setiap bulan kos untuk mengendalikan sekolah ini lebih daripada RM10,000 atau RM15,000 setiap bulan.

Semenjak satu tahun yang lepas, satu perbincangan oleh kementerian dan Petronas menyerahkan balik sekolah ini kepada pihak kementerian untuk mengendalikan sekolah ini. Jadi, saya hendak bertanya mengapakah Petronas menolak tanggungjawab ini kepada pihak kementerian, padahal untuk mengendalikan sekolah ini memerlukan perbelanjaan yang begitu tinggi dan apabila diberi kepada kementerian pihak Petronas juga mahu ke semua anak mereka dimasukkan ke sekolah yang cukup istimewa ini. Adalah tidak adil bagi pihak kementerian untuk menjaga sekolah ini tetapi anak-anak yang dapat masuk ke sekolah ini adalah terdiri daripada anak-anak Petronas sahaja. Saya inginkan kepastian daripada kementerian apakah status Sekolah Rantau Petronas ini. Kalau boleh, oleh kerana sekolah ini adalah sekolah yang begitu baik mengapakah kementerian tidak menjadikan sekolah ini sebagai sekolah bestari. Saya minta supaya sekolah ini dijadikan sekolah bestari dan anak-anak yang akan masuk ke sekolah ini adalah terdiri daripada anak-anak yang terpilih bukannya sekolah ini dikhususkan kepada anak-anak Petronas,

pegawai-pegawai Petronas tetapi kerajaan dibebankan dengan perbelanjaan yang tinggi lebih tinggi daripada sekolah-sekolah biasa. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sepang.

3.36 ptg.

Puan Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 080000. Seperti yang kita sedia maklum kanak-kanak atau murid-murid bermasalah pembelajaran adalah murid-murid yang tidak boleh ditempatkan di sekolah biasa dan tidak sesuai juga ditempatkan di sekolah terencat akal. Memandangkan mereka ini tidak cacat akal malahan merupakan murid-murid slow learners, dengan izin, yang boleh diberi pendidikan khas.

Tuan Pengerusi, dalam proses biasa murid-murid ini akan melalui proses persekolahan di peringkat rendah dan apabila dewasa mereka akan ditempatkan di sekolah-sekolah menengah yang mempunyai kelas khas. Yang menjadi masalah ialah timbulnya rungutan ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang sedemikian apabila anak-anak ini tamat sekolah menengah dan akan melalui alam dewasa dan tidak berpeluang untuk mendapat serta diberikan peluang asas untuk mula menjalani alam remaja. Tidakkah kementerian bercadang untuk memberikan peluang kepada golongan ini dan menempatkan mereka ini ke pendidikan vokasional seperti memasak, pertukangan tangan, latihan teknikal dan sebagainya yang akan dapat membantu mereka apabila mereka dewasa kelak.

Tuan Pengerusi, bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat penyayang murid-murid atau anak-anak yang merupakan the in between either or neither nor, dengan izin, kementerian sepatutnya memberikan pengkhususan khas kepada golongan ini supaya mereka tidak rasa ketinggalan ataupun diketepikan. Saya yakin dengan bantuan dan pendedahan khas nanti mereka ini juga dapat berbakti dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Tuan Pengerusi, jika kita lihat kanak-kanak yang terencat akal ada pertubuhan sukarela sehingga wujudnya Wisma Harapan dan bagi mereka yang tidak dapat melihat, yang buta dan ada juga yang tidak dapat mendengar, yang pekak mempunyai sekolah khas untuk mereka. Begitu juga dengan kanak-kanak down'syndrome, dengan izin, diberi pendidikan, pendedahan melalui pertubuhan Kiwanis. Dalam menghadapi alaf baru yang lebih mencabar ini apakah akan terjadi kepada murid-murid atau kumpulan generasi yang saya sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun saya mendapati bahawa Kementerian Pendidikan mempunyai satu bahagian pendidikan khas dan soalan saya ialah setakat manakah program yang dianjurkan melibatkan murid-murid yang bermasalah pembelajaran ini ataupun dikategorikan sebagai slow learners, dengan izin, dan apakah tindakan Kementerian Pendidikan mengenai pendidikan lanjutan yang melibatkan golongan ini. Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Labuan.

3.40 ptg.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit [Labuan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Perbekalan B.26 Butiran 020000 – Pendidikan PraSekolah, Rendah dan Menengah dan Butiran 130000 – Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan. Saya akan bahaskannya secara serentak.

Tuan Pengerusi, pertama, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana telah memperuntukkan sebanyak RM7.3 bilion untuk tujuan Butiran ini, iaitu satu peningkatan hampir setengah bilion ringgit untuk tujuan prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Dalam konteks ini rakan-rakan telah menyebutkan tentang

masalah kedudukan sekolah, bangunan struktur dan juga pencapaian akademik peringkat sekolah masing-masing. Jadi untuk itu, saya sebagai wakil dari Pulau Labuan ingin menumpukan perbincangan ini kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan pendidikan menengah dan rendah di Labuan.

Tuan Pengerusi, pencapaian akademik pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah dan rendah di Labuan dari segi peratus kuantiti dan kualitinya meskipun nampak menggalakkan tetapi masih pada tahap yang sederhana dan perlu dipertingkatkan lagi. Manakala dari segi kemudahan fizikal seperti yang telah banyak disebutkan oleh rakan-rakan, bangunan, bilik darjah, dan bilik-bilik khas terdapat ada sekolah yang sudah daif dan uzur dan ada sekolah-sekolah terlalu sesak dan tidak sesuai diletakkan di lokasi tersebut. Jadi untuk itu, saya berharap langkah-langkah tertentu perlu diambil untuk menangani masalah-masalah tersebut yang perlu dilakukan demi untuk meningkatkan mutu serta prestasi pendidikan di Wilayah Persekutuan Labuan sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah IOFC.

Dari segi sekolah menengah pula, bilangan sekolah yang sedang beroperasi setakat ini ialah sebanyak 7 buah sekolah termasuklah sekolah menengah sains, dahulunya sekolah berasrama penuh dan sebuah sekolah menengah vokasional yang telah dinaik taraf kepada sekolah menengah teknik pada tahun lalu. Dari segi peratus pencapaian peperiksaan awamnya pula, saya dapati PMR, SPM, SPMV dan juga STPM bagi tiga tahun kebelakangan hingga tahun 1997 ini, dari segi penelitian saya, adalah didapati turun naik. Bagaimanapun, jika dibandingkan dengan pencapaian di peringkat negeri dan juga di peringkat kebangsaan, pencapaian Labuan agak baik dan dapat melepasi prestasi di peringkat kebangsaan dan juga di peringkat negeri Sabah.

Contohnya PMR yang lalu, semua mata pelajaran pada tahun 1996 Labuan 54.4%, negeri Sabah 39.9% dan di peringkat Nasional 53.9%. Manakala pada tahun lalu pula 52% Labuan, negeri Sabah 42.1% dan Nasional 55%. Manakala SPM pula pada tahun lalu kita dapati Labuan 68%, negeri Sabah 67% manakala Nasional 70.6%. STPM pula, pada tahun lalu Labuan 100%, negeri Sabah 90.27%, Nasional 97.57%.

Dari segi sekolah rendah pula, jumlah sekolah yang beroperasi adalah sebanyak 14 buah termasuk 2 sekolah jenis kebangsaan Cina dan sebuah sekolah bantuan modal atau SRKSM Convent. Dari segi kedudukan sekolah ini, ianya ada kemudahan asas dan ianya merupakan sebuah bandar pulau tetapi kementerian masih membahagikan sekolah-sekolah rendah ini kepada kategori bandar dan luar bandar. Saya ingin tahu apakah kementerian tidak bercadang untuk tidak membahagikan, untuk tidak mengkategorikan sekolah-sekolah yang ada di Labuan ini kepada bandar dan luar bandar supaya satu peningkatan yang ketara dapat dilakukan memandangkan banyak sekolah ini begitu usang kedudukannya, yang saya sebutkan tadi, tidak sesuai dengan kedudukan Labuan sebagai IOFC.

Dari segi prestasi akademik di peringkat rendah pula, kita dapati semenjak tahun 1993, ada yang turun naik, kecuali sebuah sekolah SRKSM terus meningkat. Jadi, ini adalah perlu diberikan perhatian juga kerana dalam kajian saya atau penelitian saya, di antara punca-punca turun naik pencapaian akademik ini sama ada di peringkat UPSR, di antaranya ialah kerana kurangnya pengetahuan bahasa Inggeris kerana pencapaian yang rendah dalam bahasa Inggeris ini disebabkan oleh kelemahan pelajar untuk menguasai dan juga kelulusan bahasa Inggeris ini mempengaruhi peratus lulus bagi setiap sekolah dan tidak kurang juga antara sebab ialah kerana kekurangan guru yang berkelayakan untuk mengajar bahasa Inggeris ini didapati berleluasa di peringkat sekolah-sekolah rendah. Jadi mintalah pihak kementerian mengambil perhatian dalam soal ini.

Dari segi aspek ibu bapa juga, tahap kesedaran ibu bapa terhadap pencapaian pelajar masih di tahap yang rendah seperti bergantung sepenuhnya kepada sekolah tanpa bimbingan di rumah dan ibu bapa kurang memberi perhatian kepada kemajuan pendidikan

anak-anak. Ini juga di antara sebab-sebab kenapa turun naiknya pencapaian akademik peringkat UPSR ini.

Kesesakan dalam bilik darjah adalah merupakan satu faktor yang juga menyumbang kepada pencapaian pelajar-pelajar kerana terdapat purata satu kelas ada 40 hingga 50 murid di sekolah-sekolah di bandar. Ini menyebabkan kurang tumpuan terhadap setiap pelajaran dan pembelajaran - kurang berkesan kerana di antaranya juga ialah kerana ada kehadiran warga asing atau pendatang tanpa izin (PTI) ini yang mempunyai latar belakang dan sosio-budaya berbeza dengan penduduk tempatan. Jadi kehadiran mereka menyebabkan bilik darjah tidak mencukupi.

Seterusnya, pertukaran guru-guru terlalu kerap di sekolah di Labuan ini. Ini berlaku kerana guru-guru yang datang ke Labuan kebanyakannya mengikut suami yang bertugas dan apabila suami bertukar mereka akan ikut serta bertukar. Jadi tempoh perkhidmatan mereka ini antara 1 hingga 3 tahun. Jadi ini juga mungkin antara penyebab.

Perkara seterusnya ialah saya rasa perlu diberikan perhatian oleh kementerian ialah soal-soal fizikal sekolah ini diberikan perhatian segera untuk meningkatkan sekolah-sekolah rendah khususnya yang terletak di luar bandar ini. Saya tidak mahu sebutkan semua sekolah ini. Saya ada apa masalah setiap sekolah rendah ini.

Perkara seterusnya yang saya ingin bangkitkan ialah tentang adanya masalah di antara Pejabat Pendidikan Labuan dengan pihak Lembaga Pembangunan Labuan sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab tentang pembangunan Labuan ini. Jadi saya difahamkan dari segi pembinaan bilik darjah tambahan sekolah rendah, ada halangan birokrasi. Pelan pembangunan serta kelulusan diperlukan oleh Lembaga Pembangunan Labuan sedangkan amalan-amalan ini telah dibuat di mana beberapa projek-projek kerajaan khususnya projek pendidikan tidak perlu kelulusan dari pihak berkuasa tempatan dan agensi pelaksanaannya perlu dimaklumkan sahaja. Jadi projek-projek pendidikan yang telah dihalang dan tidak dibenar diteruskan selagi belum mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan khususnya Lembaga Pembangunan Labuan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa cukup.

Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit: Saya ingin menggulung, Tuan Pengerusi. Jadi saya berharap, Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil perhatian untuk menyelesaikan masalah birokrasi ini.

Akhirnya saya ingin menyentuh sedikit sahaja ialah soal Univerisiti Malaysia Sabah - Kampus Antarabangsa Labuan. Secara ringkasnya yang saya dimaklumkan bahawa sesi pengajian akan dimulakan pada bulan Mei 1999. Bilangan pelajar, saya dimaklumkan hanya sebanyak 500 orang pelajar pra-siswazah, 6 ijazah peringkat Sarjana Muda untuk sesi 1999/2000. Mereka ini akan ditempatkan di sebuah bangunan baru yang kita panggil Bangunan Persekutuan ataupun Bangunan Kerjasama Kompleks Persekutuan yang menelan belanja sebanyak RM136 juta yang kini diserahkan kepada kementerian untuk dijadikan kampus cawangan Univerisiti Malaysia Sabah.

Bagi saya, cuma saya ingin menyarankan kepada kementerian supaya pihak Universiti Sabah mengubah pendirian mereka untuk hanya mengambil sebanyak 500 pelajar sahaja buat sesi pertama yang akan bermula pada Mei tahun depan. Ini adalah kerana suatu bangunan yang begitu besar, satu kompleks yang boleh dikatakan serba complete ini bagi saya untuk menjadikan ianya sebuah kampus yang kos efektif ataupun sesuai dimajukan sebagai sebuah kampus universiti, sekurang-kurangnya, Universiti Sabah berusaha untuk memperolehi sekurang-kurangnya 2,000 atau hingga 3,000 pelajar buat sesi pertamanya. Kalau tidak, dengan hanya 500 pelajar, saya rasa untuk mengendalikan sebuah kompleks yang begitu besar tidak kos efektif dan sudah tentu ianya tidak berkesan dari segi untuk menyumbang kepada ekonomi tempatan hanya dengan ada pelajar

sebanyak 500. Jadi, saya memohon pihak kementerian supaya membincangkan ataupun supaya berunding semula dengan pihak Universiti Sabah untuk menambahkan bilangan pelajar ini buat sesi pertama pada tahun hadapan.

Dengan kata-kata demikian, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin: Yang Berhormat Kuala Pilah.

3.50 ptg.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, izinkan saya dengan seberapa ringkasnya mengemukakan beberapa tajuk iaitu Program 060200 Pengurusan Dasar dan juga "Governan" IPT juga Butiran 070000 - Pendidikan Swasta.

Tuan Pengerusi, saya ingin membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini yang mana kita tahu bahawa kerajaan kita, khususnya Kementerian Pendidikan sedang berusaha untuk menjadikan negara ini satu pusat pengajian tinggi yang cemerlang di rantau Tenggara Asia. Syabas saya ucapkan segala hasrat dan tujuan itu. Dalam proses kita menjurus ke arah matlamat yang kita harapkan kita telah banyak mewujudkan institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Dalam proses keadaan negara kita mengalami kegawatan ekonomi sekarang ini sama ada Kementerian Pendidikan sedar ataupun tidak iaitu saya ingin membawa satu keadaan yang mana saya rasa banyak institusi pengajian tinggi swasta diwujudkan macam cendawan, tumbuhnya begitu banyak dan twin universiti dan sebagainya.

Apabila dalam keadaan kegawatan ekonomi ini, contohnya Syarikat MBF Educare. Saya hendak sebutkan MBF Educare dalam keadaan kegawatan ekonomi ini syarikat itu mengalami masalah ekonomi, adakah kementerian sedar bahawa seluruh MBF Educare ini telah pun dijual kepada satu pihak yang lain yang termasuk umpamanya Garden School, Taylor College dan sebagainya. Sebelum perkara ini berlaku sama ada kementerian sedar atau tidak adakah pemantauan ataupun pengawalseliaan menentukan supaya sebelum sesuatu itu dipindahmilikkan wajar Kementerian Pendidikan diberitahu. Kalau tidak nanti dibiarkan dalam komersial, dijual macam goreng pisang sahaja, saya rasa apa akan jadi kepada negara-negara khususnya pendidikan tinggi ini. Saya hendak minta penjelasan daripada Kementerian Pendidikan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, tentang ITM inilah di bawah Butiran 280000 Institusi Teknologi MARA (ITM) diwujudkan untuk membantu, menolong khususnya orang bumiputera dalam pengajian tinggi. ITM di Shah Alam dahulu bila diwujudkan dianggap jauh dan telah menjadi dasar kerajaan kalau boleh adakan di semua negeri cawangan kampus ITM. Dalam konteks ini, Tuan Pengerusi, saya percaya Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum, dia pun duduk dalam kerajaan negeri dahulu, semenjak Dato' Mansor dahulu menjadi pengerusi MARA telah bersetuju hendak mewujudkan satu cawangan ITM di Kuala Pilah. Sampai ke sekarang ini tidak tahu lagi. Masih sorong tarik, sorong, tarik sajalah dan kebelakangan ini sahajalah saya dapat tahu kemungkinan besar tetapi saya telah beritahu Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib sendiri cukuplah kita dipermain-mainkan. Saya hendak katakan bahawa kononnya satu ketika Pengerusi ITM, dia kata Kuala Pilah ini jauh. Ramai tenaga pengajar tidak mahu pergi jauh. Mana rupa tenaga pengajar Melayu ini sekarang katakan Kuala Pilah jauh. Adakah mereka juga tidak datang daripada kampung, adakah mereka ini datang daripada London? Kalau orang kampung katakan Kuala Pilah jauh, saya fikir dia kena fikir dua kalilah. Saya hendak menentukan supaya sekarang ini dasar kita ini jangan terus mengikut kehendak hati. Kalau kita sudah komited, tentukan komitmen kita.

Saya hendak tegaskan dengan setegas-tegasnya di Dewan yang mulia ini dan saya percaya Timbalan Menteri akan bersetuju dengan saya bahawa cukup setakat ini tanah

bila-bila masa. Apabila saya tanya kenapa tidak buat di Kuala Pilah, dia kata hendak buat di Labu kerana kononnya ITM semua jauh di luar bandar. Kalau dibuat kawasan Labu hendak bayar tanahnya sahaja, Tuan Pengerusi, berpuluh milion tetapi dengan puluh milion itu kita boleh wujudkan satu, di kawasan saya tiada masalah dari segi tanah. So, saya harap jangan berdolak-dalik lagilah. Ini tentang ITM ini.

Yang seterusnya, Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan juga berkenaan Lembaga Peperiksaan di bawah Program 100100. Baru-baru ini saya dapat tahu janganlah ada pula tahun ini elok, tahun besok ada budak jadi mangsa. Cara tarikh peperiksaan itu, satu hari sampai tiga subjek, tidak pernah dahulu, lebih-lebih dua sahaja, takut kononnya La-Nina. Ini perkara ini susahlah kita katakan. Kalau sudah tentu itu kita hendak tentukan juga. Kehendak Tuhan itu tiada siapa yang tahu tetapi sistem kita jangan berubah. Kita pula tukar tiga subjek satu hari. Very heavy loaded, dengan izin, dan apa akan jadi dan masa jadual waktu itu elok dirangka elok-elok dan besok tengoklah keputusan akan datang.

Satu lagi saya dapat tahu juga ramai ibu mengadu dengan saya, bagi pakar-pakar yang membuat peperiksaan ini soalan-soalan itu janganlah kadangkala disengajakan, cukup dekat dia punya jawapan. Ini pakar-pakar pun sekarang saya hairan juga, Dewan Bahasa dan Pustaka pun agaknya boleh tegur dan agaknya kalau ambil '(a)' pun betul juga, ini pun betul juga tetapi dalam kepala yang setter itu wallah hu 'alam. Saya rasa jangan jadikan anak kita jadi mangsalah. So, buat soalan-soalan yang betul-betul boleh terima akal dan logical betul. Ini mungkin agaknya saya ketinggalan masa.

Dalam keadaan hari ini pun saya tengok sistem Dewan Bahasa, perkataan-perkataan - saya dahulu nahu mengikut Zaaba tetapi jangan lupa Zaaba ini pakar dalam bahasa dahulu. Jadi dalam perubahan canggih ini pula janganlah diringkas-ringkaskan pula, kadang-kadang kita ke belakanglah dalam perkara bahasa ini dan bila digunakan satu bahasa ini tentukan stream line betul-betul. TV3 guna bahasa lain, RTM bahasa lain, ini apa jadi Malaysia ini. Saya fikir kita perlulah ikut Tok Mat ke, Zahari ke, kita mesti ada satu identitilah, jangan baku sini, tidak baku sana, saya pun kaku kadang-kadang, hairan saya tengok. Saya harap ambil perhatian tentang perkara ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan di bawah Program 310100 Komputer Dalam Pendidikan. Dulu Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib ada bercakap, dia kata kita akan bekalkan komputer yang mencukupi di sekolah-sekolah tetapi dalam kegawatan ekonomi ini kita pun faham, kita faham, dalam keadaan susah apa hendak dikomputerkan tetapi apabila saya tengok Belanjawan tahun 1999 ini, pendidikan tidak ada potong. Saya harap benar-benarlah pegawai-pegawai di belakang ini ingatkan menteri itu dan Timbalan Menteri pun ada di hadapan, saya rasa Dato' beri keutamaan, bagi saya priority bukan kepada sekolah dalam bandar, tetapi sekolah-sekolah di luar-luar bandar ini. Kalau tidak, kita sebagai wakil rakyat susah. Pergi ke mana-mana dia minta komputer. Peruntukan kita banyak mana benar. Setelah itu saya fikir, pembekalan komputer-komputer sudah sewajar dan sepatutnya diberi keutamaan kepada sekolah-sekolah di luar-luar bandar, di kawasan FELDA dan sebagainya ini kerana kalau tidak mereka ini kalau hendak bersaing dengan sekolah di Sekolah Bukit Damansara, Subang Jaya, Ampang Jaya, bapa tiap-tiap seorang PIBG hebat-hebat belaka boleh contribute tidak apa tetapi bagi orang luar bandar ini hendak dapat satu komputer itu bukan main susah. Saya harap tentang pembekalan ini jangan lupalah pegawai-pegawai semua yang saya rasa ramai juga daripada luar bandar, jangan lupalah orang-orang yang masih memerlukan bantuan. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Wangsa Maju.

4.00 ptg.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh [Wangsa Maju]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Teruk duduk bangun, duduk bangun! Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada B.26 -

Butiran 170000 sampai 280000 – Bekalan P.26 – Butiran 01500 sampailah 02900 yang mencakup isu-isu berkaitan pendidikan tinggi terutama sekali khusus kepada universiti-universiti awam dan juga peruntukan di bawah dasar baru B.26, Butiran 310300 – Pemberian Kepada IPT sebanyak RM167 juta. Perkara yang saya hendak bangkitkan mencakup isu pengurusan kewangan universiti-universiti.

Dalam keadaan kegawatan ekonomi ini, kita melihat beberapa universiti diberi peruntukan yang telah dikurangkan sebanyak, antara – bergantung kepada universiti-universiti – 10% sehingga 25% daripada peruntukan tahun lepas dan ini adalah dalam keadaan di mana Kementerian Pendidikan telah meminta semua universiti meningkat dan menambahkan jumlah pendaftaran ataupun pengambilan masuk pelajar-pelajar ke universiti-universiti ini memandangkan permintaan yang sebegitu meningkat. Ini menunjukkan bahawa universiti mempunyai keupayaan untuk mengurus walaupun berhadapan dengan potongan peruntukan-peruntukan untuk mengurus dan membangun bangunan baru dan sebagainya.

Jadi, apa yang saya hendak sentuh ialah berkaitan dengan pelaksanaan dasar corporatization ini. Walaupun ini perkara yang sudah lama dan Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin sudah bosan mendengar Ahli-ahli Dewan membangkitkan isu berkaitan dengan corporatization ini tetapi kali ini saya ingin membangkitkan isu corporatization ini sebagai langkah yang sudah tiba pada masanya untuk perancangan yang agak lebih rapi dibuat oleh kementerian supaya melalui skim pengkorporatan (corporatization) universiti ini di mana akan dipinda isu-isu berkaitan dengan pengurusan di bawah lembaga pengarah universiti-universiti ini yang mencakup isu-isu pengambilan tenaga pengajar, pengurusan kewangan dan sebagainya supaya khusus dalam soal pengurusan kewangan ini, kita memberi peluang di bawah corporatization ini. Sememang tujuan kerajaan kepada universiti-universiti menjalankan tugas mereka dengan cara bukan sahaja menjimatkan perbelanjaan kerajaan tetapi juga boleh menambahkan penerimaan ataupun revenue mereka untuk menampung keperluan-keperluan pengembangan program masing-masing.

Dalam hal ini, saya ingat soal corporatization ini perlu dikaji dengan lebih rapi supaya ianya tidak di atas nama sahaja ataupun atas kertas sahaja. Pada nama sahaja ia memberi kelonggaran dan feasibility kepada lembaga pengarah ini untuk mengurus belanja yang begitu banyak yang telah diagihkan kepada sektor ini. Saya congak-congak tengok, lebih kurang RM1.5 bilion telah diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus semua universiti dan RM1 bilion lagi untuk perbelanjaan pembangunan bagi tahun ini.

Kalau betul-betul kita boleh memberi mereka kelonggaran untuk mendapat punca-punca pendapatan lain, bukan sahaja dari segi meningkatkan yuran pelajar-pelajar – ini adalah sesuatu yang kita tidak mahu dibuat serta- merta tetapi sekurang-kurangnya kerajaan kalau ada satu rancangan di mana dari segi peruntukan yang diberikan tiap-tiap tahun itu – ini satu hal, ianya progressively dapat dikurangkan kepada satu tahap yang menjadi matlamat kerajaan. Bila universiti-universiti itu akan di'corporatise'kan, berapa peratuskah daripada perbelanjaan mengurus serta juga pembangunannya yang harus dicari sumber lain daripada sumber kerajaan. Kalau tiap-tiap tahun kita menambah peruntukan sebanyak RM1.5 bilion, kemudian naik RM2 bilion, RM3 bilion, bilakah masanya kita akan sampai kepada tahap di mana peranan universiti untuk menambahkan pendapatan mereka sendiri itu akan dapat tercapai.

Jadi, dalam plan corporatization ini, dengan izin, harus ada satu rancangan di mana – katalah lima tahun ke hadapan, tiap-tiap universiti harus dapat meningkatkan lebih kurang 30% daripada perbelanjaannya ataupun perbelanjaan mengurusnya daripada sumber-sumber lain. Kalau ini menjadi tujuannya bermakna bahawa kita juga harus memberi sebenar-benarnya pengurusan universiti-universiti ini kelonggaran dari segi syarat-syarat kewangan dan beberapa lain yang buat masa ini yang diberitahu kepada saya

oleh rakan-rakan saya yang mengurus universiti-universiti awam ini, saya pun ada simpati dengan mereka juga kerana dahulu memang terlibat di dalam pengurusan universiti sedemikian. Mereka semacam tidak mempunyai galakan untuk – kerana syarat-syarat yang dikenakan oleh jabatan ataupun agensi pusat termasuk JPA dan Kewangan yang seolah-olah membelenggu usaha mereka itu, malah dalam sesetengah keadaan – saya berikan contoh sekejap lagi, ia menghukum (penalise) inisiatif-inisiatif sedemikian. Oleh itu mereka tidak langsung mempunyai minat untuk mencari peluang-peluang baru ini and be more innovative and creative, dengan izin.

Sebagai contoh yang saya maksudkan lebih khusus, peranan Treasury ialah memberi peruntukan kepada universiti-universiti melalui pendidikan. Kementerian selepas itu tidak lagi mempunyai peranan di mana universiti-universiti sekarang melalui jawatankuasa ataupun pegawai-pegawai masing-masing terpaksa membuat justifikasi dan sebagainya dengan pihak agensi pusat, sama ada JPA, kalau Perjawatan ataupun Kewangan dari segi pengurusan kewangan. Dalam hal ini, apakah peranan Kementerian Pendidikan sendiri dalam isu-isu pelaksanaan program perbelanjaan mereka tersebut.

[Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat] *mempengerusi Jawatankuasa*]

Yang telah dicadangkan ialah supaya Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN) mungkin perlu membincangkannya ialah supaya kita memberikan bloc grant kepada Kementerian Pendidikan kemudian melalui MPTN mengagihkan semula kepada universiti-universiti on the bloc basis. Dengan demikian, pihak pengurusan universiti di bawah syarat-syarat yang lebih longgar sedikit daripada prosedur kewangan sekarang ini, sebagai contoh, supaya ia menggunakannya dengan secara yang terbaik dan efisien. Dari segi apa yang dapat kita lihat apa yang disebutkan tadi, dengan peruntukan yang begitu banyak walaupun dipotong 10% sehingga 25% masih lagi mereka berupaya menampung jumlah yang lebih banyak daripada pengambilan pelajar. Ini bermakna bahawa ada dua interpretasi. Pertamanya, memang mereka ini efisien ataupun keduanya memang mereka membazir selama ini sehinggakan walaupun dipotong 20% boleh menambah lagi para pelajar. Jadi, ada hidden saving dalam pengurusan universiti. Saya percaya ini dapat dilaksanakan.

Yang menjadi isu disincentive kepada mereka ini ialah apabila mereka membuat penjimatan ini ada kelebihan daripada peruntukan pada satu-satu tahun, ianya hangus. Maknanya, seolah-olah dipulang balik kepada kerajaan. Dahulu, sebuah universiti - saya tidak mahu namakannya, pernah mempunyai saving ini ia masukkan dalam rizabnya sendiri tetapi apabila diketahui oleh pihak Kementerian Kewangan - saya rasa bukan Kementerian Pendidikan, maka rizab itu telah diambil balik oleh kerajaan ataupun di'offset'kan dengan peruntukan tahun berikutnya.

Jadi, soal offset ini apabila sesebuah universiti di bawah skim corporatization ini mendapat penjimatan kerana 'efficiency'nya ataupun kerana creativity dan innovative dari segi mendapatkan sumber-sumber yang di luar peruntukan kerajaan untuk pembiayaan 'research'kah dan sebagainya tidak mempunyai galakan untuk berbuat sedemikian kerana kalau apa yang dapat dikumpul dari segi dana sedemikian, di offset pada masa kita memberi peruntukan di bawah perbelanjaan tiap-tiap tahun. Jadi, ini isu pokok yang harus dikaji oleh kementerian dan kerajaan semula, sama ada patut atau tidak disesuaikan.

Saya ingin menyentuh soal ini kerana ianya amat penting dalam keadaan di masa-masa akan datang di mana kita harus menumpukan peruntukan kerajaan dengan lebih cermat terhadap sektor yang sangat penting ini apabila permintaan semakin bertambah dengan adanya peruntukan yang diperlukan di peringkat – kalau hendak dibekalkan komputer untuk smart schools yang sekarang ini dipotong daripada RM100 juta kepada RM50 juta sahaja, takkanlah RM50 juta pun kalau ada penjimatan di tempat lain tidak boleh juga diajukan kepada Smart Schools Project, manakala sekolah bestari ini sesuatu

yang sungguh penting bagi masa hadapan anak-anak kita terutama di peringkat rendah dan menengah.

Jadi, dalam hal ini saya rasa kalau ada encouragement ataupun galakan daripada kerajaan, universiti boleh lebih enterprising dalam soal mengurus kewangan dan pentadbirannya dan dengan itu apabila terkumpul rizab ini, kalau ia tidak habis belanja, biar ia pindah ke tahun hadapannya tetapi dalam satu rancangan yang tersusun dan terancang supaya pada penghujung lima tahun kita boleh kurangkan peruntukannya tiap-tiap tahun kepada lebih kurang 30% atau 40%. Demikian juga rizab ini boleh mereka gunakan untuk memberi scholarship, untuk projek maintenance, kadang-kadang maintenance project pun dia orang ada kompelin tidak cukup, penyelidikan (research) dan lain-lain support services untuk pengajian tinggi untuk post doctoral salaries dan sebagainya. Dengan demikian, kita boleh menggalakkan satu suasana pentadbiran universiti yang sungguh dinamik di mana beban kewangan kerajaan itu akan semakin berkurangan.

Saya rasa ini satu isu dan bagi saya dalam soal corporatisation ini sangat penting. Dalam hal demikian, jika saya boleh ambil dua minit lagi, saya juga mengaitkan isu ini dengan universiti-universiti swasta. Dibanding dengan universiti awam, universiti swasta bergantung kepada seluruhnya, on basic 100% cost and recovery, dan daripada itu pula mereka terpaksa mendapatkan lebih sedikit untuk dikumpul supaya membuat segala capitalized expenditure, kos belanja bangunan dan sebagainya.

Jadi universiti-universiti swasta boleh wujud dan kalau tidak viable, tentulah tidak ada yang begitu ramai orang korporat dan syarikat hendak masuk ke dalam sektor ini dari segi sebagai business. Tetapi sebenarnya yang penting bukannya business tetapi soal pendidikan, itu yang pertamanya. Bagaimanapun sebagai satu institusi urusannya sama seperti urusan dalam universiti awam. Jadi dalam hal ini satu yang saya lihat daripada belanja besar yang perlu ditanggung ialah bangunan-bangunan dan perlengkapan bangunan, equipment dan sebagainya kerana inilah yang menjadi asas selain daripada guru dan pensyarah dan sebagainya yang memastikan dan meyakinkan orang ramai tentang mutu pembelajaran yang diajukan oleh IPTS ini.

Jadi kalau kelengkapannya tidak mencukupi bermakna ianya agak terjejas. Walau bagaimanapun untuk melengkapkan bangunan sedemikian, kita bandingkan hendak membangunkan UIA memerlukan RM1.2 bilion. Hendak membangunkan Universiti Sabah another RM1.1 bilion. Jadi kalau sesebuah universiti melainkan Universiti Petronas, Universiti Telekom, ia mempunyai banyak keuntungan daripada tempat lain supaya di 'subsidize' kan pembangunan pengajian ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ya

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Bagi yang lainnya Yang Berhormat, jadi satu yang saya hendak cadangkan dalam soal ini ialah jika pihak kementerian dan kerajaan dapat menimbangkan satu skim geran untuk pembangunan bagi universiti-universiti ataupun kolej-kolej swasta. Dengan yang demikian, kalau dapat diadakan secara tersusun dapat mengurangkan perbelanjaan universiti-universiti ataupun kolej-kolej swasta ini dan sekali gus mungkin dapat mengurangkan yuran yang dikenakan kepada pelajar-pelajar swasta dan ada implikasinya atas lain-lain isu yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan saya dalam Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat saya terpaksa menghadkan bilangan Ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini kepada dua orang lagi. Ya, Tawau.

4.15 ptg.

Puan Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang Butiran 00102 mengenai kuota guru yang berlaku di sekolah-sekolah SJK. Seperti mana yang diketahui di mana kedudukan kuota guru atau tenaga pengajar di mana satu kelas diperuntukkan 1.5 orang guru kini diamalkan oleh Jabatan Pendidikan sekarang ini. Pelajar-pelajar yang beragama Islam juga semakin ramai memasuki sekolah-sekolah SJK setiap tahun. Sedangkan guru agama Islam pun telah diperuntukkan ke sekolah-sekolah SJK ke seluruh negara.

Kita sedia maklum bahawa pada masa untuk pengajaran agama adalah sama masa dengan pengajaran moral, ini bermakna dua orang guru masuk ke kelas sejajar pada masa yang sama, ini menimbulkan kekurangan guru-guru yang amat serius untuk mata pelajaran lain.

Tuan Pengerusi, saya telah pun membuat tinjauan di sekolah-sekolah yang ada dalam kawasan Parlimen saya dan mendapati bahawa guru-guru berkenaan merujuk kepada saya agar dapat mencari satu penyelesaian berhubung dengan perkara tersebut. Saya merayu kepada Kementerian Pendidikan memberi satu tindakan yang lebih fleksibel. Saya mencadangkan agar guru agama Islam itu dimasukkan satu kuota spesifik dan jangan dimasukkan di dalam kuota 1.5 orang guru untuk satu kelas. Ini perlu untuk memastikan mutu pendidikan yang berkualiti dan lebih komprehensif untuk generasi muda.

Tuan Pengerusi, dalam peperiksaan UPSR seperti mana yang kita sedia maklum bahawa sekatan pelajaran untuk mendapatkan sijil penuh sama ada SPM atau PMR iaitu enam mata pelajaran sahaja. Tetapi berbanding dengan apa yang berlaku kepada UPSR ialah tujuh mata pelajaran lulus barulah dianggap lulus sepenuhnya. Sekiranya salah satu mata pelajaran daripada tujuh mata pelajaran itu gagal, pelajar tersebut dianggap tidak lulus penuh. Contohnya kalau seorang pelajar mendapat 6A dan 1D di dalam peperiksaan UPSR keputusan ini dianggap gagal. Ini sudah menjejaskan keyakinan pelajar-pelajar khususnya di sekolah-sekolah luar bandar.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan agar pihak Kementerian Pendidikan dapat mengkaji semula berkenaan kedudukan UPSR agar dapat diselaraskan dengan PMR dan SPM. Sekiranya perkara ini tidak dapat diselesaikan besar kemungkinan para pelajar itu akan menghadapi tekanan fizikal kerana mereka terpaksa berusaha memastikan ketujuh-tujuh mata pelajaran tersebut lulus untuk mendapatkan kelulusan penuh setanding dengan PMR dan SPM.

Tuan Pengerusi, saya berharap Kementerian Pendidikan mengambil perhatian tentang kedua-dua perkara yang saya sebutkan tadi dan menjalankan langkah-langkah yang sesuai dan dengan itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Pasir Mas dan selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

4.18 ptg.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor [Pasir Mas]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh satu perkara sahaja iaitu mengenai dengan Butiran 020900 - Pengurusan Buku Teks.

Tuan Pengerusi, buat masa sekarang ini pihak Kementerian Pendidikan telah pun membuat peraturan dan telah pun mengarah pihak sekolah-sekolah supaya disyaratkan pengecualian buku teks ini kepada ibu bapa yang berpendapatan RM1,000 ke atas dikecualikan daripada pemberian buku teks secara percuma.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian di sini dan saya berharap kepada pihak kementerian terutama sekali kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan,

supaya membuat kajian semula ke atas syarat-syarat tersebut kerana didapati ramai di kalangan ibu bapa yang berpendapatan makan gaji RM1,000 ke atas ini, terdapat juga tanggungan, mereka terpaksa menanggung anak-anak yang ramai umpamanya, ibu bapa yang menanggung anak-anak yang ramai bersekolah termasuklah sekolah menengah dan universiti swasta yang terpaksa menanggung anak-anak mereka ini. Jadi kalaulah pihak kementerian mengenakan buku teks yang terpaksa dibayar kepada anak-anak mereka, maka sudah tentulah perkara ini akan membantutkan pelajaran anak-anak terutama sekali mereka yang mempunyai tanggungan yang ramai ini.

Bagi ibu bapa yang tidak mempunyai tanggungan, kalaulah dia mempunyai pendapatan RM1,000 ke bawah sekalipun, mereka hanya menanggung umpamanya seorang anak atau tiada yang belajar di institusi pengajian tinggi swasta ataupun awam, barangkali mereka ini tidak menghadapi masalah tetapi bagi mereka yang mempunyai tanggungan yang ramai terutama sekali saya dikunjungi oleh rakyat di kawasan saya, Parlimen Pasir Mas di dalam Mesyuarat PIBG di sekolah-sekolah yang saya hadiri, ramai di kalangan ibu bapa bersungut supaya wakil rakyatnya menimbulkan perkara ini kepada pihak kementerian supaya dikaji semula pendapatan RM1,000 bagi mereka yang makan gaji itu, saya tidak persoalan cuma persoalan ialah supaya mereka yang mempunyai tanggungan yang banyak, yang ramai jadi terpaksa kena tanggung anak sekolah di universiti, sekolah menengah ditambah pula ibu bapa ini ada lagi pinjaman perumahan, kereta dan sebagainya, maka ini sudah tentunya membebankan mereka ini.

Berbanding dengan mereka yang tidak makan gaji umpamanya ahli-ahli perniagaan, walaupun mereka ini mempunyai pendapatan lebih daripada RM5,000 sebulan tetapi mereka dikecualikan daripada peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian kerana pihak kementerian telah menetapkan bagi mereka yang makan gaji ini dikembalikan slip gajinya bersekali di dalam pengisian borang-borang buku teks ini. Itulah harapan saya, satu perkara sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri.

4.22 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd Khalid bin Mohd Yunus]: Bismillahirrahmannirrahim. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, terutamanya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan, saya suka merakamkan berbanyak terima kasih di atas semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran untuk faedah kita bersama, dan saya dalam masa yang agak terhad ini akan cuba seberapa yang terdaya untuk memberikan penjelasan dan penerangan di atas beberapa perkara yang dibangkitkan.

Pertama sekali, yang saya suka tegaskan di sini ialah soal tanggungjawab Kementerian Pendidikan yang telah disinggung oleh Yang Berhormat daripada Marang, dalam masa beliau berhujah soal pengkorporatan universiti di negara kita. Niat kerajaan untuk mengkorporatkan universiti-universiti di negara kita ini ialah untuk mencari jalan supaya keadaan yang kita kata baik sekarang bertambah baik lagi bukan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Marang, apabila kerajaan membuat sedemikian kita cuba hendak lari daripada tanggungjawab kita, dan saya menegaskan sekali lagi bahawa dari segi kerajaan sejak 41 tahun yang lalu kita tidak pernah lari daripada tanggungjawab kerajaan untuk memberikan ilmu dan pengetahuan kepada anak bangsa kita dengan harapan mereka itu akan menjadi warganegara yang berguna yang berkesan untuk diri dan untuk negara mereka.

Dan tanggungjawab itu pula, bermula daripada peringkat serendah-rendah dari peringkat prasekolah sampailah ke pusat-pusat pengajian tinggi. Oleh kerana itu, tidak kena sangat pada pandangan saya apabila Kementerian Pendidikan mengambil tindakan untuk mengkorporatkan universiti, kita dikatakan, dituduh lari daripada tanggungjawab sebenar kita.

Kita menerima hakikat bahawa daripada semua peringkat persekolahan itu daripada prasekolah hinggalah ke pengajian tinggi memang ada kekurangan-kekurangan dari segi kemudahan asasnya dan lain-lain dan itulah yang cuba kita cari jalan untuk mengatasinya dari satu masa ke satu masa dengan sebaik mungkin supaya anak-anak kita mendapat ilmu dan pengetahuan yang sebaik mungkin dan langkah kerajaan mengkorporatkan universiti-universiti di negara kita ini hanyalah semata-mata untuk membolehkan universiti-universiti kita memainkan peranan dan tanggungjawab yang lebih besar dalam banyak perkara dari segi untuk hendak menyediakan keadaan yang lebih selesa kepada siswa-siswi kita yang berada di institusi-institusi pengajian tinggi tersebut.

Dan di peringkat pengajian tinggi juga, pada saya adalah tidak kena benar seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Marang, kononnya anak-anak atau pelajar-pelajar yang miskin tidak mendapat bantuan untuk meneruskan cita-cita mereka. Kita telah pun mengambil setiap langkah seperti menyediakan suatu dana supaya pelajar-pelajar yang perlukan kepada bantuan dapat berbuat demikian melalui pinjaman yang disediakan oleh kerajaan. Yang saya dimaklumkan, kadangkala ada masa dan ketikanya kedapatan di antara siswa-siswi itu tidak membuat permohonan-permohonan seperti yang dikehendaki.

Saya harap sangatlah pada Yang Berhormat daripada Marang supaya mengemukakan contoh-contoh ataupun bukti-bukti yang sahih di mana kedapatan siswa-siswi yang miskin yang tidak dapat bantuan daripada kerajaan. Mengikut rekod yang ada di Kementerian Pendidikan sah dan sahih menunjukkan bahawa siswa-siswi yang terdiri daripada keluarga miskin semuanya mendapat pinjaman apabila dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan melalui universiti masing-masing. Lainlah cerita kalau sekiranya mereka itu tidak membuat apa-apa permohonan.

Jadi Tuan Pengerusi, oleh kerana itu saya harap sangat pada Yang Berhormat dari Marang supaya janganlah soal ilmu dan pengetahuan ini diputarbelitkan dengan kenyataan-kenyataan yang tidak cukup jelas dan nyata dan akhirnya memberikan gambaran yang tidak benar. Saya menerima baik apa juga pandangan-pandangan, malahan teguran-teguran yang dikemukakan oleh setiap rakan Ahli Yang Berhormat termasuk dari Marang dan kita memang senantiasa mengalu-alukan pandangan-pandangan yang demikian.

Begitu juga tentang soal matlamat akhir kita dari segi pelaksanaan sistem pendidikan di negara ini, kita katakan melalui falsafah pendidikan negara kita bahawa kita ingin melahirkan insan-insan ataupun manusia-manusia yang seimbang yang harmoni dalam erti kata kita hendak membekalkan ilmu dan pengetahuan bagi keperluan warganegara kita untuk keperluan dan kepentingan di dunia dan akhirat. Kita tidak mengatakan sistem pendidikan kita ini sempurna, ada kekurangan dan kelemahan yang kita kenal pasti dari satu masa ke satu masa dan kita ambil langkah untuk memperbaikinya.

Misalnya, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Marang soal keberkesanan pengajaran agama dan pembangunan moral di sekolah-sekolah. Saya suka jelaskan bahawa sekarang ini dari segi sekolah-sekolah menengah kebangsaan agama yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan ataupun Kerajaan Persekutuan, kita mempunyai 53 buah sekolah yang sedemikian dan kita sedang mencuba untuk menokok-tambah sekolah-sekolah tersebut di merata tempat di negara kita ini. Untuk Rancangan Malaysia Ketujuh ini kita akan menambah sebanyak 7 buah lagi. Kita tahu ada kekurangan-kekurangan di sana-sini di dalam proses pelaksanaan mata pelajaran tersebut. Itulah sebabnya kita telah pun mencuba secara printis di 20 buah sekolah dalam tahun 1997 untuk melaksanakan satu kurikulum pendidikan agama yang bersepadu.

Mulai tahun ini sistem kurikulum pendidikan agama Islam secara bersepadu itu telah pun dilaksanakan di semua sekolah yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan. Selain daripada itu, ada juga sekolah-sekolah agama yang diurustadbirkan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Sekolah-sekolah agama ini pun kita bantu sepanjang masa dari satu tahun

ke satu tahun. Selain daripada itu, apabila Yang Berhormat dari Marang meminta supaya ditokok-tambah lagi sekolah-sekolah agama di negara kita ini, kita juga maklum kita punyai sekolah-sekolah agama rakyat di merata tempat di negara ini. Sekolah-sekolah ini pun kita bantu dengan puluhan juta setiap tahun dalam pelbagai bentuk sama ada untuk menokok-tambah kemudahan-kemudahan asasnya dari segi bilik-bilik darjah dan lain-lain bantuan yang kita salurkan dan dimanfaatkan bukan sahaja kepada murid-murid yang mengikuti pengajian di sekolah-sekolah tersebut, tetapi juga guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah itu.

Jadi, kita memang sentiasa berusaha untuk mengambil tindakan ke arah menokok-tambah bukan sahaja bilangan sekolah-sekolah agama yang dikelolakan terus oleh Kementerian Pendidikan ataupun Kerajaan Persekutuan, tetapi dalam masa yang sama kita juga membantu dan menyalurkan bantuan dalam pelbagai bentuk dan cara untuk dimanfaatkan oleh murid-murid yang ada mengikuti mata pelajaran agama di negeri-negeri di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, begitu juga tentang kemampuan dan keberkesanan guru-guru agama di sekolah-sekolah tersebut. Kita sentiasa cuba dengan pelbagai cara untuk mempertingkatkan keberkesanan guru-guru tersebut melalui pelbagai kursus yang kita adakan dari masa ke semasa. Bagi cubaan untuk mempertingkatkan keberkesanan pengajaran ataupun pendidikan itu di kalangan murid-murid dan pelajar-pelajar, pelbagai aktiviti juga diadakan di sepanjang masa melalui pelbagai kegiatan keagamaan yang kita adakan dan kita dukung kegiatan-kegiatan itu dengan menyalurkan bantuan-bantuan baik dalam bentuk kewangan ataupun cara-cara yang lain.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Marang ialah tentang langkah yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan dari segi menghantar pelajar-pelajar ke luar negara. Saya ucap banyak terima kasih di atas pandangan ini. Memang benar kita secara beransur-ansur telah mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar ke luar negara. Tetapi dalam masa yang sama memang kita laksanakan seperti yang diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Marang di mana kita menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri untuk mengikuti kursus-kursus yang kita fikirkan sesuai dan kita anggap kritikal dan perlu untuk digunakan di masa-masa yang akan datang. Buat masa ini kita mempunyai satu program untuk menghantar sekurang-kurangnya 200 orang pelajar ke luar negeri untuk mengikuti kursus-kursus yang kita fikirkan perlu dan mustahak untuk masa depan negara kita.

Rakan saya Yang Berhormat dari Parit Sulong telah membangkitkan beberapa perkara yang suka saya jelaskan terlebih dahulu. Pertama sekali dari segi pelaksanaan program computerization ataupun melaksanakan program komputer di sekolah-sekolah. Saya hendak jelaskan, dari segi prinsipnya kita tidak pernah lupa, kita tidak pernah cuai untuk menyalurkan dan menyediakan seberapa banyak kemudahan di sekolah-sekolah kawasan luar bandar. Saya mengaku saya pun datang daripada kawasan luar bandar. Tinggal lagi di dalam proses pelaksanaannya itu ada pendekatan-pendekatan yang difikirkan munasabah oleh pihak kementerian. Apabila itu berlaku, bukan menjadi prinsip kita sengaja hendak berbuat demikian.

Walau bagaimanapun, suka saya jelaskan, pertama, di peringkat sekolah menengah literacy computer diperkenalkan kepada pelajar Tingkatan I, dan di sekolah rendah dimulakan dengan pelajar tahun asas. Program komputer dalam pendidikan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat telah dilaksanakan di 90 buah sekolah menengah dan 35 buah sekolah rendah. Terdapat juga 104 buah sekolah menengah yang menjalankan program rekacipta dengan menggunakan apa yang kita panggil pelajaran pembantuan komputer (computer-added design). Pada tahun 1999 sebanyak 332 buah sekolah akan dilengkapi lagi dengan komputer dan 90% daripada sekolah tersebut terdiri daripada sekolah-sekolah di luar bandar.

Pelaksanaan sekolah bestari dipengaruhi oleh kekangan ekonomi. Pada awalnya sebagaimana yang dimaklumkan juga dalam Dewan yang mulia ini, kita mempunyai cita-cita yang amat besar dari segi hendak melaksanakan sekolah bestari di negara kita ini. Tetapi apabila kita dilanda oleh masalah ekonomi, kita mahu tidak mahu terpaksa mengubah suai program tersebut. Jadi, oleh kerana itu, pendekatan yang kita buat ialah kita memilih sekolah-sekolah yang terdiri daripada sekolah-sekolah yang tidak memerlukan terlalu pengubahsuaian. Daripada 90 buah sekolah yang telah kita pilih, insya-Allah, yang akan kita melaksanakan pada 1 Januari tahun hadapan, 30 buah sekolah tersebut terdapat di kawasan-kawasan di luar bandar.

Saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan suka memberi jaminan bahawa apabila program ini diperkembangkan ataupun ditokok-tambah dari masa ke semasa mengikut kemampuan kewangan kerajaan, kita akan cuba memberikan perhatian kepada sekolah-sekolah yang dapat kita laksanakan dengan tidak banyak melibatkan pengubahsuaian, seboleh-bolehnya biarlah sekolah-sekolah itu terdapat di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk makluman.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi bermakna sistem komputer dalam pendidikan adalah satu pelajaran literasi komputer untuk sekolah, untuk pelajar-pelajar tahun enam sekolah rendah dan bermula dari tahun satu sekolah menengah. Saya ingin mendapat tahu, bagaimanakah bentuk kelengkapan yang akan dibekalkan kepada sekolah-sekolah yang mahu mengamalkan komputer dalam pendidikan. Adakah pihak pendidikan akan memberi bantuan unit-unit komputer ke sekolah-sekolah berkenaan? Berapa unit satu sekolah dia punya piawaiannya? Dan siapakah yang mengajar? Adakah guru-guru itu diambil daripada guru biasa ataupun didatangkan guru-guru yang khusus untuk memperkenalkan literasi komputer kepada anak-anak tahun enam sekolah rendah yang bermula tahun satu sekolah menengah.

Yang kedua, pertanyaan saya, Tuan Pengerusi, adalah mengenai pelaksanaan sekolah bestari. Kami amat faham dan amat insaf bahawa kekangan kewangan hari ini tidak mengizinkan kita untuk melaksanakan sekolah bestari secara besar-besaran. Jadi, saya harap kalau daripada jumlah yang Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri katakan tadi, daripada 90 buah sekolah bestari, hanya 30 buah sekolah daripada luar bandar. Jadi bermakna hanya satu pertiga orang luar bandar, sekolah luar bandar. Bolehkah dipertimbangkan supaya dibanyakkan lagi sekurang-kurangnya lima puluh-lima puluh ke, atau enam puluh-empat puluh; enam puluh di luar bandar, empat puluh di dalam bandar. Saya masih lagi bimbang kalau perkara ini kita tidak tangani secara bijaksana dengan kebijaksanaan yang sepenuhnya. Kesannya besok akan dihadapi dalam abad-abad yang mendatang. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, saya bersetuju tentang perlunya sekolah-sekolah bestari ini diadakan lebih banyak lagi di kawasan-kawasan luar bandar dan kita akan cuba untuk menampung keperluan tersebut. Dari segi program KDP ini sebenarnya apabila ianya mula diketengahkan dalam tahun 1986 dahulu, tujuannya ialah untuk memberikan pendedahan awalan kepada murid-murid di sekolah-sekolah dan dengan mengambil kira program jangka panjang kerajaan untuk memperkenalkan cara-cara ataupun unsur-unsur yang terkini di dalam pendidikan yang sekarang ini akhirnya dikenali sebagai sekolah bestari dan dalam program ini memang ini tanggungjawab Kementerian Pendidikan sendiri untuk membekalkan komputer-komputer tersebut. Begitu juga dari segi guru-gurunya diberikan latihan yang sekadar munasabah untuk memulakan dan melaksanakan program tersebut dan sekarang ini alhamdulillah sudah ramai bilangan guru-guru yang mula bukan sahaja tahu tetapi memiliki kemahiran untuk menggunakan komputer itu dan pengalaman itulah menjadi asas dan teras juga

dalam proses kita hendak mempertingkat dan merebakkan lagi program sekolah bestari kita di masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada satu lagi pandangan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong dan beberapa orang rakan-rakan Ahli Yang Berhormat tentang pelaksanaan skim pinjaman buku teks. Jadi, kita maklum apabila diperkenalkan syarat-syarat yang baru tempoh hari, kita telah banyak menerima rayuan, pandangan dan teguran dan atas pandangan-pandangan itu jugalah, kita telah meneliti perkara ini, dan kita buat keputusan untuk menaikkan kadar kelayakan kepada penerima-penerima dan dengan kenaikan daripada kadar RM1,000 ke RM1,500 pendapatan penjaga itu, kita menganggarkan tidak kurang daripada 22,000 murid lagi dapat menikmati kemudahan tersebut dan setakat itu yang termampu oleh kerajaan buat ketika ini. Bagi sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang terpaksa mengikut syarat-syarat yang dikenakan ketika dahulu, saya suka juga jelaskan bahawa semuanya ini bergantung kepada kemampuan dan keupayaan kerajaan. Kita bukan berhasrat untuk hendak membezakan di antara satu sama lain. Kalau sekiranya pada hemat kerajaan masanya sampai kita mampu berbuat demikian, insya-Allah, kita akan cuba berbuat demikian.

Jadi, Tuan Pengerusi, suka juga saya maklumkan bahawa Bahagian Buku Teks telah mengambil langkah-langkah sewajarnya dengan serta-merta untuk memastikan buku-buku tambahan skim pinjaman buku teks akan sampai ke sekolah menjelang sekolah dibuka pada 4 Januari 1999. Peruntukan tambahan sebanyak RM4.5 juta Malaysia telah pun diagihkan kepada negeri-negeri berkenaan dan pesanan telah pun dibuat kepada pembekal-pembekal berkenaan dan dijangka akan tiba ke sekolah sebelum 4 Januari yang akan datang, insya-Allah.

Satu lagi perkara ialah tentang guru-guru dan ada juga kedapatan pelajar-pelajar yang mengambil langkah-langkah menentang kerajaan. Kalau tanya saya Tuan Pengerusi, kalau ada bukti-bukti yang sah, pasal masalahnya kita hendak mendapatkan bukti. Dari segi prinsip, dari segi sikap kita memang tidak bersetuju kalau ada guru-guru yang menentang kerajaan. Tidak ada sebab mereka itu berbuat demikian dan masalah kita ialah untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang sah sebelum kita dapat berbuat sesuatu tindakan dan Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri juga telah menegaskan perkara ini tentang ketegasan sikap kita sekiranya kita mempunyai bukti-bukti yang sah, maka kita tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas, baik guru-guru mahupun pelajar-pelajar yang terlibat dalam perbuatan menentang kerajaan, sama ada waktu pilihan raya ataupun tidak.

Satu lagi perkara yang suka saya jelaskan ialah tentang kedudukan tadika, tabika dan lain-lain. Sekarang ini sebahagian besar daripada kelas-kelas tabika, tadika, PASTI, taski ini dikelolakan oleh bukan sahaja Kementerian Pendidikan tetapi juga oleh badan-badan swasta pun ada. Dari segi Kementerian Pendidikan kita mempunyai sebanyak 1,131 buah kelas prasekolah yang kita tadbirkan dan untuk menyelaraskan dan membetulkan apa juga kelemahan-kelemahan yang ada, Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan satu buah buku garis panduan yang mesti diikuti dan dipatuhi oleh semua mereka yang menjalankan kelas-kelas tabika, tadika dan apa juga bentuk prasekolah yang mereka buat dan tumpuan yang kita berikan pertama, ialah supaya mereka itu mengambil tindakan menyediakan keselesaan tempat bagi anak-anak yang pergi ke tadika dan tabika ini.

Yang keduanya kita mahu supaya peralatan-peralatan yang munasabah disediakan oleh mereka yang mengelolakan kegiatan-kegiatan ini. Yang ketiganya, kita berkehendakkan supaya guru-guru yang menyelenggarakan kelas-kelas tersebut perlu diberikan latihan-latihan ataupun dipertingkatkan kemampuan dan keberkesanan mereka dalam mengendalikan kelas-kelas tersebut. Satu lagi perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Parit Sulong ialah soal pengiktirafan sama ada sijil ...

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad : *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat ya...

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya juga membangkitkan jumlah sama ada Kementerian Pendidikan mempunyai statistik atau perangkaan mengenai organisasi yang melatih pelajar-pelajar prasekolah ini yang dilaksanakan parti-parti politik, ini yang saya hendak tahu. Saya tahu bahawa sebuah parti politik dengan secara aggressive nya melaksanakan program tadika, taman pendidikan Islam, taman bimbingan kanak-kanak Islam dan sebagainya dan adakah ini menjadi satu wadah kepada percambahan dan pencambahan bibit-bibit penentangan, bibit-bibit membenci kepada kepimpinan negara dan sebagainya,

sama ada Kementerian Pendidikan mempunyai perangkaan-perangkaan mengenai hal ini dan apakah sekolah-sekolah yang dianjurkan oleh parti-parti politik ini juga diperlukan dan dimestikan mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, saya boleh dapatkan perangkaan-perangkaan ini, oleh kerana selama ini semua kelas-kelas seperti yang saya katakan tadi dikelolakan oleh berbagai pertubuhan dan badan. Dan pokoknya sekarang ini semua soal kegiatan prasekolah ini sudah menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan kita di bawah akta pendidikan kita yang baru pada tahun 1996 dan mereka terpaksa mendaftarkan kelas-kelas ini dan kalau sekiranya kita dapati mereka tidak berbuat demikian, maka tindakan boleh kita ambil. Dan kita senantiasa memantau perkembangan-perkembangan ini dan kalau sekiranya kedapatan perbuatan-perbuatan yang menanam bibit-bibit, benih-benih yang boleh memudaratkan masa depan anak-anak kecil itu sudah pasti kita akan berbuat sesuatu untuk cuba menghindarkan daripada berlakunya perbuatan-perbuatan yang demikian.

Berbalik kepada soal pengiktirafan sama ada sijil ataupun diploma institusi IPTS atau institusi pendidikan tinggi swasta, ini dari segi jangka waktu kelulusan itu mengikut garis panduan yang ada ianya mesti kalau boleh diselesaikan dalam empat bulan, itu time frame yang disediakan. Biasanya, kalau satu-satu institusi itu ia memenuhi keperluan-keperluan seperti yang dibutirkan dalam borang-borang disediakan dan di isi oleh institusi-institusi yang berkaitan biasanya tidak patut timbul sebarang masalah dari segi hendak memberikan pengiktirafan ini dan untuk makluman Yang Berhormat setakat inilah LAN telah menerima sebanyak 45 permohonan dan daripada itu lima kursus pengajian telah mendapat perakuan akreditasi daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN) kita ini. Dan saya harap kalau sekiranya ada benda-benda yang spesifik bolehlah dikemukakan kepada pihak Kementerian.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat daripada Senai, sekali lagi telah menimbulkan kekurangan tenaga pengajar di SJK(C) dan SJK(T) terutama sekali di Johor dan begitu juga beberapa rakan Yang Berhormat yang lain dan saya suka menjelaskan pertama sekali melalui program kursus dalam cuti ataupun KDC khas telah memilih seramai 380 orang guru Bahasa Cina yang akan bertugas pada Januari 1999 dan daripada itu 116 orang adalah dari negeri Johor. Keluaran Diploma Perguruan Malaysia yang pertama pada bulan Julai 1999 terdapat 312 orang lagi dan Kementerian telah berusaha menambah calon Bahasa Cina ke maktab untuk mengurangkan masalah tersebut dan antaranya termasuklah satu, melonggarkan syarat asas kelayakan, kedua, mengadakan temuduga terbuka, ketiga menambah unjuranambilan 1998-1999 dan Kementerian Pendidikan mengalami seperti yang saya selalu katakan dalam Dewan ini, masalah kita ialah untuk mendapatkan calon yang berminat untuk menjadi guru dalam Bahasa Cina ini.

Selain daripada itu, soal liberal, diminta Kementerian Pendidikan bersikap liberal terhadap permohonan membina sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan juga Tamil. Sebenarnya Tuan Pengerusi, kita mengamalkan soal kelonggaran ini dan kita tidak ada

masalah sangat, cuma kalau sekiranya ada permohonan dan kita dapati betul-betul ada keperluan biasanya kita berikan kelulusan, kadangkala setengah-setengah tempat sekolah sudah ada dan kita fikirkan cukup untuk menampung keperluan di situ tetapi mereka masih meminta, itu yang kadangkala yang rumit sikit untuk kita memberikan kelulusan. Tetapi pada dasarnya kalau di kawasan-kawasan perumahan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Bagan memang benar, kita telah pun membuat ketentuan kawasan-kawasan yang baru dengan penduduk yang ditentukan mesti disediakan sebuah sekolah rendah dan jikalau ada 2,500 unit mesti ada dua sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah. Jadi di tempat-tempat yang demikian sepatutnya soal ini tidak timbul tetapi cuma pelaksanaan itu mesti diteliti pada peringkat kerajaan tempatan yang memberikan kelulusan-kelulusan dari segi tempat-tempat yang telah pun di 'earmarked' ataupun ditentukan untuk mendirikan sekolah-sekolah tersebut.

Yang Berhormat daripada Gelang Patah meminta supaya dikaji pasal apa pencapaian murid-murid di SRJK(C) menurun dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, jadi jawabnya kita akan teliti perkara ini dan secara kasar ia tidak semudah itu untuk hendak ditentukan perkara ini tetapi pandangan Yang Berhormat itu kita ambil kira dalam menentukan keadaan ini. Begitu juga tentang soal peranan perlunya ditumpukan soal penyelidikan di dalam sistem kita ini, sebenarnya perkara ini memang kita buat melalui dengan izin, program intensification of research priority areas (IRPA) dan perkara ini kita selaraskan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Dan itu sebabnya Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Hulu Langat dia bertanya kenapa tidak ada peruntukan untuk bidang penyelidikan ini, sebenarnya ada tetapi dalam bentuk yang berbeza. Yang Berhormat daripada Gelang Patah juga dan daripada Bukit Mertajam telah membangkitkan soal pelaksanaan sijil terbuka SPM pada tahun 2000.

Suka saya jelaskan sedikit sahaja iaitu pertama kita memberikan kebebasan kepada pelajar-pelajar kita tetapi enam mata pelajaran teras yang diperlukan wajib mereka ambil dan mata-mata pelajaran yang lain daripada pakej-pakej yang kita sediakan itu, murid-murid atau pelajar-pelajar ini akan dibimbing mengikut minat yang ada pada setiap pelajar. Soal apakah asas ataupun kriteria untuk masuk ke institusi-institusi pengajian tinggi kerajaan, ia tidak ada perbezaan seperti sekarang di mana soal pencapaian akademik, mata pelajaran dan lain-lain itu termasuklah tempat yang cukup akan terus dijadikan landasan untuk menentukan kemasukan pelajar-pelajar ke institusi-institusi pengajian tinggi.

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam juga telah meminta supaya diadakan peruntukan-peruntukan yang khas terutama sekali di kawasan beliau di Bukit Mertajam. Saya suka jelaskan bahawa dari segi agihan peruntukan ini pun kita tidak ada membuat sebarang perbezaan. Misalnya peruntukan setiap kepala ataupun, dengan izin, per capita grant, ini kita beri mengikut bilangan murid-murid yang ada di setiap sekolah dan mengikut garis panduan yang ada dan kita tidak ada mengamalkan cara-cara yang boleh menimbulkan tanda tanya kepada mana-mana pihak.

Yang Berhormat dari Bintulu menyentuh mengenai kekurangan guru bahasa Mandarin di Sarawak terutama di kawasan-kawasan luar bandar termasuk di Bintulu. Saya suka menjelaskan, Kementerian Pendidikan telah melatih guru Bahasa Mandarin melalui program KDC khas yang akan mula bertugas pada 1 Januari 1999 yang melibatkan 60 orang dan keluaran daripada Diploma Perguruan Malaysia, mulai 1999 untuk Sarawak ialah seramai 27 orang dan kementerian telah menambah unjuran keluaran bagi tahun 2,000 dan seterusnya. Kementerian juga telah menambah sebuah lagi maktab perguruan di Sarawak untuk melatih guru bahasa Mandarin di samping pelatih dari Sarawak dihantar mengikuti latihan di maktab lain daripada yang ada di Sarawak.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan supaya perlunya kementerian meningkatkan kajian dalam subjek-subjek berkaitan tentang pengagihan guru-guru dan

juga masalah tiada guru. Saya suka tegaskan juga bahawa Kementerian Pendidikan telah membekalkan guru sekolah rendah yang mencukupi di Sarawak. Walaupun begitu, Kementerian Pendidikan sedar negeri Sarawak masih kekurangan guru Bahasa Cina dan masalah ini sebenarnya dihadapi oleh semua negeri seperti yang kita dengar dalam Dewan ini dan bagi sekolah menengah, kementerian sentiasa berusaha untuk membekalkan guru-guru dari Semenanjung ke Sarawak dan Kementerian Pendidikan sentiasa mengumpulkan maklumat daripada semua negeri berhubung keperluan guru di sekolah rendah dan di sekolah menengah.

Mengenai rumah guru, saya suka menjelaskan iaitu dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak 244 projek yang melibatkan 802 unit telah diluluskan untuk pelaksanaan di negeri Sarawak. Sehingga ke tahun ini 151 projek yang melibatkan 169 unit rumah guru telah siap dilaksanakan termasuk di kawasan luar bandar di Sarawak. Lima puluh tujuh projek yang melibatkan 195 unit lagi sendiri rancak dibina dan dijangka dapat disiapkan pada tahun hadapan. Selebihnya sebanyak 36 projek lagi mengandungi 438 unit sedang kita rancang dan ada yang di dalam proses tender.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Santubong dan beberapa rakan Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan soal program francais matrikulasi di IPTS yang disalurkan melalui IPTA kita.

Saya suka menegaskan iaitu dari segi sikap kita, kita memang selalu benar mengingatkan institusi-institusi pengajian tinggi swasta supaya menokok tambah kemudahan dan kita menekankan soal pentingnya mutu pendidikan yang disalurkan dan ditawarkan kepada pelajar-pelajar itu mesti bukan sahaja dipelihara tetapi cuba dipertingkatkan, maknanya diperbaiki dari masa ke semasa baik dari segi kemudahan asas, peralatan dan juga tenaga perguruan yang ada.

Suka saya nyatakan bahawa Kementerian Pendidikan sentiasa mengikut perkembangan program matrikulasi yang dijalankan di IPTS yang difrancaiskan oleh IPTA dan mendapat maklum bahawa prestasi setakat ini adalah boleh dikatakan memuaskan dan antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah mengadakan lawatan dan kawal selia terhadap IPTS berkenaan dan menyediakan kemudahan fizikal dan guru yang mencukupi termasuklah juga memastikan supaya IPTA yang terlibat membuat pemantauan yang rapi di IPTS berkenaan menjalankan program yang dirancangan menepati garis panduan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua IPTA dan IPTS itu. Kalau sekiranya terdapat apa-apa maklumat tentang apa juga bentuk kekurangan, kami di Kementerian Pendidikan sentiasa mengalu-alukan pandangan-pandangan yang demikian.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Santubong ialah tentang pelaksanaan sekolah bestari yang akan dilaksanakan nanti. Saya suka memaklumkan bahawa proses perundingan tender terakhir akan diuruskan pada 1 Disember ini dan dijangka akan mengambil masa hingga awal tahun 1999. Jadi untuk mengatasi masalah kelewatan bekalan komputer, satu program sementara ataupun interim kepada program sebenar telah pun kita sediakan bersama-sama pakej-pakej bahan pengajaran dan pembelajaran bestari dalam empat mata pelajaran yang sedang kita uruskan sekarang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Wangsa Maju bangun.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Kita harap perkara-perkara ini akan dapat kita selesaikan menjelang kita laksanakan sekolah-sekolah bestari itu dengan sebaik mungkin.

Dato' Dr. Kamal bin Salleh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam hal pelaksanaan projek sementara ini ataupun interim measures ini, satu daripada perkara yang pernah dibangkitkan dalam kawasan saya sendiri ialah apabila kita memberikan komputer-

komputer kepada sekolah-sekolah, menambah kepada pembiayaan oleh PIBG dan sebagainya, isu yang dibangkitkan oleh guru besar bila cuba melaksanakan sedikit sebanyak projek-projek yang berkaitan dengan sekolah bestari ini secara sendirilah mereka buat, masalahnya ialah dari segi tiada peruntukan untuk penyambungan ke Internet dalam item-item mereka. Bolehkah kementerian dapat menimbangkan peruntukan sedemikian sebagai satu yang dibolehkan untuk sekolah-sekolah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang kita berhasrat untuk berbuat demikian tetapi ianya juga bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan. Saya bersetuju seboleh-bolehnya lagi cepat perkara itu dapat kita laksanakan lagi baik untuk sekurang-kurangnya 90 buah sekolah yang terlibat di dalam program kita ini.

Yang Berhormat dari Santubong juga ...

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, dia bangun Yang Berhormat.

Puan Rohani binti Haji Abd. Karim: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengenai pelaksanaan sekolah bestari, dari segi pengagihan komputer insya-Allah, saya rasa ianya boleh diatasi dengan penglibatan PIBG. Tetapi infrastruktur yang lain seperti makmal komputer, latihan kepada guru dan sebagainya itu, saya berharap kepada kementerian, apakah tindakan memandangkan tinggal sedikit masa.

Berbalik kepada matrikulasi, saya ingin hendak mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah tidak satu graf dibuat untuk membandingkan keputusan-keputusan di kalangan IPTS supaya kita hendak melihat kepada standard, adakah standard itu mematuhi garis-garis panduan yang telah diberikan oleh IPTA atau adakah ada berlaku disparity yang harus diatasi secepat mungkin.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd Yunus: Terima kasih, Yang Berhormat. Sistem francais ini baru kita mulakan dan seperti yang saya katakan tadi kita memantau perkara ini dan kita akan dapat maklumat-maklumat seperti Yang Berhormat katakan itu dan daripada situ nanti kita boleh nilai dari segi untung rugi program yang kita laksanakan ini dan saya harap kalau sekiranya ada apa-apa kekurangan seperti juga yang kita semua maklum Kementerian Pendidikan telah pun mula mendirikan empat buah pusat matrikulasi di beberapa tempat di negara kita ini untuk cuba mewujudkan satu kemudahan yang lebih baik kepada pelajar-pelajar kita.

Berkenaan dengan makmal sekolah bestari ini saya sendiri telah melihat persiapan-persiapan yang dibuat di beberapa buah sekolah yang terlibat dan memang benar, saya suka maklumkan bahawa persiapan itu boleh dikatakan selesai cuma komputernya belum ada. Bilik makmalnya sedia, points sudah dipasang cuma menunggukan komputer untuk dibekalkan dan insya-Allah seperti yang saya katakan tadi, menjelang terbitnya matahari 1 Januari 1999 ini, kita harap komputer-komputer itu dapat kita bekalkan ke sekolah-sekolah tersebut.

Begitu juga dengan guru-guru, kita telah melatih guru-guru yang diperlukan dalam pelaksanaan program sekolah bestari ini dan kita harap tidak banyak masalah yang akan timbul, insya-Allah, apabila ianya dilaksanakan nanti.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan soal kelas-kelas tambahan secara spesifik di kawasan Yang Berhormat, jadi soal kekurangan kelas-kelas tambahan ini sebenarnya menyeluruh. Kita telah pun menyediakan satu senarai, apa yang kita panggil sebagai sekolah-sekolah daif di merata tempat di negara kita ini dan kita telah pun mendapat peruntukan sebanyak RM200 juta dan semua sekolah daif yang termasuk dalam senarai itu sekarang ini dalam proses pelaksanaan di pelbagai peringkat dan saya setuju

ianya tidak dapat hendak menampung keseluruhan sekolah-sekolah, mungkin ada lagi sekolah yang belum termasuk di dalam senarai tersebut dan insya-Allah kita akan mengambil kira keperluan-keperluan itu dari satu masa ke satu masa untuk ditokok tambah.

Yang Berhormat dari Seremban telah membangkitkan satu perkara yang spesifik mengenai kebenaran menggunakan tanah-tanah rizab kerajaan iaitu Kementerian Pendidikan bagi tujuan membina sekolah-sekolah bantuan modal. Jadi, saya suka jelaskan bahawa setakat ini Kementerian Pendidikan tidak ada rancangan untuk membenarkan tanah rizab pendidikan digunakan untuk tapak sekolah bantuan modal. Sekiranya sekolah bantuan modal perlu dipindahkan ke tapak ataupun tanah rizab pendidikan maka status sekolah terbabit perlu ditukar kepada sekolah bantuan penuh kerajaan.

Mengenai soal sekolah bantuan modal yang dikatakan ada Lembaga Pengarahnya bersetuju ataupun bersedia untuk menukar milik dan menyerahkan tanah itu kepada Kementerian Pendidikan, saya hendak jelaskan betul-betul iaitu yang membezakan sekolah bantuan modal dengan sekolah bantuan penuh kerajaan adalah tentang pemilikan tanah ataupun tapak sekolah berkenaan.

Tanah ataupun tapak sekolah bantuan modal lazimnya adalah milik Lembaga Pengurus ataupun Lembaga Pengelola Sekolah. Tapak ini sama ada disewa, dipajak atau diwakafkan oleh pihak-pihak tertentu atau kerajaan negeri. Sekolah bantuan modal boleh ditukar kepada sekolah bantuan penuh kerajaan sekiranya tapak ditukar milik kepada Kementerian Pendidikan sebaik sahaja tempoh pajakan tamat. Urusan penyewaan dimansuhkan dan tanah wakaf ditentukan statusnya. Apa yang berlaku saya kira mungkin Lembaga Sekolah itu bersetuju tetapi kalau ada syarat-syarat yang sangkut macam soal pajakan belum selesai, itu Yang Berhormat kena telitilah. Dari segi sikap Kementerian Pendidikan sudah saya jelaskan dan saya harap perkara ini dapat diselesai dengan baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Ya, Seremban.

Dato' Hon Choon Kim: Penjelasan. Tuan Pengerusi, saya memang jelas tentang penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai status sekolah bantuan modal ini. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sekolah bantuan modal ini, tapak tanah itu dimiliki oleh swasta, tetapi soalan saya ialah ada terdapat beberapa buah sekolah di kawasan saya tapak sekolah itu dimiliki oleh kerajaan negeri dan kerajaan negeri pun telah bersetuju untuk diserahkan kepada Kementerian Pendidikan. Jadi soalan saya ialah sama ada Yang Berhormat boleh bantu supaya jika dapat persetujuan daripada pihak kerajaan negeri untuk menyerahkan tanah itu kepada Kementerian Pendidikan sama ada sekolah itu boleh diterima dan ditukar sebagai bantuan penuh kerajaan. Jadi saya minta Yang Berhormat tolong jelaskan, kalau jawapannya ya, saya akan balik untuk membuat follow up supaya sekolah itu dapat dipindahkan kepada kementerian, tetapi apa yang penting juga kementerian Yang Berhormat kena rela untuk menerima atau membuat permohonan daripada pihak kerajaan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, kalau betul kerajaan negeri bersetuju saya minta Yang Berhormat cuba kemukakan supaya dapat kita teliti dengan betul kerana saya telah jelaskan, kalau betul kerajaan negeri telah beri milik dan lain-lain dengan tidak ada apa-apa halangan lagi, itu mungkin dapat kita selesaikanlah.

Yang Berhormat juga telah meminta agar peruntukan kepada bantuan modal ditambah, saya suka jelaskan Kementerian Pendidikan mengambil perhatian di atas masalah kekurangan derma daripada orang ramai ekoran dari masalah kegawatan ekonomi sekarang ini. Kementerian dari masa ke semasa mengkaji situasi ini dan berusaha menambah peruntukan di bawah program ini. Contohnya, dalam Rancangan Malaysia Ke-7, siling peruntukan di bawah program ini adalah sebanyak RM77 juta. Pada tahun 1997 RM23.1 juta telah dibelanjakan, 1998 RM22.5 juta dan untuk 1999 RM15 juta dan baki

peruntukan adalah untuk program bagi tahun 2000 iaitu berakhirnya Rancangan Malaysia Ke-7. Jadi dari situ kita boleh nampak bahawa setakat yang kerajaan boleh beri itu, kita beri dan kita agihkan mengikut munasabah, tidak munasabah permohonan-permohonan yang dikemukakan kerana kita menerima permohonan ini memang banyak daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, lembaga sekolah dan lain-lain. Kemampuan kita itu banyak berkisar, bergantung kepada banyak mana duit yang ada pada kita.

Yang Berhormat dari Batang Sadong telah menimbulkan soal keberkesanan guru-guru yang dihantar terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar. Guru-guru yang telah kita latih di maktab-maktab ini biasanya sebelum kita hantar ditempatkan di sekolah-sekolah kita adakan Kursus Induksi, di mana pelbagai bentuk pendedahan diberikan kepada guru-guru terutama sekali dari segi persekitaran tempat mereka hendak mengajar ini, terutama sekali dari segi budaya dan lain-lain. Memang benarlah kita sebagai manusia biasa kadangkala ada kekurangan dan kelemahan, tetapi dari segi kementerian kita sentiasa cuba untuk menokok tambah dan memperbaiki apa juga bentuk kekurangan-kekurangan yang dimiliki oleh guru-guru kita supaya mereka dapat memberikan perkhidmatan yang sebaik mungkin kepada anak-anak dan tempat mereka itu belajar.

Soal peruntukan maintenance bangunan sekolah dan juga rumah guru, saya suka maklumkan bahawa di bawah peruntukan Belanja Mengurus 1999 ada sebanyak RM61.1 juta telah disediakan bagi tujuan penyelenggaraan bangunan sekolah, asrama, rumah guru di seluruh negara kita ini dan inilah peruntukan yang dapat kita agih-agihkan kepada tiap-tiap negeri.

Selain daripada itu Yang Berhormat juga telah meminta supaya dibuat analisa terperinci mengenai keputusan UPSR mengikut mata pelajaran. Saya suka hendak menyatakan bahawa dengan perkembangan pembangunan yang amat pesat sekarang ini agak sukar kita hendak mengkategorikan serta mengenal pasti dengan tepat sekolah yang benar-benar bersifat bandar ataupun luar bandar dari segi pencapaiannya dan oleh kerana itu adalah lebih tepat dan lebih sesuai analisa dibuat secara menyeluruh untuk melihat perkembangan dan kemajuan tiap-tiap sekolah secara individu.

Yang Berhormat dari Arau meminta Kementerian Pendidikan mengkaji kurikulum pendidikan moral dan juga perlunya pelajar diajar dan dipertingkatkan pendidikan ini sampai ke peringkat yang setinggi-tingginya. Sebenarnya seperti yang saya katakan awal tadi, kita telah buat perkara ini cuma yang saya hendak tambah sedikit sahaja, soal ini bukan soal tanggungjawab kerajaan semata-mata, setiap daripada kita termasuk Yang Berhormat dari Arau boleh memainkan peranan sekiranya betul-betul berminat untuk berbuat demikian, tetapi saya dukacita mendengar Yang Berhormat dari Arau tadi dia lebih suka untuk hendak mempolitikkan perkara ini daripada memberikan pandangan-pandangan yang boleh kita fikirkan untuk memperbaiki lagi apa juga keperluan yang ada bagi membimbing, mengasuh serta mengajar anak-anak kita yang ada dalam sistem persekolahan kita sekarang.

Yang Berhormat dari Teluk Intan telah menyalahkan kementerian, bila ramai masyarakat keturunan India membuat aktiviti-aktiviti ataupun terlibat dalam masalah jenayah (criminal), ini semua salah Kementerian Pendidikan dan salah kerajaan pula. Saya fikir tidak baiklah Yang Berhormat kata begitu, dia tidak ada di dalam Dewan. Saya katakan tidak baik ini kerana kita buat pelbagai ikhtiar untuk semua murid melalui aktiviti Waja Diri, Pembimbing Kepimpinan Pelajar, perkhemahan yang bertujuan untuk membimbing dan memupuk pelajar-pelajar kita supaya faham dan mengamalkan nilai-nilai yang baik. Jadi kalau ada apa juga masalah dalam sesuatu kaum itu kita tidak boleh hendak mengatakan ini salah Kementerian Pendidikan, kalau sistem itu dipersoalkan tidak apa, tetapi hendak mengatakan Menteri Pendidikan salah itu tidak berapa tepatlah saya fikir.

Saya pula berpendapat kalau sekiranya Yang Berhormat dari Teluk Intan mengatakan perlunya ada dan banyakkkan lagi kemudahan di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil di estet-estet, memang ada kelemahan dan itu saya katakan, kita memang cuba untuk hendak menambah kemudahan-kemudahan dan kita mempunyai rekod, banyak mana bantuan yang kita beri kepada sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil terutama sekali di dalam estet-estet untuk memperbaiki bilik darjah, menokok tambah peralatannya, ada kita salurkan dengan harapan supaya murid-murid yang berada di kawasan-kawasan seperti itu dapat menikmati suasana belajar yang sebaik mungkin dan itu kita buat dari masa ke semasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, jawapan Yang Berhormat panjang lagi atau tidak? Berapa minit lagi?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya ingat dalam sepuluh minit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Kalau sepuluh minit boleh kita teruskan tanpa membuat sebarang usul. Ya, sila.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, saya cuma hendak menyatakan di sini bahawa tentang bantuan ataupun kemudahan untuk rumah guru dan membaikpulih ini, kerajaan telah memperuntukkan RM150 juta untuk membaikpulih sekolah dan rumah guru di seluruh negeri Sarawak setakat ini.

Selain daripada itu, saya suka hendak jelaskan tentang perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Hulu Langat mengenai soal kedudukan bahasa. Saya hendak jelaskan bahawa dalam sistem kita juga memang kita sentiasa mengambil langkah-langkah untuk memartabatkan dan memelihara kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi kita dan ini kita buat melalui pemantauan terutama sekali ada sebuah Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan yang meneliti bagaimana soal bahasa ini diberikan penghormatan dalam pelbagai tindakan dan lapisan kegiatan yang dibuat sama ada oleh kerajaan, oleh kalangan swasta, oleh badan-badan yang lain supaya bahasa itu diberikan tempat yang sebaik mungkin dan contoh yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu kita ambil perhatian dan kita boleh perbaiki.

Selain daripada itu, soal asrama desa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya suka jelaskan, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, tidak ada lagi peruntukan bagi pembinaan asrama desa kerana pembinaan asrama biasa telah diperuntukkan yang mempunyai kemudahan yang lebih selesa. Pada masa akan datang, jumlah asrama biasa sekolah rendah ialah sebanyak 642 buah dan asrama biasa sekolah menengah sebanyak 514 buah. Ini bermakna, asrama desa yang pernah dibuat dulu sekarang ini dikenali sebagai asrama harian sahaja dan kita akan tokok-tambah dari satu masa ke satu masa.

Soal spesifik yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Bagan, Kuala Pilah dan Kemaman, oleh kerana keadaan masa yang tidak berapa mengizinkan ini, saya harap dapat saya berikan secara bertulis kerana cerita itu agak panjang, tidak mungkin dapat saya selesaikan dalam tempoh ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Bagan, bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, maaf, boleh saya

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Cukuplah Yang Berhormat, saya boleh berilah

Tuan Lim Hock Seng: Bolehkah Yang Berhormat membuat peperiksaan unify (unify examination) secara umum.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya boleh berilah secara bertulis. Tuan Pengerusi, itu sahaja dan saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada kawan-kawan, Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan pendapat dan yang lain-lain, insya-Allah saya akan beri secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM10,415,041,200 untuk Maksud B.26 dan RM25,332,000 untuk Maksud B.27 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,415,041,200 untuk Maksud B.26 dan RM25,332,000 untuk Maksud B.27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM3,047,298,830 untuk Maksud P.26 dan RM32,352,000 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1999 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,047,298,830 untuk Maksud P.26 dan RM32,352,000 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1999.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.